

Jilid 1  
Bil. 59



Hari Jumaat  
3hb Julai, 1987

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 9629]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan  
Malaysia (Pindaan) [Ruangan 9715]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) [Ruangan 9733]

### USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 3) 1986 dan Anggaran Pembangunan  
Tambahan (Bil. 1) 1987 [Ruangan 9737]

### UCAPAN PENANGGUHAN:

Penyalahgunaan Kuasa Disiplin oleh Guru-guru—Y.B. Tuan R. Karpal Singh  
[Ruangan 9790]

Akta Penyewaan bagi Penyewa Rumah—Y.B. Tuan Lee Lam Thye  
[Ruangan 9797]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- .. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- .. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).
- .. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- .. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- .. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUEI TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 3hb Julai, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, Point of Order 23 (3). Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada bangun membangkitkan perkara Standing Order 23 (3) di mana saya ada bertanya Timbalan Yang di-Pertua yang duduk masa itu berkenaan dua-dua soalan yang saya menyampaikan kepada Parlimen untuk jawapan bagi 2hb Julai di mana dua-dua soalan ini saya ada bertanya, nombor satu berkenaan kenaikan pangkat, syarat-syaratnya dan peraturan-peraturannya Jeneral Tan Sri Mohd. Hashim bin Mohd. Ali; dan satu soalan lain. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tentang mana yang dikatakan point of order itu?

**Dr Eng Seng Chai:** Semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahulah, tetapi di mana 23 (3) itu?

**Dr Eng Seng Chai:** Iaitu pertanyaan-pertanyaan yang sudah dipotong. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi di situ. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** . . . . .tidak diberi sebab-sebab. Saya tidak diberi sebab-sebab. Setakat semalam tak ada diberi apa sebab-sebab bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, jikalau setakat itu, saya akan melihat supaya sebab-sebab akan diberi kepada Yang Berhormat.

**Dr Eng Seng Chai:** Tetapi setakat masa itu semalam tidak ada apa-apa sebab bertulis diberi. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, saya akan lihat supaya sebab-sebab itu diberi.

**Dr Eng Seng Chai:** Dan saya ada diberi satu jaminan oleh Timbalan Yang di-Pertua semalam, dia akan siasat dan saya hendak minta sekarang, apakah hasil siasatan itu, fasal ini saya berhak bertanya dalam Standing Order semua soalan, dan saya tidak langgar Peraturan 36 (8). . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** . . . . .kalau saya ada langgar. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat duduk, dengan kerana perkara Yang Berhormat keluarkan itu bukanlah berkenaan dengan Standing Order. Yang di bawah 23. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Bukan, saya bertanya atas soalan semalam iaitu di bawah Standing Order. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau sekiranya Yang Berhormat belum dapat jawapan, saya akan melihat supaya Yang Berhormat dapat jawapan.

**Dr Eng Seng Chai:** Apakah hasil siasatan itu, Tuan Yang di-Pertua? Fasal, langsung tak ada beri apa-apa penjelasan dan di bawah Standing Order, saya berhak bertanya apa-apa pertanyaan saya sampaikan kepada Parlimen. Jika saya ada langgar. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan lihat. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** . . . . . Standing Order 36 (8) bolehlah. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya akan lihat supaya jawapan itu akan disampaikan kepada Yang Berhormat. Saya ingat itu sudah mencukupi. Saya minta. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Tetapi kita mesti minta penjelasan dalam Dewan yang mulia ini. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat duduk. Saya ingat Yang Berhormat. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang Wakil, saya berhak bertanya. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jika Yang Berhormat tidak. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** . . . pertanyaan, saya tidak langgar apa-apa undang-undang. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jika tidak mahu duduk, saya hendak minta supaya Yang Berhormat keluar!

**Dr Eng Seng Chai:** Bukan saya tak mahu duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya ada berhak bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah bertanya, saya telah menjawab bahawa pertanyaan Yang Berhormat itu akan diberi jawapan.

**Dr Eng Seng Chai:** Langsung tak beri jawapan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan yang pertama, Yang Berhormat Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.

### PENGALIRAN MODAL ASING KE MALAYSIA

**1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan selain dari ongkos buruh dan tahap corporate tax yang tinggi, kekurangan industri pembantu (feeder industries) berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain apakah lain-lain faktor yang meminimalkan pengaliran modal asing ke Malaysia; adakah Kementerian sedar bahawa kelebihan tiga faktor di atas menyebabkan negara Thailand menarik lebih kurang 75% penghijrahan modal dari Taiwan ke negara-negara ASEAN.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat mungkin dianggap oleh setengah-setengah syarikat sebagai fakta-fakta negatif yang menjejaskan pengaliran modal asing ke Malaysia. Tetapi, kita harus sedar bahawa sesuatu keputusan untuk melabur dibuat berdasarkan keadaan keseluruhannya. Malaysia juga menawarkan berbagai-bagai kemudahan yang menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Fakta ini lebih ketara untuk industri-industri berorientasikan eksport di mana garis-garis panduan untuk penyertaan ekuiti asing dan galakan-galakan pelaburan baru yang diumumkan pada 1hb Oktober, 1986 mendapat sambutan

yang menggalakkan dari pelabur-pelabur asing. Di samping itu, penggunaan bahasa Inggeris yang meluas di sektor perniagaan dan perindustrian Malaysia, keadaan politik yang stabil dan mutu kehidupan yang tinggi, telah sedikit sebanyak menarik pelaburan asing ke negara ini.

Walau bagaimanapun, bagi industri-industri yang memerlukan pasaran tempatan, negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Filipina, mempunyai kelebihan daripada Malaysia di dalam menarik pelaburan asing kerana saiz pasaran tempatan mereka yang lebih besar. Tambahan lagi dilihat dari segi kos buruh ketiga-tiga negara ASEAN ini mempunyai kelebihan kerana kos-kos tersebut adalah lebih rendah daripada yang ditawarkan oleh Malaysia. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan terlebih dahulu, peluang-peluang pelaburan dan galakan-galakan serta kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh Malaysia, terutama untuk industri-industri yang berorientasikan eksport telah terbukti setanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Kos tenaga buruh di Malaysia adalah lebih tinggi daripada negara-negara ASEAN lain (kecuali Singapura), tetapi tenaga buruh kita berpelajaran serta mudah dilatih dan ini seterusnya mengimbangkan fakta kos yang tinggi ini. Begitu juga tenaga pekerja Malaysia adalah produktif dari segi ekonomi.

Berdasarkan fakta-fakta ini, negara Malaysia masih dapat menerima pelaburan asing. Ini bolehlah diperhatikan daripada jumlah pelaburan modal asing yang telah meningkat dalam tempoh Januari hingga Mei 1987, iaitu sebanyak M\$246.8 juta berbanding dengan M\$75.1 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 1986.

Menyentuh tentang pelaburan daripada Taiwan, kita telah mengalami pertambahan pelaburan yang besar di dalam lima bulan pertama, 1987. Dari bulan Januari hingga Mei, 1987, ekuiti Taiwan di dalam projek-projek yang diluluskan berjumlah sebanyak \$35.9 juta, manakala untuk jangkamasa yang sama pada tahun 1986, jumlah ekuiti Taiwan di dalam projek yang diluluskan hanya berjumlah \$2.1 juta.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jawapan daripada Timbalan Menteri telah mengatakan beberapa faktor telah ditawarkan oleh Kerajaan kita untuk menarik pelaburan daripada negeri-negeri asing. Tetapi kalau berbanding dengan negeri-negeri Taiwan, Thailand dan sebagainya di wilayah Asia, Malaysia hanya dapat sedikit sebanyak sahaja. Sejauh manakah ini disebabkan dengan izin, kita ada "Industrial Coordination Act" ataupun kerana keadaan politik di Malaysia atau lain-lain faktor yang menjejaskan pelaburan itu?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Pasir Pinji oleh kerana kalau kita membanding dengan negara Thailand, Indonesia atau Filipina, setakat ini Malaysia ada menarik banyak pelaburan asing dari beberapa negara di seluruh dunia. Seperti yang dinyatakan terlebih dahulu ada banyak faktor berbanding dengan Thailand dan Indonesia. Contohnya, Malaysia di dalam menarik pelaburan asing di dalam pasaran tempatan, kita tidak boleh berbanding oleh kerana saiz pasaran tempatan mereka yang lebih besar. Itu satu contoh.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa daya tarikan untuk

pelaburan-pelaburan asing ke negara Malaysia dijejas oleh kerana krisis keyakinan. Dalam 10 tahun yang lepas capital dalam negeri ini sudah mengalir ke luar lebih kurang \$20 billion. Pelabur-pelabur tempatan iaitu warganegara juga kurang yakin atas suasana pelaburan dalam negeri dan macam mana kita akan menarik lebih banyak pelaburan dari negara asing? Juga baru-baru ini diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa ekuiti ataupun "economic cake" akan diambil 50% oleh bumiputera. Adakah ini menjejaskan daya Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negara kita?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kampar. Kalau ada krisis keyakinan di negara kita, saya sudah beberapa kali bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, itulah satu fikiran pihak Pembangkang sahaja. (*Tepuk*) Seperti saya cakap. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Dato Kok Wee Kiat:** Apa penjelasan, sekarang saya sedang menjawab. . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia tidak beri jalan, tidak payah bercakap. Sila teruskan.

**Dato Kok Wee Kiat:** Saya hendak bertanya, kalau ada krisis keyakinan, bagaimanakah kita boleh dapat lebih pelaburan dari Taiwan kalau kita mengikuti angka-angka yang saya berikan tadi?

## SISTEM KAD PERAKAM WAKTU

**2. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan betapa berkesannya kaedah mencatatkan waktu kakitangan datang dan lepas dari kerja sejak pelaksanaannya mengikut:

- (a) bilangan orang kakitangan yang didapati datang ke kerja lewat atau pulang awal;
- (b) bilangan orang kakitangan yang tertangkap mencatat waktu bagi rakan sekerja mereka.

Siapakah yang memeriksa kad-kad kedatangan pekerja; apakah kekerapan tugas ini dilakukan. Adakah pihak Kementerian sekali-sekalanya membuat lawatan mengejut ke Jabatan-jabatan Kerajaan untuk tujuan ini. Jika ada, apakah kekerapan lawatan dari pihak Kementerian ke sesuatu jabatan tertentu dalam masa sebulan, berapakah lawatan sebegini dilakukan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak pelaksanaan sistem kad perakam waktu pada tahun 1981, ianya telah dapat mengawal disiplin pegawai dan kakitangan Kerajaan dari segi ketepatan waktu datang dan pulang dari pejabat. Sejak pelaksanaan sistem kad perakam waktu, tidak terdapat lagi kes-kes datang lewat dan pulang cepat berlaku kecuali dengan alasan-alasan yang diterima oleh pihak atasan. Dari sudut ini, sistem kad perakam waktu adalah amat berkesan.

Berhubung dengan masalah mengetip kad orang lain, sejauh ini masalah ini dapat dikawal dengan adanya peraturan-peraturan yang sedia ada dalam sistem ini di mana seorang pegawai perlu dilantik untuk bertugas setiap hari bagi memastikan semua peraturan termasuk larangan

tidak boleh mengetip kad orang lain dipatuhi. Pegawai bertugas juga adalah dipertanggungjawab untuk memeriksa setiap kad setiap hari. Di samping itu pegawai bertugas perlu menyediakan laporan harian, mingguan dan bulanan yang antara lain melaporkan bilangan kakitangan yang datang lewat dan pulang awal dengan sebab-sebabnya. Jika terdapat sebab-sebab yang tidak diterima oleh pegawai-pegawai penyelia, perkara ini akan dimaklumkan kepada pihak atasan untuk tindakan mereka.

Kerajaan juga sentiasa mengawasi keberkesanan perjalanan sistem ini. Lawatan mengejut oleh Pasukan Petugas Khas Produktiviti di Jabatan Perdana Menteri ke agensi-agensi Kerajaan diadakan dari masa ke semasa. Selain dari itu sistem ini juga diawasi melalui pengesanan sistem Jawatankuasa Penilaian Pengesanan Usaha-usaha untuk Memajukan Pentadbiran Awam iaitu "PUMPA". Dengan sistem ini, semua agensi Kerajaan perlu melaporkan sebulan sekali antara lain kedudukan pelaksanaan sistem kad perakam waktu dan masalah-masalah yang dihadapi.

Baru-baru ini MAMPU bersama-sama dengan wakil beberapa agensi Kerajaan telah membuat lawatan untuk memilih pejabat-pejabat untuk mendapat anugerah pejabat terbaik. Dalam pemilihan ini, pelaksanaan sistem kad perakam waktu yang berkesan adalah merupakan salah satu kriteria untuk membolehkan pejabat dipilih bagi memenangi anugerah ini.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejak sistem ini diadakan berapa ramai pegawai-pegawai Kerajaan yang telah melanggar peraturan ini yang telah diambil tindakan disiplin.

Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapatnya sebilangan kakitangan Kerajaan yang melakukan punch card mereka selepas itu mereka ini keluar dan pergi ke kantin minum beberapa lama, selepas itu barulah mereka menjalankan tugas.

Di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebutkan bahawa ada pegawai yang mencatat mereka yang melanggar peraturan. Di sini saya ingin tahu adakah juga pegawai yang diberi tugas untuk memerhatikan atau mencatat mereka yang datang awal mengikut waktunya dan setelah melakukan punch card mereka, mereka keluar pula untuk minum di kantin dan sebagainya.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah mereka yang dikenakan disiplin sengaja saya tidak senaraikan di sini kerana bukan semua yang datang lewat dikenakan disiplin walaupun ia kelihatan merah, tetapi setelah disiasat didapati ada beberapa perkara yang boleh ditimbang oleh Ketua Jabatan. Jadi, kalau sekiranya kita dapati ada tanda-tanda demikian atau tanda merah pada kad, tindakan disiplin hanya akan diputuskan oleh Ketua Jabatan sama ada orang yang kadnya telah menjadi merah pada hari yang berkenaan wajar dikenakan disiplin ataupun tidak kerana sistem pentadbiran adalah berjalan dengan baik dan mengambil kira beberapa aspek seperti kemalangan jalan raya dan sebagainya.

Mengenai dengan ada orang pergi punch kad, kemudian pergi ke tempat lain, urusan ini adalah diawasi oleh Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan. Jabatan-jabatan di Malaysia ini sangat banyak dan setiap orang menyimpan rekod ini dan pihak agensi pusat hanya akan meminta bila dirasakan perlu sahaja. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat hendak mengetahui, maka

kita akan membuat survey ke seluruh jabatan-jabatan yang bertabur di seluruh negara untuk mengetahui kes ini sekiranya ada.

Mengenai dengan adakah mereka yang bertugas untuk mengawal, kemudian dia sendiri pergi minum, kes ini belum lagi sampai kepada pengetahuan pihak pentadbiran.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kita mahu kakitangan-kakitangan Kerajaan lebih berdisiplin, sangat mustahak bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan membuat satu contoh kepimpinan melalui teladan. Dan kalau kita baru 5 orang Menteri ada di sini, sungguhpun ada 24, tidak sampai 20%. Adakah satu contoh yang lebih baik akan ditunjuk termasuk mungkin clock-in, clock-out untuk Menteri-menteri datang ke Dewan yang mulia ini. *(Tepuk)*

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kekosongan beberapa kerusi di sini menunjukkan bahawa Menteri-menteri menjalankan disiplin kerana mereka menjalankan tugas dan mereka tahu yang mana lebih perlu diberi priority. Mungkin parti yang berkenaan, mungkin ada orang atau pemimpin yang lain atau Yang Berhormat yang berkenaan kalau sekiranya diberi peluang menjadi Menteri misalnya tidak akan membuat priority. Tetapi Kerajaan hari ini, Menteri-menterinya memberikan priority demi kepentingan rakyat.

### KELAS TERAPUNG DI PULAU PINANG

**3. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha untuk mengatasi masalah kelas terapung bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah yang

wujud begitu banyak di seluruh negara khususnya bagi negeri Pulau Pinang. Senaraikan kelas terapung bagi Negeri Pulau Pinang mengikut daerah itu:

- (a) Daerah Seberang Perai Utara;
- (b) Daerah Seberang Perai Tengah;
- (c) Daerah Seberang Perai Selatan;
- (d) Daerah Timur Laut; dan
- (e) Daerah Barat Daya.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan untuk mengelakkan wujudnya kelas terapung di seluruh negara. Walau bagaimanapun, buat masa sekarang Kementerian Pendidikan mengadakan "Rancangan Kilat" dan membina bilik-bilik darjah "bentuk sementara" untuk mengurangkan kelas-kelas terapung di mana keadaan kewangan mengizinkan.

Bilangan kelas terapung bagi sekolah-sekolah menengah mengikut daerah:

(a) Daerah Seberang Perai Utara	19 buah kelas
(b) Daerah Seberang Perai Tengah	11 buah kelas
(c) Daerah Seberang Perai Selatan	14 buah kelas
(d) Daerah Timur Laut	36 buah kelas
(e) Daerah Barat Daya	8 buah kelas
Jumlah ..	<hr/> 88 buah kelas <hr/>

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Soalan tambahan. Benarkah terdapat setengah dakwaan yang menyatakan bahawa wujudnya kelas-kelas terapung yang begitu banyak kerana tiadanya kajian yang terperinci dan menyeluruh sebelum sekolah itu dibuat atau dibina. Kalau tidak benar, apakah sebab-sebab yang sebenarnya?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi memang tidak benar kerana dalam Kementerian Pendidikan ada program-program untuk tiap-tiap jangka masa kita mengkaji kawasan-kawasan atau wilayah-wilayah di mana sekolah kekurangan dan juga di mana patut sekolah disatukan atau sekolah untuk dibangun baru, dan di mana sekolah untuk ditambahkan bilik darjah. Jadi, seperti yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, masalah ini memanglah disedari oleh Kementerian tetapi kita cuba mengurangkan masalah ini mengikut keadaan kewangan yang mengizinkan.

#### KEMUDAHAN ASAS DI LUAR BANDAR

**4. Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar setelah 30 tahun merdeka, masih ada kawasan luar bandar yang tidak mendapat kemudahan asas, seperti api letrik, air pili, jambatan, jalan dan keadaan kampung yang menyedihkan. Jika sedar:

- (a), apakah perancangan yang sungguh-sungguh dibuat bagi mengatasi atau setidak-tidaknya memenuhi sebahagian dari keperluan ini khususnya di daerah Sik, Kedah; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar semasa hujan lebat berpanjangan di Mukim Sok, Daerah Sik, Kedah ada yang hanya makan pisang ganti nasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa masih terdapat lagi kawasan-kawasan luar bandar yang tidak

mendapat kemudahan asas seperti yang disebut. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi pembangunan di kawasan luar bandar. Bagi Daerah Sik, Kedah; Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sahaja telah membelanjakan sejumlah \$12.3 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat iaitu daripada 1981-1985 untuk kemudahan-kemudahan tersebut dan sejumlah \$2.4 juta telah dibelanjakan dalam tahun 1986. Kampung-kampung dan kawasan-kawasan yang belum lagi mendapat kemudahan tersebut telah dikenalpasti dan dimasukkan ke dalam program Rancangan Malaysia Kelima untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program tersebut bergantung kepada peruntukan kewangan yang dapat disediakan.

Bagi perkara yang kedua mengenai soalan (b), Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan tidak mendapat sebarang maklumat mengenainya.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian berkenaan sedar ada beberapa banyak jambatan-jambatan dan juga jeti-jeti yang tidak dapat dibaiki sejak Perang Dunia Kedua dan yang telah menghalang keselamatan rakyat kita. Dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk membaiki jambatan-jambatan dan jeti-jeti tersebut?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Memang masih terdapat kemudahan asas seperti yang saya sebutkan tadi yang belum dapat dilaksanakan secara keseluruhannya.

Berkenaan dengan jambatan-jambatan dan jeti-jeti seperti Yang Berhormat nyatakan di mana ianya

belum diperbaiki sejak Perang Dunia Kedua, kalau Yang Berhormat boleh memberitahu berkenaan dengan jambatan-jambatan yang spesifik dan melaporkan kepada Kementerian, kita akan mengkajinya.

**Dato' Zainal Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan mempunyai dasar-dasar tertentu dalam memilih kawasan untuk dibangunkan kerana apa yang saya dapati saya tengok kawasan-kawasan orang-orang yang berkuasa sahaja nampaknya dibangunkan hingga terdapat jejambat yang melintasi jalan raya yang tidak pun digunakan oleh kambing.

Yang kedua, adakah Kerajaan sedar bahawasanya masih banyak lagi titi-titi rumba. Bila saya sebut titi rumba ini makna kata titi yang bergoyang macam irama rumba (*Ketawa*) dalam daerah Sik dan kalau sedar, dapatkah Kerajaan membantu supaya ianya selaras dengan keadaan semasa selepas 30 tahun merdeka?

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Dasar Kerajaan bagi pelaksanaan sesuatu projek adalah mengikut keutamaan dan kemandapan satu-satu projek yang telah dikenalpasti. Berkenaan dengan masalah titi rumba, saya mintalah laporan yang lengkap dari Yang Berhormat di mana titi yang sedemikian itu berada di kawasan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

*(Soalan No. 5 Y. B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Ling Chooi Sieng.

*(Soalan No. 6 Y. B. Puan Ling Chooi Sieng tidak hadir).*

## INSTITUSI PENGAMBILAN DEPOSIT—SIASATAN

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan institusi pengambilan deposit oleh Bank Negara sehingga 30-5-1987 selaras dengan kuasa-kuasa di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan kepada pendeposit) 1986 dan apakah anggaran kutipan dalam bentuk deposit dan bilangan pendeposit yang terlibat yang dikesan oleh Bank Negara; dan
- (b) apakah keputusan siasatan berapa banyak institusi pengambilan deposit didapati terlibat melanggar undang-undang dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara terhadap mereka yang berkenaan. Apakah Kerajaan akan mengeluarkan satu kertas putih apabila siasatan ke atas semua institusi pengambilan deposit siap.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Mei, 1987 sebanyak 27 institusi pengambilan deposit telah disiasat oleh Bank Negara Malaysia di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada pendeposit) 1986. Jumlah deposit yang dipungut oleh institusi-institusi tersebut ialah dianggarkan sebanyak lebih kurang \$38.83 juta dan melibatkan lebih kurang 7,400 pendeposit-pendeposit.
- (b) Setakat ini penyiasatan tersebut telah menunjukkan bukti yang kukuh mengenai kegiatan perniagaan kewangan secara

haram oleh 19 buah institusi-institusi pengambilan deposit yang merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 3 Akta Syarikat Kewangan 1969.

Penyiasatan tersebut juga mendedahkan kemungkinan berlakunya kegiatan jenayah 11 institusi pengambilan deposit. Walau bagaimanapun, siasatan lanjut masih diperlukan bagi mengesahkan perkara tersebut dan Bank Negara akan bekerjasama dengan pihak Polis dalam hal ini.

Penyiasatan juga telah mendedahkan bahawa 10 institusi pengambilan deposit telah menjalankan perniagaan memberi pinjaman wang tanpa lesen yang sah daripada pihak berkuasa tempatan. Ini merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 5 Ordinan Pemberi Pinjamwang 1951. Pihak berkuasa tempatan yang berkenaan telah diberitahu mengenai perkara tersebut untuk tindakan selanjutnya.

Penyiasatan juga telah menunjukkan bahawa beberapa institusi pengambilan deposit melanggar beberapa peruntukan Akta Syarikat 1965. Pendaftar Syarikat akan diberitahu mengenai kesalahan tersebut untuk tindakan jabatan tersebut seterusnya. Oleh kerana deposit yang dipungut oleh institusi pengambilan deposit yang terlibat adalah kecil dan masalah-masalah yang timbul akibat dari kegagalan mereka tidak mengancam kestabilan sistem kewangan, saya berpendapat satu Kertas Putih mengenai institusi pengambilan deposit tidak perlu dikeluarkan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang

Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sehingga hari ini berapa ahli-ahli Lembaga yang terlibat dalam institusi pengambilan deposit yang haram ini telah dihadapkan ke mahkamah dan di samping itu suka juga saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Bank Negara bercadang untuk menggunakan kuasanya di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada pendeposit) untuk membekukan harta benda ahli-ahli pengarah institusi pengambilan deposit yang terbabit dalam berbagai-bagai penyelewengan dan harta benda ini dapat dijual dan selepas itu disebarkan kepada pendeposit-pendeposit yang berkenaan.

Soalan tambahan yang kedua ialah apakah rancangan Bank Negara untuk menyelamatkan semua pendeposit-pendeposit yang berkenaan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum mempunyai fakta-fakta ataupun statistik yang menunjukkan berapakah ahli-ahli lembaga pengarah yang dihadapkan ke mahkamah tetapi soalan tadi berkaitan dengan siasatan. Jadi siasatan telah dijalankan dan jika bersabit kes-kes ini barulah mereka dihadapkan ke mahkamah.

Kemudian soalan yang kedua mengenai membekukan harta pengarah dan menjualkannya, jika sekiranya bersabit dengan kes-kes yang telah pun disiasat kemungkinan perkara-perkara tersebut atau tindakan tersebut akan diambil tetapi setakat ini siasatan sedang dijalankan dan berilah peluang kepada Bank Negara untuk melanjutkan siasatan tersebut.

Berkenaan dengan rancangan Bank Negara untuk menyelamatkan pendeposit-pendeposit tersebut, saya ingin mendapat sedikit maklumat lagi berkenaan dengan rancangan-rancangan tersebut yang mungkin

akan dikemukakan selepas siasatan-siasatan ini lengkap.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dalam siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara, Bank Negara telah mendedahkan pinjaman secara besar-besaran yang telah diberi tanpa cagaran-cagaran yang mencukupi kepada pihak-pihak yang tertentu.

Dan kedua saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada Bank Negara sedang mengambil langkah untuk memungut atau untuk mendapat balik hutang-hutang besar yang telah diberi oleh institusi yang tertentu kepada peminjam-peminjam terutama sekali kepada pemimpin-pemimpin politik yang patutlah memberi contoh mengikut prinsip Kepimpinan Melalui Teladan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang pertama mengenai siasatan Bank Negara, seperti yang saya katakan tadi, perkara ini masih dalam siasatan lagi dan oleh kerana itu perlulah kita menunggu sebentar atau bersabar untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut.

Kedua kita belum lagi mendapat maklumat yang mengatakan bahawa hutang-hutang itu telah diberi kepada pengarah-pengarah ataupun sebaliknya. Jadi jawapan saya pada peringkat awal tadi telah menerangkan bahawa kita masih dalam siasatan dan kita harap Bank Negara akan mengeluarkan satu laporan yang lengkap untuk Ahli-ahli Yang Berhormat.

#### **PENYELUDUPAN DI PERAIRAN THAILAND-MALAYSIA**

**8. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan

sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh pihak Kastam mengenai kerjasama dan persefahaman untuk membanteras penyeludupan di kawasan perairan antara Thailand—Malaysia. Apakah butir-butir kandungan persefahaman dan bentuk kerjasama antara pihak Kastam kedua belah pihak terutama di sepanjang pengairan 32 KM dari Tanjung Cincin hingga Tanjung Dendang dan kawasan sepanjang 32 KM dari Pulau Teratau hingga Pulau Panjang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, kerjasama di antara pihak Kastam Malaysia dan Thailand dimulakan dengan rasminya pada bulan Januari 1986 dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Malaysia-Thai Mengenai Pelaksanaan Pencegahan atau, dengan izin, Border Committee Malaysia-Thailand on Enforcement Matters. Bentuk kerjasama yang telah dipersetujui melingkungi tiga bidang iaitu:

- (i) Pertukaran maklumat dan perisikan bersangkutan dengan penyeludupan.
- (ii) Membantu dalam penyiasatan-penyiasatan tertentu bersangkutan dengan penyeludupan.
- (iii) Operasi bersama laut dan darat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan operasi di antara Tanjung Cincin hingga Tanjung Dendang dan Pulau Teratau hingga Pulau Panjang pula, persefahaman yang dicapai adalah bahawa operasi di antara Tanjung Cincin hingga Tanjung Dendang dijalankan oleh Kastam Malaysia manakala operasi di antara Pulau Teratau hingga Pulau Panjang dijalankan oleh Kastam Thailand.

Operasi yang pertama telah dilaksanakan dari 6 hingga 7hb Jun

1987 dengan tujuan membanteras penyeludupan di perairan tersebut. Operasi tersebut tidak menghasilkan apa-apa tangkapan ataupun rampasan barang-barang seludup. Walau bagaimanapun, ia ada memberi kesan kepada bakal penyeludup-penyeludup dan mengurangkan kegiatan-kegiatan penyeludupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, di antara kejayaan-kejayaan kerjasama antara Kastam Malaysia dan Thailand yang telah tercapai di masa lampau adalah seperti berikut:

- (i) Rampasan oleh Kastam Thailand ke atas 5,000 kg. daun tembakau kering yang hendak diseludup ke Malaysia.
- (ii) Tangkapan 8 orang rakyat Thai yang cuba menyeludup 500 kartun minuman keras dan 10 kartun rokok yang bernilai \$121,800 di kawasan perairan Banting, Selangor dalam bulan Mei, 1986. Cukai yang terlibat itu ialah \$155,744.
- (iii) Pihak Kastam Thailand telah juga membantu dalam penyiasatan 1,080 beg beras yang diseludup ke Malaysia dalam bulan Mei, 1986.
- (iv) Maklumat telah diberi bersangkutan dengan penyeludupan dadah tetapi masih belum berhasil.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada dinyatakan bahawa terdapat tiga bentuk kerjasama di antara pihak Thailand dengan Malaysia iaitu:

- (i) pertukaran maklumat perisikan;
- (ii) penyiasatan tertentu;
- (iii) operasi bersama di laut dan di darat.

Saya minta penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan yang ke (ii) iaitu penyiasatan tertentu dan sejauh manakah kejayaan dan hasilnya.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bagi pihak Kementerian Kewangan menyatakan bahawa pihak Kastam Malaysia dan Thailand bekerjasama dengan membantu satu sama lain dalam penyiasatan-penyiasatan tertentu bersangkutan dengan penyeludupan. Itu bermakna sebagaimana kita semua tahu penyeludup-penyeludup adalah orang yang pandai sekali. Untuk menangkap mereka, Kastam-kastam kedua belah pihak ini hendaklah bekerjasama dengan rapat. Jadi, apabila salah pihak iaitu Kastam Malaysia dan Kastam Thailand hendak menyiasat dengan mendalam, jadi maklumat atau manpower dan sebagainya untuk membantu dalam penyiasatan itu diperlukan.

Jadi, atas asas ini adalah sangat perlu bagi kedua-dua belah pihak membantu satu sama lain dalam penyiasatan-penyiasatan yang bersangkutan dengan penyeludupan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan memberitahu apakah tindakan-tindakan ataupun langkah-langkah yang akan diambil terhadap:

- (i) jikalau terdapat kakitangan-kakitangan Kerajaan ataupun kakitangan-kakitangan Kastam yang terlibat dalam penyeludupan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat tidak boleh membenarkan perkataan "jikalau, jikalau", tidak boleh begitu.

**Tuan Lau Dak Kee:** "Jika". . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena fact, keadaan yang sebenar, baru boleh ditanya.

**Tuan Lau Dak Kee:** "Apabila" saya katakan. Apabila terdapat kakitangan itu terlibat dalam penyeludupan dan apakah angkanya telah disyaki dan;

- (ii) apakah tindakan yang akan diambil terhadap Pegawai-pegawai Kastam yang telah digugat atau ditembak mati oleh pihak-pihak tertentu, khususnya pihak penyeludup semasa mereka menjalankan operasi.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (i), Kerajaan kita adalah Kerajaan yang adil. Jadi efficiency, dengan izin, kakitangan Kerajaan kita ini adalah penting. Jadi, jikalau sesuatu. . . .

**Seorang Ahli:** "Jikalau.....jikalau" tidak mahulah!

**Tuan Loke Yuen Yow:** Apabila didapati seseorang kakitangan Kerajaan atau pegawai Kastam yang telah terlibat di dalam penyeludupan, Kerajaan akan buang kerjanya. Tetapi sebelum Kerajaan mengambil tindakan, evidence atau bukti yang jelas hendaklah didapati. Jadi, tuantuan dan puan-puan.....(*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan angka pegawai-pegawai Kastam yang disyaki terlibat dengan penyeludupan, maafkan saya tidak dapat memberi angka itu. Jikalau Yang Berhormat hendak tahu berilah notis dengan bersurat. Terima kasih.

## JABATAN URUSAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**9. Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan satu Jabatan Urusan Wilayah Persekutuan untuk mengendalikan tugas-tugas

pentadbiran sejak Kementerian Wilayah Persekutuan dimansuhkan dalam rombakan Kabinet baru-baru ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pemansuhan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Wilayah Persekutuan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang bilangan kakitangan yang terdapat dalam Jabatan Pembangunan Wilayah Persekutuan ini. Soalan yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di sini apakah sebabnya Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kakitangan pada masa sekarang iaitu di bawah Jabatan Kemajuan Wilayah Persekutuan terdapat 37 orang kakitangan; dan pemansuhan Kementerian Wilayah Persekutuan dan mengujudkan Jabatan Kemajuan Wilayah Persekutuan adalah kebijaksanaan Kerajaan.

**Tuan Liew Ah Kim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bukankah lebih sesuai sekiranya Wilayah Persekutuan dikembalikan kepada sistem yang ada dalam tahun 1972 di mana Datuk Bandar diberi kuasa yang lebih luas untuk mengendalikan tugas-tugas pentadbiran Wilayah Persekutuan itu.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Kerajaan akan membuat kajian, Tuan Yang di-Pertua.

## PERINTAH BERKURUNG— MEMBATALKAN

**10. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan keadaan keselamatan telah terkawal di ketiga-tiga buah kampung dalam Daerah Raub yang dikenakan perintah berkurung sejak lebih 10 tahun lalu, adakah Kerajaan bercadang menimbang untuk membatalkan perintah berkurung itu bagi memudahkan penduduk-penduduk pergi bekerja di awal pagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, seluruh kawasan Pahang Barat yang meliputi daerah Kuala Lipis, Raub, Temerloh dan Bentong masih lagi menghadapi ancaman dari pengganas komunis.

Dari maklumat yang ada jelas menunjukkan bahawa pengganas komunis yang bergerak di kawasan Raub masih meneruskan usaha-usaha mereka menghubungi penduduk-penduduk tempatan untuk memperolehi bekalan logistik dan juga menyebarkan dakyah-dakyah subversif.

Bagi membolehkan pasukan-pasukan keselamatan menjalankan operasi-operasi dengan lebih berkesan sebagai satu langkah pencegahan, adalah perlu perintah berkurung diteruskan di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun perintah berkurung dikuatkuasakan di kawasan tersebut, Kerajaan ada memberi kelonggaran kepada penduduk-penduduk yang terpaksa bekerja di awal pagi dengan mengeluarkan pas berkurung.

**Tuan P. Patto:** Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa masih terdapat ancaman pengganas-pengganas

komunis di bahagian Pahang Barat, ingin saya mendapat tahu sama ada perintah berkurung yang dikenakan selama 10 tahun ini tidak dapat menyelesaikan masalah ancaman pengganas komunis dalam kawasan itu dan sama ada ini menunjukkan bahawa pegawai-pegawai Cawangan Khas (Special Branch) yang ditugaskan di situ mungkin tidak lagi boleh menjalankan kerja dengan berkesan (*Tepuk*).

Yang kedua, kalau ada sekiranya pegawai-pegawai intelligence yang dihantar untuk bertugas di situ pun sudah tidak ada daya untuk buat kerja intelligence. Oleh kerana itulah kelembapan, ketidakcekapan dalam Kementerian sendiri maka rakyat di kawasan Pahang Barat ini terpaksa menderita di bawah perintah berkurung selama 10 tahun (*Tepuk*).

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan bahawa sejak Unit Penggempor Keenam PGK masuk ke kawasan tersebut, Pasukan Keselamatan telah berjaya menghapuskan seramai 165 orang PGK. Semenjak tahun 1986 sehingga kini. . . . .

**Tuan P. Patto:** Penjelasan. Makna PGK?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pengganas Komunis.

**Tuan P. Patto:** Oh....., terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bila jadi Wakil Rakyat ini kena belajarlah sedikit (*Ketawa*). Semenjak tahun 1986 sehingga kini pihak pasukan keselamatan telah menjumpai tidak kurang daripada 24 tempat simpanan makanan PGK di kawasan Raub sahaja yang mana 12 daripadanya mengandungi 44 gelen tong, 10 daripadanya diisi dengan beras dan 2

lagi mengenai barang-barang pengganas komunis. Dengan terjumpanya tempat-tempat simpanan makanan itu jelas menunjukkan bahawa Pasukan Keselamatan telah menjalankan kerja yang cukup gigih dan berani. Dengan sebab itu, kita menunggu masa. Setelah keadaannya selamat maka kawasan itu akan dibersihkan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya baru-baru ini negeri Thailand telah melancarkan satu program untuk memulih pengganas komunis masuk balik ke masyarakat masing-masing dan tadi jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan negara kita ini masih menghadapi ancaman komunis. Bukankah ada satu langkah yang baik mengikut program yang dilancarkan oleh Thailand supaya dipakai dalam negara kita supaya ancaman komunis ini dapat diselesaikan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, negara Thailand dan Malaysia mempunyai pentadbiran yang berbeza dan masalah yang berbeza. Kita akan menyelesaikan masalah kita cara kita. Dengan sebab itu, Malaysia juga mempunyai program-program yang tertentu dalam hal menyelesaikan masalah pengganas komunis yang menyerah diri dan ini telah pun berjalan sejak projek-projek Sri Aman di Sarawak dilakukan dan telah ramai yang telah menyerah diri dan telah ramai pula yang telah pun masuk ke pangkuan masyarakat biasa.

#### KEMISKINAN—MENINGGIKAN PENDAPATAN

**11. Tuan Madatang bin Morejal** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di seluruh negara.

**31. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah di (i) kawasan bandar; dan (ii) kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab kedua-dua soalan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming dan Tuan Madatang bin Morejal secara sekali gus oleh kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan dan mempunyai persamaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Seperti yang dijelaskan dalam dokumen-dokumen Rancangan Lima Tahun Kerajaan usaha-usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Secara ringkas antara strategi-strategi dan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan ialah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dalam sektor-sektor moden, khasnya bukan pertanian dan perkhidmatan bandar serta menyerap isi-isi rumah miskin di luar bandar ke dalam sektor-sektor tersebut.
- (ii) Meningkatkan daya pengeluaran petani terutamanya menerusi penyertaan dalam pembukaan tanah baru dan kemudahan-kemudahan pembangunan di kawasan yang sedia ada serta penyediaan kemudahan-kemudahan perairan, khidmat pengembangan dan penanaman semula dengan

menggunakan benih yang berhasil tinggi.

- (iii) Membangunkan kawasan-kawasan bandar dengan lebih tersusun di samping menyediakan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan penyertaan oleh golongan yang berpendapatan rendah.
- (iv) Meluaskan kemudahan-kemudahan asas seperti kesihatan, pelajaran, jalan-jalan, bekalan air dan elektrik ke kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

Berikutan daripada kesan negatif kemelesetan ekonomi terhadap pertumbuhan ekonomi negara Kerajaan juga telah melaksanakan strategi-strategi penyesuaian yang baru seperti sistem perkebunan secara berkelompok yang bertujuan mempertingkatkan mutu pengurusan serta program pambandan kawasan luar bandar. Di bawah pendekatan baru ini tanah-tanah terbiar dan keluasan tanah yang tidak ekonomik khususnya akan dimajukan dan diuruskan secara lebih besar dan tersusun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah jawapan itu?

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Kampung-kampung yang berselerak juga telah dan sedang disatu dan dijadikan pusat pertumbuhan yang berdaya maju bagi membolehkan wujudnya kegiatan-kegiatan menambahkan pendapatan dan peluang pekerjaan dan dasar pertanian negara adalah juga

bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kadar kemiskinan secara relatif telah berkurangan sejak kita mencapai kemerdekaan, hasil daripada pembangunan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sampai sekarang ini, tetapi kita menerima hakikat masih terdapat rakyat, khususnya orang-orang Melayu dan Bumiputera di luar bandar yang begitu daif dan miskin dan kemiskinan ini kita dapati bukan tidak ada susulan strategi pembangunan seperti yang dimaksud oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu perkara yang amat nyata lemah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mana dia soalan itu?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah dalam strategi membasmi kemiskinan banyak agensi wujud, beratus agensi, tetapi masalah yang terus berlaku sekarang ialah penyelarasan dari segi agensi-agensi yang wujud bagi membasmi kemiskinan di luar bandar. Soalan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah sejauh manakah Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri mempunyai hubung kait dari segi penyelarasan dengan agensi-agensi di luar bandar.

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, proses pengesanan dijalankan di peringkat pusat, di peringkat negeri dan di peringkat daerah dan maklumat-maklumat ini selalunya didapati melalui urusan tindakan yang dijalankan di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri dan di peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan biasanya

maklumat-maklumat ini disampaikan secara berkala kepada pihak ICU yang menggunakan maklum balas ini untuk tujuan susulan ke atas kawasan-kawasan yang masih memerlukan tindakan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kategori dan golongan yang seperti manakah yang dikatakan sebagai miskin untuk mendapat bantuan dan pertolongan dari pihak Kerajaan?

**Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memang sedang mengenalpasti negeri-negeri dan daerah-daerah yang telah pun mempunyai kadar kemiskinan atau mengenalpasti kawasan atau kelompok-kelompok mereka yang dikatakan tergolong di paras kemiskinan yang tinggi. Maklumat-maklumat ini didapati daripada banci-banci dan penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan dari masa ke semasa dan negeri-negeri dan daerah-daerah yang dikatakan mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi ada dikenalpasti seperti di Kelantan, di Kedah, di Sabah, di Terengganu dan Sarawak dan daerah-daerahnya pun ada dikenalpasti.

### PROGRAM PETANI SISWAZAH

**12. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan dengan jelas program "Siswazah Tani" dari segi bentuk rancangan dan pelaksanaan sekarang dan masa hadapan dan bagaimana ia diselaraskan dari segi bidang-bidang pengkhususan di institusi pengajian tinggi dengan keperluan-keperluan tenaga supaya skim ini dapat terencana dan terlaksana dengan baik.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, program petani siswazah ini adalah satu pendekatan baru untuk mengubah pertanian secara tradisional

kepada pertanian moden yang berorientasikan komersial menerusi penyerapan golongan muda yang terlatih. Siswazah-siswazah boleh menyertai program ini sama ada secara perseorangan atau kumpulan dengan ahli-ahli yang mempunyai pendidikan formal atau berpengalaman dalam bidang pertanian, kejuruteraan, akaun, perniagaan tani, pemasaran dan sebagainya.

Penyelarasannya masih lagi di peringkat perancangan dan oleh kerana itu butir-butir mengenainya belum dapat diumumkan lagi.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai siswazah tani, sama dan kaitan dengan masalah siswazah mengganggu terdapat siswazah-siswazah itu sendiri yang berkelulusan khusus di dalam pertanian misalnya Sains Perniagaan Tani dan sebagainya tetapi saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri kenapa siswazah-siswazah daripada Universiti Pertanian ini sendiri masih takut untuk menceburkan diri di bidang pertanian dalam suasana sekarang yang perlu untuk kita pertingkatkan pengeluaran pertanian.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan Yang Berhormat itu.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya ringkaskan. Universiti telah mewujudkan siswazah tani, kenapa siswazah-siswazah tani ini masih tidak mahu menceburkan diri di bidang pertanian sedangkan mereka sudah memiliki kepakaran atau pengkhususan di bidang pertanian? Apakah sistem pendidikan khususnya di Universiti Pertanian itu perlu dibuat kajian semula, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr Leo Michael Toyad:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya pun baru

sedar dan saya harap kalau ini menjadi satu sebab dalam sistem pengajian Universiti Pertanian menjadi satu masalah, kemungkinan kita pun boleh mengulangkaji mengapa sebab kalau ada berlakunya siswazah atau graduan-graduan dari Universiti Pertanian yang berkelulusan itu tidak mengikuti program-program seperti ini.

**Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita banyak mendengar pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh pihak Kerajaan terutama sekali pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri Kabinet berkenaan dengan galakan-galakan yang diberikan kepada siswa-siswa tani. Bolehkah Timbalan Menteri menerangkan di Dewan yang mulia ini daripada pengumuman yang dibuat untuk skim Siswa Tani ini, berapa banyakkah projek-projek yang telah dilaksanakan?

Yang keduanya, berapa ramai siswa-siswa yang terlibat dan yang ketiganya sama ada projek-projek ini masih lagi berjalan dengan jayanya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya cuba jawab, kalau saya tidak salah projek-projek ini ada di kawasan-kawasan pertanian, misalnya di kawasan-kawasan kalau tidak salah, saya di kawasan Kedah ada 400 ekar dan melibatkan siswazah yang mengambil bahagian dalam rancangan ini. Setakat ini seperti yang saya jelaskan tadi skim ini masih dalam perancangan dan kajian kita akan buat dalam masa tertentu.

### MENAIKKAN TARAF JALAN KAMPUNG

**13. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapa banyakkah jalan-jalan kampung (jalan Penggawa) di luar bandar telah dinaikkan taraf menjadi

jalan JKR di seluruh negara dan berapa panjang jalan-jalan itu telah ditarkan hendaklah dinisbahkan mengikut negeri.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan kampung adalah di bawah tanggungjawab Pejabat-pejabat Daerah dan bukan di bawah Jabatan Kerjaraya. Jalan-jalan tersebut tidak memenuhi piawaian jalan Jabatan Kerjaraya dan tidak berkelayakan mendapat geran penyelenggaraan biasa yang biasa diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Program menaikkan taraf jalan-jalan kampung adalah menaikkan taraf jalan bertaraf tanah merah atau tanah biasa ke jalan tar berdasarkan kepada keadaannya yang sedia ada.

Saya difahamkan bahawa sebanyak \$221.81 juta telah dibelanjakan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk program tersebut dalam Rancangan Malaysia Keempat. Sepanjang 5,313 kilometer jalan jenis ini telah berjaya dinaikkan taraf dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, tetapi bukan menjadi jalan Jabatan Kerjaraya. Penglibatan Jabatan Kerjaraya ialah selaku penasihat dari segi teknikal melalui juruteknik "cadre" yang ditempatkan di Pejabat Daerah.

Mengenai dengan kedudukan bagi jalan-jalan kampung mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jalan yang telah ditar</i>	<i>Jalan tanah</i>	<i>Jumlah</i>
Johor	1,332 km	12,211 km	13,543 km
Melaka.....			

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah itu?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Ya, panjang—semua negeri dalam Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta supaya dijawab dengan bertulis.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 6 dan 14 hingga 66 adalah diberi di bawah ini).*

### PROJEK PEMULIHAN DAN PENYATUAN TANAH

5. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah

Negeri	Pemulihan Penyatuan		Jumlah Projek
Perlis .. .. .	1	5	6
Kedah .. .. .	47	23	70
Pulau Pinang .. .. .	6	—	6
Perak .. .. .	68	61	129
Selangor Darul Ehsan ..	17	2	19
Negeri Sembilan .. ..	61	28	89
Melaka .. .. .	31	6	37
Johor .. .. .	48	42	90
Pahang Darul Makmur ..	59	80	139
Terengganu .. .. .	91	37	108
Kelantan .. .. .	60	26	86
Sarawak .. .. .	8	—	8
	<hr/> 497	<hr/> 310	<hr/> 807

Mengikut rekod Kementerian ini, tidak terdapat mana-mana rancangan FELCRA yang boleh ditakrifkan sebagai rancangan yang gagal secara total. Ini adalah kerana sehingga kini semua rancangan yang telah dilaksanakan telah dapat dikecap

projek pemulihan dan penyatuan tanah yang telah dilaksanakan mengikut negeri-negeri di Malaysia. Daripada jumlah projek yang telah dilaksanakan berapakah projek yang telah berjaya dan berapakah jumlah projek yang gagal. Berapakah jumlah projek yang masih dalam proses pelaksanaan dan berapa pula yang telah terkebelakang dari jadual pelaksanaan. Jika ada, apakah sebab-sebab kelewatan dan bagaimana cara untuk mengatasinya.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Untuk makluman jumlah projek pemulihan dan penyatuan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui FELCRA mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

faedahnya oleh peserta-peserta yang berkenaan.

Mengenai projek yang masih dalam proses pelaksanaan sukacita dimaklumkan bahawa di bawah RML, FELCRA telah merancang untuk

menyatu dan memulihkan tanah seluas 110,000 hektar. Setakat ini, Alhamdulillah FELCRA telah berjaya melaksanakan tugas tersebut mengikut jadual yang telah ditetapkan.

### **KARYA BUKAN BUMIPUTERA DALAM BAHASA MALAYSIA— TERJEMAHAN**

**6. Puan Ling Chooi Seing** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Dewan Bahasa dan Pustaka ada menjalankan usaha menterjemahkan karya-karya komuniti bukan Bumiputera ke dalam Bahasa Malaysia. Jika ada apakah jenis karya-karya yang telah diterjemahkan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka belum pernah menerbitkan apa-apa buku terjemahan karya-karya komuniti sehingga kini. Walau bagaimanapun DBP sedang menguruskan sebuah buku berjudul "Puisi Berbagai-bagai Kaum", terdiri komuniti India, Cina dan Melayu. Buku ini dijangka terbit pada akhir tahun ini. Usaha untuk menterjemah karya kreatif dalam bidang cerpen yang ditulis dalam bahasa-bahasa Tionghua dan Tamil akan diteruskan.

### **PERPADUAN MASYARAKAT**

**14. Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jenis-jenis rancangan yang disediakan khas untuk menggalak pergaulan dan seterusnya merapatkan hubungan di kalangan kaum muda-mudi pelbagai kaum.

**Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Adalah menjadi matlamat utama Kerajaan sebagaimana yang diisytiharkan dalam Rukunegara untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan masyarakat di negara ini.

Dalam hubungan ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menyusun dan mengatur berbagai-bagai program seperti Khemah Kerja Perpaduan, Rancangan Pertukaran Belia Dalam Negeri, Rancangan Orientasi Desa, Rancangan Pengembaraan Belia, Rancangan Kelab Servis dan Kem Musim Cuti.

Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menggalakkan Pertubuhan dan Persatuan Belia supaya menjalankan kegiatan yang melibatkan anggota masyarakat belia dari berbilang kaum. Kegiatan sukan juga boleh digunakan sebagai alat perpaduan kaum dan galakan sewajarnya akan terus diberikan oleh Kerajaan.

### **PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SABAH—ANAK TEMPATAN**

**15. Tuan Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang melantik seorang anak tempatan dari Sabah untuk menyandang jawatan Pengarah Pelajaran Negeri oleh memandangkan jawatan tertinggi yang pernah dipegang oleh seorang anak tempatan hanyalah Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri dalam 1970an.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan melantik seorang anak tempatan mengisi jawatan Pengarah Pendidikan Negeri Sabah apabila terdapat calon yang sesuai dan berkelayakan.

Jawatan hakiki Pengarah Pendidikan Negeri Sabah bertaraf Pegawai Perkhidmatan Pelajaran D1 Tingkatan Tertinggi D.

### **LESEN SENJATAPI—KUASA PESURUHJAYA POLIS NEGERI**

**16. Tuan Michael Asang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

sebab-sebabnya kenapa Pesuruhjaya Polis Negeri tidak lagi berkuasa untuk meluluskan sebarang permohonan lesen memiliki Senjata Api (Senapang Patah) sama ada Kementerian ini sedar masalah yang dihadapi oleh Pemohon-pemohon Lesen Senjata Api, kerana setiap permohonan mesti diproses ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan kelulusan dan ini terlalu memakan masa. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini di masa akan datang.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pesuruhjaya Polis Negeri Sabah seperti juga lain-lain Ketua Polis Negeri masih diberi kuasa untuk meluluskan permohonan tukarmilik senapang patah. Hanya permohonan membeli senjatapi baru yang disokong sahaja perlu diedarkan ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk mendapatkan keputusan Ketua Polis Negara.

Proses pertimbangan permohonan-permohonan senjatapi memanglah mengambil sedikit masa, tetapi ini tidaklah berpunca kerana permohonan-permohonan itu dirujuk ke ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia yang menimbangkan permohonan-permohonan tersebut. Sebabnya ialah pihak berkuasa polis dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan di peringkat daerah dan negeri perlu menyasat, mengkaji dan menyemak dengan teliti semua permohonan yang diterima, sebelum ianya dikemukakan untuk pertimbangan Pesuruhjaya Polis Negeri dan seterusnya ke Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia.

### BANJIR DI SUNGAI PARI

**17. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kerjaraya menyatakan tindakan-tindakan akan diambil oleh Kerajaan terhadap kontraktor-kontraktor yang menyebabkan tanah, pasir dan batubatan kecil disalurkan ke dalam dasar

sungai-sungai yang berhampiran, khususnya, Sungai Pari, Ipoh, apabila mereka menjalankan kerja pembinaan lebuh raya dari Ipoh ke Changkat Jering, dan terangkan sama ada Kerajaan bercadang memberi pampasan kepada penduduk-penduduk di tebing sungai tersebut atau kerugian mereka disebabkan banjir menyerang mereka tidak kurang 10 kaki setahun.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Setakat ini tidak ada aduan yang diterima mengenai masalah banjir yang berlaku di kawasan Sungai Pari. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat aduan, Kerajaan akan menyasat untuk memastikan aduan yang diterima itu benar atau tidak. Jika sekiranya benar, maka pampasan akan dibayar mengikut taksiran yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Pampasan itu akan dibayar oleh pihak pemborong melalui syarikat insuran. Ini adalah sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam dokumen kontrak.

Lembaga Lebuh raya, bagaimanapun akan menyasat keadaan yang berlaku di Sungai Pari seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya didapati benar dan ianya disebabkan oleh kecuaiannya kontraktor, maka bayaran pampasan yang sepatutnya akan dituntut sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam kontrak.

Bagi mengatasi masalah sekiranya berlaku banjir langkah yang pertama diambil ialah meminta kerjasama daripada Jabatan Parit dan Tali Air untuk memulihkan keadaan yang ada.

### EDITOR SURATKHBAR— INSIDEN MENGUGUT

**18. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat mana kemajuan pihak polis dalam penyasatan satu insiden yang berlaku di Ipoh

pada 9-3-1987 di mana Penolong Presiden MCA Perak dan sekumpulan penyokong-penyokongnya telah menyerbu satu pejabat akhbar dan memukul beberapa orang bertujuan untuk mengugut editor suratkhbar tersebut; dan

- (b) jika tidak kemajuan yang dicapai, sebab-sebab mengapa kekurangan kemajuan dalam penyiasaan dan pengambilan tindakan terhadap pemimpin-pemimpin politik MCA yang begitu mudah untuk dikenali.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, siasatan polis mengenai kejadian ini belum selesai. Dengan yang demikian, belumlah dapat memberi jawapan.

#### **HARTA PEGAWAI- PEGAWAI KERAJAAN— MENGISYTIHARKAN**

**19. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramainya (i) pegawai-pegawai pendidikan dan (ii) guru-guru yang belum mengisytiharkan aset-aset mereka seperti diarahkan oleh Kementerian Pendidikan dua tahun dahulu dan betapa efektifnya arahan ini dalam memperbaiki imej perkhidmatan perguruan dalam kacamata awam.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak arahan mengisytiharkan harta dikenakan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan, bilangan pegawai-pegawai pendidikan dan guru-guru yang belum mengisytiharkan harta-harta mereka setakat ini ialah 19,116 orang. Arahan mengisytiharkan harta ini telah dapat memperbaiki imej perkhidmatan perguruan kerana ia dapat mengurangkan perasaan syak

wasangka orang-orang awam mengenai cara pegawai-pegawai dan guru-guru tersebut memperoleh harta-harta mereka.

#### **RAKYAT AFRIKA SELATAN/ ISRAEL MELAWAT MALAYSIA**

**20. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah rakyat-rakyat dari Afrika Selatan dan Israel yang telah memasuki Malaysia dengan menyatakan tujuan atau maksud kemasukan mereka mengikut pecahan tahunan dari tahun 1980 sehingga 31hb Disember, 1986.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Dari tahun 1980 hingga 31hb Disember, 1986, tidak ada rakyat Israel yang melawat Malaysia. Dalam tempoh yang sama, seramai 8 orang rakyat Afrika Selatan melawat negara ini. Dari jumlah ini, 4 orang datang ke sini dengan maksud lawatan sosial. Pecahan lawatan mereka mengikut tahun adalah seperti berikut:

1984 .. .. .	2 orang
1986 .. .. .	2 orang

Untuk dibenar melawat negara ini kerana pendirian mereka ialah anti dasar apatheid Kerajaan Afrika Selatan.

#### **KUTIPAN FEE PELESENAN**

**21. Dr Eng Seng Chye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama adakah arahan atau garis panduan dikeluarkan kepada Majlis-malis Perbandaran dan daerah berkenaan khususnya kepada lapan buah Majlis-malis Daerah di Negeri Selangor untuk memulangkan semua yuran dan cukai yang mereka sudah kutip-mengutip secara haram dan bertentangan dengan undang-undang Akta Kerajaan Tempatan sejak tahun

1977. Sedarkah Kementerian bahawa dalam Perlembagaan Negara Malaysia, Perkara 71 mengharamkan Kerajaan Negeri “bertarikh belakang” (“backdate”) sebarang Undang-undang Kecil yang akan diluluskan sekarang untuk membenarkan pemungutan yuran dan cukai secara halal. Sedarkah juga Kementerian bahawa Perlembagaan Negara Malaysia Perkara 31 (1) menyebut seseorang tidak boleh dilucutkan pemilikan harta-hartanya walaupun pemilik tidak buat bayaran yuran atau cukai berkenaan dalam tempoh masa 10 tahun tersebut sebab Undang-undang berkaitan tidak berkuatkuasa.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Berkenaan dengan arahan atau garis panduan ianya akan ditentukan sama ada perlu dikeluarkan atau tidak berasaskan kepada nasihat perundangan nanti.

Masalahnya ialah hanya pengesahan kutipan fee pelesenan yang telah dibuat. Ini merupakan satu perkara perundangan yang sedang dikaji dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kementerian ini berasaskan nasihat perundangan yang akan diterima oleh Kementerian.

Perkara 71 tidak berkaitan dengan persoalan dan bidangkuasa Kementerian ini dan perkara 31 (1) tidak terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### **KAD PENGENALAN BIRU BAGI PENDATANG HARAM**

**22. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) kenapa Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian-pelarian dan Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah baru-baru ini dapat memastikan

bahawa pendatang-pendatang haram yang meninggal di Pulau Gaya adalah pemegang-pemegang Kad Pengenalan Biru dan tidak boleh dikira sebagai pelarian-pelarian sedangkan Jabatan Pendaftaran Negara berkali-kali menafikan tuduhan tersebut; dan

(b) apakah bukti yang dikehendaki sebelum sesuatu penyiasatan umum diadakan untuk menyasat tuduhan tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kecuali keadaan sebaliknya dapat dibuktikan, seseorang yang memiliki kad pengenalan biru adalah dianggap sebagai warganegara Malaysia. Ini adalah kerana undang-undang yang ada sekarang menetapkan bahawa hanya seorang warganegara Malaysia yang berhak memiliki kad pengenalan biru. Saya tidak tahu bagaimana pihak Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian-pelarian di Malaysia dapat menyatakan bahawa orang-orang yang memegang kad pengenalan biru bukan warganegara Malaysia.

#### **PERTUKARAN GURU—ELAUN PENGINAPAN**

**23. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau menyedari bahawa terdapatnya kesulitan dan masalah kepada guru-guru sekolah apabila ditukarkan dari satu tempat ke suatu tempat di dalam mendapatkan tempat penginapan mereka khususnya di bandar-bandar kecil di negeri Sabah. Bolehkah beliau memberikan beberapa kemudahan seperti berikut:

(a) memberikan dan menambahkan elaun penginapan guru; dan

(b) membina rumah-rumah penginapan yang berkos rendah.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Seseorang pegawai yang diarahkan bertukar adalah layak diberikan elaun perpindahan seperti yang diperuntukkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980. Elaun-elaun tersebut ialah perbelanjaan pengangkutan, elaun gantian makan dan bayaran sewa hotel dan pemberian pindahan.

Masalah yang dihadapi oleh guru-guru yang diarah bertukar di Sabah bukanlah masalah elaun yang tidak mencukupi tetapi masalah mendapatkan tempat penginapan seperti hotel dan rumah rehat.

- (b) Memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada guru-guru yang bertugas terutama di kawasan luar bandar. Keupayaan Kementerian ini adalah bergantung kepada peruntukan yang diberikan. Oleh kerana peruntukan yang terhad pembinaan rumah guru luar bandar terpaksa bergantung kepada beberapa faktor, seperti tempat-tempat yang tersangat jauh dari kawasan penempatan, kesukaran mendapatkan rumah sewa, kemudahan pengangkutan dan lain-lain. Walau bagaimanapun dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pendidikan bercadang untuk membina 67 projek rumah guru luar bandar yang mengandungi 910 unit kediaman di Negeri Sabah.

#### WABAK TAUN

**24. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kesihatan

menyatakan sehingga Mei 1987 sudah berapa ramai mereka yang menjadi mangsa wabak taun yang melanda negara baharu-baharu ini. Di antaranya berapa ramai yang telah terkorban dan berapa ramai pula yang dapat diselamatkan dan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi membendung wabak yang merbahaya itu.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak bermulanya wabak taun pada bulan April 1987 sehingga akhir bulan Jun 1987, sebanyak 351 kes telah dilaporkan dengan 2 kematian, iaitu 1 di Negeri Kedah dan 1 di Negeri Kelantan. Ini bermakna bahawa sebanyak 349 kes taun telah dapat diselamatkan.
- (b) Langkah-langkah pencegahan wabak taun yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:
- (1) Menjalankan penyiasatan yang segera akan kes-kes dan orang-orang disyaki mengidap taun yang dilaporkan untuk menentukan punca jangkitan dan cara merebaknya penyakit ini.
  - (2) Menyediakan rawatan yang sewajarnya dan pengasingan kes-kes dan pembawa kuman taun dalam wad-wad yang dikhaskan untuk taun di hospital-hospital.
  - (3) Menjalankan pengesanan secara aktif akan kes-kes taun dan pembawa kuman taun di kawasan-kawasan di mana tidak terlibat dengan taun.

- (4) Menjalankan langkah-langkah kebersihan alam sekeliling seperti menaruh klorin dalam perigi, membasmi kuman di rumah-rumah yang terlibat dan membina perigi dan tandas.
- (5) Memberi rawatan pencegahan kepada kontak-kontak kepada pesakit yang rapat.
- (6) Dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, air disediakan di kawasan-kawasan di mana tiada air yang bersih dan selamat.
- (7) Meningkatkan lagi pembinaan tandas sempurna di tempat-tempat di mana wabak taun berlaku.
- (8) Menjalankan aktiviti-aktiviti pelajaran kesihatan yang insentif untuk mendidik orang ramai termasuklah juga penjual-penjual dan pengendali-pengendali makanan dan murid-murid sekolah akan langkah-langkah untuk mencegah taun.

#### PENJARA PUDU—KEADAAN HIDUP

**25. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar akan keadaan hidup di Penjara Pudu di mana keadaan hidup di Penjara Pudu terdapat lapan hingga sembilan banduan berkongsi satu bilik penjara. Jika betul, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

**52. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kawalan

ketat untuk mengelakkan pergaduhan antara banduan-banduan di mana baru-baru ini telah mengakibatkan kematian seorang banduan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Izinkan saya menjawab soalan No. 52 memandangkan perkara yang ditimbulkan adalah berkaitan.

Kementerian saya memang sedar keadaan kesesakan yang terdapat di Penjara Pudu di mana beberapa orang banduan terpaksa berkongsi beramai-ramai di dalam satu bilik. Pihak Jabatan Penjara telah pun mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan tersebut dengan memindahkan banduan-banduan ke penjara-penjara lain yang kurang sesak. Sejak bulan Januari hingga Jun 1987, seramai 1,462 orang banduan telah dipindahkan ke penjara-penjara lain. Di samping itu, usaha-usaha membina penjara-penjara baru juga sedang giat dilaksanakan sebagai langkah untuk mengatasi masalah kesesakan di penjara-penjara di negara ini.

Pergaduhan di antara banduan-banduan adalah satu perkara yang di luar dugaan dan sukalah saya nyatakan bahawa kejadian seumpama itu adalah kecil. Pihak Jabatan Penjara telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian pergaduhan antaranya ialah dengan memperketatkan kawalan-kawalan, menghindarkan banduan-banduan dari menggunakan barang-barang yang boleh digunakan sebagai senjata dan memberi nasihat dengan cara menanamkan semangat kekeluargaan di kalangan banduan-banduan.

#### ISU LIMBANG

**26. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap

majalah Far Eastern Economic Review yang telah mengeluarkan dakwah kononnya Perdana Menteri Malaysia telah bercadang hendak menjual kawasan Limbang di Sarawak kepada Brunei.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya telah menjawab soalan yang hampir sama dengan soalan ini pada 29hb Jun 1987 dan saya tidak bercadang untuk mengemukakan apa-apa maklumat tambahan.

### SEKOLAH MENENGAH DAERAH KUALA PENYU

**27. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mendirikan sebuah sekolah menengah penuh di daerah Kuala Penyu—sebuah daerah di Pendalaman Sabah, memenangkan permintaan yang kian bertambah dan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang tidak mencukupi. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa bangunan-bangunan sekolah-sekolah yang pada masa ini terlalu usang dan perlu diperbaiki dengan segera, termasuk membekal alat-alat kelengkapan dan lain-lain keperluan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mendirikan sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Penyu. Sekolah Menengah Agama Penuh Labuan dengan kemudahan yang ada sekarang adalah mencukupi untuk menampung permintaan di daerah Kuala Penyu.

Kementerian Pendidikan memang menyedari bahawa terdapat bangunan-bangunan sekolah yang telah uzur. Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan yang terbatas, pembaikan dan penyediaan kemudahan hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

### JENNY CHIN—PENAHANAN DI SINGAPURA

**28. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pihak Kerajaan Malaysia sedar dengan aktiviti bawah tanah yang dilakukan oleh pemberita NST Jenny Chin Lai Chin seorang warganegara Malaysia, yang ditahan di bawah ISA oleh Kerajaan Singapura bersama-sama 16 orang lain baru-baru ini. Apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menyasiat penahanan terhadap Jenny sebagai tali barut kegiatan komunis sebagaimana tuduhan Kerajaan Singapura.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, Jenny Chin telah ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura pada 20hb Mei yang lalu kerana disyaki terlibat dalam pakatan Marxist hendak mengguling kerajaan negara tersebut, Bagaimanapun beliau dibebaskan tanpa syarat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah pun menyasiat latarbelakang dan kegiatan Jenny Chin dan sepanjang pengetahuan Kerajaan Malaysia beliau tidak terlibat dalam apa-apa kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

### PROGRAM TV DALAM BAHASA MANDARIN

**30. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian akan menayangkan lebih banyak program Television dalam Bahasa Mandarin dan bukan dalam Bahasa Kantonis dan Bahasa Hokkien memandangkan bahasa Mandarin adalah bahasa bersama rakyat Malaysia keturunan Cina.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** RTM ada menyiarkan program-program dalam

Bahasa Mandarin seperti Warta Berita, Dokumentri, Hiburan, Filem-filem dan drama-drama.

Walau bagaimanapun laporan penyelidikan Survey Research Malaysia atau SRM menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada penonton program Cina adalah terdiri dari mereka yang menggunakan loghat Hokkien dan Kantonis. Selain dari itu banyak juga dari penonton Cina yang berkehendakkan rancangan Cina dalam loghat masing-masing.

Memandangkan bahawa rakyat keturunan Cina masih menggunakan berbagai-bagai loghat dan menimbangankan dasar Kementerian untuk terus menggunakan loghat-loghat itu untuk menghubungi rakyat maka penggunaan Bahasa Mandarin sebagai bahasa utama dalam program Cina di RTM tidak akan memuaskan hati semua pihak.

Sambil itu dari segi pelaksanaan dasar bahasa, Kementerian Penerangan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan antara bangsa; sesuai dengan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa Utama dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

*(Soalan No. 31. Sila lihat jawapan No. 11).*

### **LEBUHRAYA UTAMA-SELATAN—PEMBINAAN**

**32. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerjaya menyatakan sebab-sebab kelewatan pembinaan dan pengurusan Lebuhraya Utara-Selatan di mana ia dijangka siap dibina tahun lalu dan sama ada pengaruh-pengaruh kuat dari Ahli-ahli Politik UMNO dan pegawai-pegawai Lembaga Lebuhraya yang menyebabkan kelewatan itu.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Lebuhraya Utara-Selatan bukannya dijangka siap pembinaan pada tahun lalu, tetapi pelaksanaan penswastaan lebuhraya tersebut adalah terlewat sedikit daripada yang dijadualkan. Kelewatan itu bukanlah disebabkan oleh pengaruh mana-mana pihak tertentu, tetapi adalah disebabkan masalah undang-undang dan masalah unjuran lalulintas seperti yang telah saya nyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini pada 1-7-1987 yang lalu.

### **PILIHANRAYA KECIL GOPENG—TINDAKAN PENYOKONG MCA**

**33. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apa tindakan polis akan mengambil ke atas penyokong-penyokong MCA yang membawa rotan-rotan tebal/kayu/buluh runcing sepanjang lebih kurang 2½ kaki ke tempat mengira undi bagi Pilihanraya Kecil Gopeng di Batu Gajah pada 16hb Mei, 1987 yang mana Polis sendiri mengumumkan, ia telah merampas lebih dari 100 barang rotan/kayu/buluh runcing dan berapa ramai orang telah ditangkap bersabit dengan kes tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, pasukan polis telah mengadakan sekatan jalan raya pada malam pengiraan undi bagi Pilihanraya Kecil Gopeng yang diadakan di Sekolah Menengah Sultan Yusoff Batu Gajah baru-baru ini. Hasil sekatan jalan raya tersebut pihak polis telah merampas sebanyak 115 batang rotan dari kenderaan-kenderaan yang diperiksa. Bagaimanapun tidak ada kayu atau buluh runcing yang dirampas sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat.

Sukalah juga saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa tiada siapapun ditangkap bersabit dengan kes itu dan

tindakan yang diambil oleh pihak polis adalah semata-mata bertujuan mengawal keselamatan di Pusat Pengiraan Undi tersebut.

### **KAD PENGENALAN BIRU BAGI PELARIAN FILIPINA**

**34. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa sebilangan besar daripada 5,000 orang penduduk Pulau Gaya (Sabah) yang datang dari Filipina memegang kad pengenalan biru sebagaimana yang telah dilaporkan oleh "United Nations High Commissioner For Refugees" (UNHCR). Mengapa demikian. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri tidak menerima apa-apa maklumat lanjut atau aduan dari Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian-pelarian di Malaysia atau dari mana-mana pihak jua mengenai dakwaan wakil Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Pelarian-pelarian di Malaysia iaitu sebahagian besar daripada 5,000 orang penduduk Pulau Gaya yang datang dari Filipina memiliki kad pengenalan biru. Oleh yang demikian, Kementerian tidak dapat mengesahkan sejauh manakah benarnya kenyataan yang dibuat oleh badan dunia itu kerana maklumat sokongan bagi membantu pihak berkuasa menyiasat perkara ini.

Pihak-pihak berkuasa berkenaan di bawah Kementerian Dalam Negeri akan menyiasat perkara ini apabila menerima laporan atau aduan rasmi mengenainya. Tindakan yang akan diambil oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan adalah bergantung kepada hasil penyiasatan ke atas perkara ini. Mengikut peruntukan undang-undang sekarang, adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang bukan

warganegara Malaysia untuk memiliki kad pengenalan biru.

### **TENDER PERUNDINGAN— TAWARAN**

**35. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan telah meminda Arahan-arahan Perbendaharaan mengenai tawaran bagi Tender Perundingan dan apakah kriteria-kriteria yang sedia ada untuk mencegah berlakunya amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam hal pemberian tender-tender secara berunding, dan bilakah tender-tender perundingan mula dibenarkan dan sejak itu berapakah banyak proses serta jumlah kos yang terlibat dalam pemberian tender perundingan berbanding dengan tender-tender terbuka.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengamalkan peraturan tender terbuka di dalam perolehan Kerajaan bernilai melebihi \$50,000 sama ada perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja. Peraturan perolehan Kerajaan secara tender terbuka ini telah ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan Bil. 171. Tender terbuka ini adalah dibuat melalui iklan di dalam akhbar-akhbar. Kontrak secara rundingan dengan sesuatu pembekal hanya dibuat dengan pembekal tunggal atau "franchise holder" bagi perolehan peralatan yang khusus dan "sophisticated" seperti alat-alat kelengkapan Angkatan Tentera Malaysia, Polis dan alat-alat saintifik. Alat-alat kelengkapan yang dikenalpasti ini bukan sahaja unik dan terkenal tetapi kualitinya telah terbukti mengikut pengalaman pengguna-pengguna di negara-negara lain.

Berhubung dengan langkah-langkah untuk mencegah berlakunya rasuah dan penyalahgunaan kuasa di dalam pemberian sesuatu tender secara

rundingan. Kerajaan telah menentukan bahawa rundingan dengan pihak pembekal diadakan oleh Jawatankuasa terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, wakil Kementerian yang berkenaan dan Agensi Kerajaan lain yang ada kaitan dengan sesuatu urusan pembelian itu. Kontrak rundingan ini telah diadakan mengikut keperluan sesuatu Kementerian/Jabatan bagi alat-alat yang khusus dan "sophisticated". Perlu ditekankan di sini bahawa kontrak secara rundingan ini dipilih sebagai alternatif terakhir sekiranya tiada punca bekalan lain yang sesuai mengikut sesuatu keperluan. Sebelum sesebuah Kementerian atau Agensi-agensi Kerajaan melaksanakan kontrak secara rundingan, kelulusan Kementerian Kewangan hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Mengikut rekod yang dihantar ke Kementerian Kewangan jumlah kos yang terlibat di dalam kontrak secara rundingan ini adalah \$1,632,211,304.00 atau 8% daripada perolehan Kerajaan yang bernilai \$20,250,000.00 bagi tempoh 1983 hingga pertengahan tahun 1987.

#### UNIVERSITI TEMPATAN— MENAMBAH

**36. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan menjelaskan mengapa beliau tidak:

- (a) mengamalkan pendapat dan sikap megah beliau kepada sistem pendidikan universiti-universiti tempatan dan bukan pendidikan universiti-universiti asing dengan mendirikan lebih banyak universiti tempatan untuk menampung permintaan tempat-tempat universiti yang tinggi itu serta meneruskan pengajian tinggi mereka;
- (b) memandangkan bahawa negara kita mengalami kerugian sebanyak \$1117 juta pada tahun 1985 akibat pendidikan luar negeri pelajar-pelajar kita dan

anggaran kos pembinaan sebuah universiti sebanyak \$250—500 juta ringgit alangkah lebih menjimatkan dari segi tukaran wang asing untuk membina lebih banyak universiti-universiti tempatan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menambahkan bilangan universiti di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil berbagai langkah untuk menambahkan lagi peluang pengajian tinggi di dalam negeri supaya penghantaran pelajar ke luar negeri dapat dikurangkan dan dengan itu menjimatkan perbelanjaan. Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil ialah dengan memperbesarkan kampus-kampus induk dan cawangan dan mengadakan kursus-kursus pengajian baru.

#### SISWAZAH MENGGUGUR

**37. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai pelajar yang mempunyai ijazah yang menggugur pada masa sekarang dibandingkan dengan tahun 1986.
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan rancangan usaha sama dengan pihak swasta agar mereka dapat diserapkan di syarikat-syarikat swasta dengan bantuan subsidi elaun daripada Kerajaan supaya mereka mendapat pengalaman dan kemahiran yang lebih berkesan; dan
- (c) adakah Kerajaan bersetuju bahawa rancangan ini adalah lebih mendatangkan faedah kepada siswa-siswa itu sendiri

dari segi pendekatan dan pengalaman dan kemahiran daripada rancangan Siswa Tani dan Penempatan Sementara Siswa dengan tujuan untuk mereka berdikari.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:**

- (a) Sehingga 30-4-87, bilangan pelajar yang berkelulusan Ijazah dan Diploma yang menganggur dan telah mendaftar nama di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan pekerjaan ialah seramai 15,380 orang berbanding dengan 14,590 orang dalam tahun 1986. Ini merupakan pertambahan seramai 790 orang bagi tempoh 1-1-1987 hingga 30-4-1987.
- (b) Kerajaan sedang memberi perhatian untuk mewujudkan skim penempatan siswazah-siswazah ke sektor swasta dengan harapan mereka boleh mendapat kemahiran untuk memenuhi keperluan sektor yang berkenaan. Perkara ini masih lagi dalam peringkat perancangan.
- (c) Semua rancangan yang boleh menyediakan peluang pekerjaan kepada siswazah-siswazah menganggur dan menggerakkan pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya adalah baik dan berfaedah.

**PERTANDINGAN BOLASEPAK  
PELAJAR LELAKI/PEREMPUAN  
DAN MAJLIS SOSIAL**

**38. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar terdapatnya kegiatan dalam ko-kurikulum di Sekolah-sekolah Menengah adanya kegiatan pertandingan bola sepak campuran pelajar lelaki dan

perempuan dan wujudnya majlis-majlis sosial tari menari antara pelajar lelaki/perempuan yang tidak mengikut kebudayaan negara ini. Apakah tindakan Kementerian dalam hal ini terutamanya dalam usaha penerapan nilai-nilai Islam.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah sebagai institusi pendidikan yang terpenting, mempunyai peranan dan tanggungjawab besar bagi membentuk peribadi dan sahsiah yang baik di dalam diri pelajar-pelajar. Sifat-sifat yang membawa ketinggian budi, berakhlak, bersopan santun, berjiwa halus, berbudi bahasa, bertatasusila dan sebagainya sentiasa diberi perhatian dan menjadi asas pendidikan negara kita. Kementerian Pendidikan juga dalam Surat Pekeliling Iktisas Bil. 3/1984 bertarikh 1hb Jun, 1984 jelas menggariskan bahawa sekolah hendaklah melarang murid-murid dari mempersembahkan unsur-unsur budaya massa yang tidak terkawal seperti tarian disko, hippis dan lain-lain unsur baru pengaruh asing, yang tidak sesuai dan bercanggah dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Oleh itu Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan yang wajar sekiranya peristiwa seperti yang dilaporkan oleh Yang Berhormat itu berlaku di sekolah-sekolah.

**JEMAAH HAJI OLEH SYARIKAT  
SWASTA/PERSEORANGAN**

**39. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang perseorangan dan syarikat swasta yang telah membuat permohonan atau mendaftar diri untuk menyelenggarakan urusan membawa Jemaah Haji bagi tahun Hijrah 1407 dan apakah syarat-syarat utama yang telah dikenakan. Apakah syarat-syarat itu dapat dipatuhi atau dipenuhi oleh pihak berkenaan.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Bilangan orang perseorangan dan syarikat swasta yang telah membuat permohonan untuk menunaikan Fardhu Haji secara persendirian atau menyelenggarakan urusan membawa Jemaah Haji bagi tahun Hijrah 1407 adalah seperti berikut:

- (a) Orang perseorangan—494; orang dan
- (b) Syarikat swasta—1 buah syarikat (1166 orang Jemaah Haji).

Di antara syarat-syarat yang dikenakan kepada orang perseorangan untuk menunaikan Haji secara persendirian adalah seperti berikut:

- (a) Deraf Mutawwiff—SR 524.00 seorang
- (b) Deraf Atas Nama sendiri—SR 3,000.00 seorang
- (c) Tiket kapal terbang pergi/balik dari Syarikat MAS atau SAUDIA; dan
- (d) Tempat menginap di Makkah/Madinah mesti mendapat kebenaran Muassasah.

Bagi syarikat swasta pula, syarat-syarat berikut adalah diperlukan iaitu:

- (a) Membayar wang pertaruhan kepada Ketua Setiausaha Perbadaharaan sebanyak \$30,000.00; dan
- (b) Membayar wang pertaruhan atau jaminan bank kepada Tabung Haji sebanyak \$2,500.00 bagi setiap orang Jemaah Haji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat tersebut telah dipatuhi oleh pihak-pihak yang berkenaan.

## COMMISSION OF LAW REFORM—PENUBUHAN

**40. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dibuat setakat ini dan akan diambil bagi meneliti balik mengseimbangkan implementasi undang-undang negara ini dan sama ada satu "Commission on Law Reform" akan ditubuhkan, dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Kerajaan memang dari semasa ke semasa meneliti dan mengkaji undang-undang di negeri ini untuk memastikan yang undang-undang tersebut adalah sesuai mengikut keadaan semasa dan sekiranya perlu, pindaan yang sewajarnya akan dibuat. Satu bahagian di Jabatan Peguam Negara yang dinamakan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang telah lama wujud untuk meneliti dan menyemak undang-undang negara ini terutama sekali undang-undang yang lama.

Berkenaan dengan "Commission of Law Reform", perkara ini masih di dalam peringkat kajian.

## PERUMAHAN DAN PEMBA-NGUNAN KOMERSIAL

**41. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada Kementeriannya akan mempertimbangkan berkenaan penguatkuasaan undang-undang ke atas Perumahan dan Pembangunan "Komersial" seperti:

- (i) mengenakan syarat bahawa pengarah-pengarah syarikat yang mengendalikan Perumahan dan Pembangunan "Komersial" dibuat supaya mereka diberi tanggungjawab peribadi untuk penyelesaian projek;

- (ii) mengenakan syarat bahawa perjanjian-perjanjian jual dan beli hanya boleh dimasukkan selepas "sub-divided titles" dikeluarkan.

**Tuan Ng Cheng Kiat:**

- (i) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak bercadang mengenakan syarat bahawa Pengarah-pengarah Syarikat yang mengendalikan perumahan dipertanggungjawabkan secara peribadi untuk penyelesaian projek. Ini adalah kerana syarat itu difikirkan tidak akan dapat mengatasi masalah berhubung dengan projek terbengkalai dan juga sukar untuk dilaksanakan.
- (ii) Bagi menjawab soalan kedua, sebenarnya bagi penjualan rumah-rumah yang meliputi tanah dan bangunan (tidak termasuk bangunan yang dipecah bahagi), tanah yang berkenaan telah diberi kelulusan pecah sempadan kerana kelulusan pecah sempadan adalah menjadi salah satu syarat yang pemaju perlu memenuhi semasa memohon lesen pemaju. Selepas kelulusan pecah sempadan, pengeluaran hakmilik berasingan tidak menjadi masalah yang besar. Oleh itu jika sekiranya dikenakan syarat bahawa perjanjian jualbeli hanya boleh ditandatangani selepas hakmilik berasingan dikeluarkan, maka ianya akan menyekat perkembangan industri perumahan swasta. Oleh yang demikian, Kementerian ini tidak bercadang mengenakan syarat tersebut kerana syarat yang ada sekarang dirasakan adalah mencukupi.

**KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN—  
TANGGUNGJAWAB**

**42. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan yang baharu sahaja wujud yang sedang dan masih lagi dalam program bagi memastikan negara mendapat faedah yang maksima daripada perusahaan pelancongan dengan cara menentukan yang perkembangan industri ini berjalan secara bermutu tinggi, sihat, seimbang dan sistematik dengan wujudnya Kementerian.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah diberi tanggungjawab untuk memajukan industri pelancongan di negara ini. Dalam mencapai objektif ini, semua bentuk pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan industri pelancongan perlulah dirangka dan dimajukan dengan teliti.

Ke arah perkembangan industri pelancongan yang bermutu tinggi, sehat, seimbang dan sistematik, Kementerian ini, melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, sedang melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- (i) Melaksanakan Kajian Pelan Induk Pelancongan Seluruh Negara untuk mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai dimajukan untuk tujuan pelancongan.
- (ii) Mengadakan perbincangan dengan sektor swasta untuk menjalankan pembangunan dan aktiviti-aktiviti pelancongan.
- (iii) Menggalakkan sektor swasta untuk membangunkan kemudahan-kemudahan superstruktur pelancongan.

- (iv) Membantu di dalam pembangunan produk-produk pelancongan.
- (v) Membantu di dalam bidang latihan pekerja-pekerja mahir dalam industri pelancongan.
- (vi) Membantu dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan pelancongan.

#### AKTA PENDIDIKAN 1961— KAJIAN

**43. Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada pindaan kepada Akta Pendidikan 1961 akan menjamin kedudukan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil;
- (b) sama ada Seksyen 21 (2) Akta Pendidikan 1961 akan dimansuhkan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh dengan tujuan untuk mengemas-kinkan dan memperkukuhkan Akta tersebut. Kajian yang menyeluruh ini akan membolehkan Dasar Pelajaran Kebangsaan dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan selaras dengan hasrat dan aspirasi negara.

Oleh kerana kajian ini belum selesai lagi adalah sukar bagi saya membuat apa-apa ulasan mengenai Bahagian (b) soalan Yang Berhormat.

#### PENYAKIT AIDS BAGI RAKYAT AMERIKA

**44. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama

ada Kerajaan bercadang untuk mengambil langkah tidak membenarkan rakyat dari Amerika memasuki negara ini melainkan mereka boleh menunjukkan bukti-bukti bahawa mereka itu bukanlah mangsa penyakit AIDS atau pembawa penyakit tersebut.

**Dato' Chan Siang Sun:** Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuat demikian. Perkara tindakan seperti ini telah pun dikaji di peringkat antarabangsa dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sendiri telah menekankan bahawa cara yang paling efektif sekali untuk mencegah kemasukan dan merebaknya penyakit AIDS di satu-satu negara ialah melalui pelajaran kesihatan tentang cara-cara jangkitan penyakit AIDS, dan juga menentukan bahawa darah atau bahan-bahan darah yang didapati dalam negeri ataupun yang diimport daripada luar negeri untuk kegunaan pesakit-pesakit, adalah bebas daripada kuman AIDS. Kedua-dua cara yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia itu sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

#### AJARAN SESAT

**45. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat manakah kesan-kesan yang didapati bagi menghapuskan ajaran-ajaran sesat yang sentiasa membuat dakwah-dakwah palsu untuk kepentingan politik mereka; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan mengenai pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang kononnya mengembangkan agama Kristian kepada orang Melayu di Semenanjung.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:**

- (a) hasil daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan, terutama pihak berkuasa agama Islam Kerajaan negeri, kegiatan menyebarkan ajaran sesat atau ajaran salah telah dapat dibendung. Kegiatan itu tidak lagi berleluasa sebaliknya dilaku secara sulit. Masyarakat Islam di negara ini telah menjadi lebih peka (sensitif) mengenai kegiatan seperti ini dan melaporkan hal itu kepada pihak berkuasa jika timbul gejala seperti itu di tempat masing-masing.
- (b) Orang yang masuk ke negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah adalah menyalahi undang-undang Imigresen. Jika sekiranya mereka dapat dikesan dan ditangkap, proses undang-undang akan diambil terhadap mereka. Kerajaan telah menjalankan penyiataan ke atas pendatang tanpa izin dari Indonesia atas dakwaan kononnya ada daripada mereka mengembangkan agama Kristian di kalangan orang-orang Melayu/Islam di negara ini. Jika dakwaan tersebut didapati benar, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka mengikut peruntukan undang-undang yang ada.

**WABAK TAUN**

46. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sebab musababnya penyakit taun yang merebak dengan amat serius baru-baru ini;
- (b) mengapa Kementeriannya gagal mengawal penyakit taun daripada berlaku dengan begitu kerap dan serius walaupun

peruntukan kewangan kepada Kementeriannya yang begitu banyak setiap tahun.

**Dato' Chan Siang Sun:**

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wabak taun yang berlaku di Semenanjung Malaysia semenjak April tahun 1987 telah pun dapat dikawal dengan cepat dan berkesan. Di antara sebab-sebab mengapa wabak ini berlaku ialah:
- (a) Adanya pembawa kuman taun yang tidak menunjukkan apa-apa tanda dan gejala taun. Mereka ini susah dikesan.
- (b) Ketiadaan bekalan air yang bersih dan selamat dan juga ketiadaan tandas yang sempurna di tempat-tempat di mana wabak ini berlaku.
- (c) Keadaan kebersihan sekeliling yang kotor.
- (d) Amalan kesihatan diri seseorang yang tidak memuaskan.
- (ii) Sungguhpun Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kementerian Kesihatan telah membelanjakan wang yang banyak bagi mengadakan bekalan air yang bersih dan selamat serta pembinaan tandas yang sempurna untuk penduduk-penduduk di dalam dan di luar bandar tetapi masih ada kawasan-kawasan terpencil di mana kemudahan-kemudahan ini belum sampai lagi. Di kawasan-kawasan beginilah berlakunya penyakit taun. Bagaimanapun, bilangan kawasan-kawasan seperti ini adalah semakin berkurangan dari tahun ke setahun dengan adanya rancangan Kerajaan meningkatkan liputan bekalan air yang bersih dan selamat serta

pembinaan tandas yang sempurna. Masalah bekalan air dan tandas yang sempurna inilah yang menjadi sebab utama mengapa wabak taun masih berlaku. Sebab-sebab yang lain ialah keadaan sosio-ekonomi yang rendah dan kurang fahaman cara-cara menjaga kebersihan diri sendiri di kalangan mereka yang terkena penyakit ini.

### PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

**47. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertanian menjelaskan kenapakah sering berlaku pencerobohan nelayan asing di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia, adakah ini menggambarkan bahawa Malaysia tidak begitu berani dan tegas dalam melaksanakan undang-undang perikanan 1985.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Pencerobohan bot-bot menangkap ikan nelayan asing ke dalam perairan perikanan Malaysia adalah disebabkan fakta bahawa sumber perikanan Malaysia adalah banyak, manakala sumber di negara asal bot-bot asing itu telah pun merosot.

Masalah pencerobohan bot-bot asing ke dalam kawasan perairan perikanan Malaysia adalah terkawal dan di dalam membendung kegiatan ini, walaupun tidak menghapuskan sama sekali, rondaan di laut serta pengawasan udara telah dan akan terus dipertingkatkan oleh semua Agensi Penguatkuasaan Maritim iaitu Jabatan Perikanan, TLDM, TUDM dan Polis Di-Raja Malaysia.

Sejak Akta Perikanan 1985 dikuatkuasakan mulai 1 Januari, 1986 bilangan pencerobohan bot-bot asing ke dalam perairan perikanan Malaysia

telah berkurangan sementara kes-kes tangkapan telah meningkat.

Pada tahun 1985 sahaja, 77 buah bot asing telah ditangkap sementara bagi tahun 1986 kes tangkapan telah meningkat kepada 117 buah. Bagi tempoh 1987, sehingga sekarang 38 kes tangkapan bot asing telah dibuat. Kesemua kes-kes ini telah didakwa di Mahkamah kerana menangkap ikan secara haram di dalam perairan perikanan Malaysia.

Data-data ini jelas menunjukkan bahawa pihak Kerajaan adalah tegas di dalam menguatkuasakan undang-undang Akta Perikanan 1985 dan adalah tidak benar bahawa Kerajaan takut ataupun tunduk kepada tekanan mana-mana pihak di dalam tindakan-tindakannya terhadap bot-bot nelayan asing ini.

### KONTRAKTOR KELAS F BUKAN BUMIPUTERA

**48. Tuan Chew Kam Hoy:** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil, jika ada, untuk membantu para kontraktor bukan Bumiputera Kelas F, untuk mendapatkan kontrak kerja Kelas F yang pada masa ini hanya diberi kepada kontraktor Bumiputera.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Soalan untuk Kerajaan membantu para kontraktor bukan Bumiputera Kelas F tidak berbangkit kerana tidak ada kontraktor Kelas F bukan Bumiputera. Pendaftaran kontraktor Kelas F adalah dihaskan kepada Bumiputera sahaja.

### MINI MRSM—KEMASUKAN PENUNTUT

**49. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada keenam-enam MRSM yang akan dibina di Johor akan

menerima masuk penuntut-penuntut bukan Bumiputera.

- (b) jika ada, apakah bilangan yang dijangkakan.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Sebenarnya hanya sebanyak 4 buah Mini MRSM sahaja yang telah dirancang untuk dibina di negeri Johor dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun pelaksanaan tertakluk kepada keadaan kewangan.

Mengenai kemasukan penuntut-penuntut pula, pada masa ini MARA tidak bercadang untuk membuka kemasukan penuntut-penuntut bukan Bumiputera ke Maktab-maktab Rendah Sains MARA, termasuk Mini MRSM yang dirancang untuk dibina di negeri Johor. Tindakan ini sesuai dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, khususnya bagi membolehkan lebih ramai penuntut-penuntut Bumiputera dari luar bandar menceburi bidang sains dan teknologi. Usaha-usaha ini perlu diteruskan untuk beberapa ketika lagi bagi memperbaiki dan memperkukuhkan kedudukan masyarakat Bumiputera dalam bidang ekonomi dan pelajaran di negara ini memandangkan masih ujudnya ketidakseimbangan di antara kaum dari segi peringkat pencapaian dalam bidang pelajaran dan penyertaan gunatenaaga untuk perpaduan negara.

#### **PENGANGGUR—TANAH UNTUK TANAMAN KONTAN**

**50. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada pihak Kementerian selaras dengan rancangan untuk membenar mereka yang menganggur mengerjakan tanah-tanah lapang untuk sementara waktunya, berunding mendapatkan kerjasama pihak Kerajaan Negeri atau tidak. Jika tidak, mengapa. Bagaimanakah Menteri bercadang untuk melaksanakan rancangan ini

dengan berkesannya. Jika ya, apakah hasil dari rundingan-rundingan dengan Kerajaan Negeri dari segi:

- (a) bilangan Kerajaan Negeri yang bekerjasama dengan Kementerian mengenalpastikan kepingan-kepingan tanah lapang untuk tujuan ini;
- (b) bilangan penganggur yang berjaya ditempatkan di negeri-negeri ini.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Kerajaan Pusat sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk meminta Kerajaan-kerajaan Negeri meluluskan seberapa banyak tanah-tanah untuk tanaman kontan bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dan pengangguran. Pemberian milik atau kebenaran menggunakan tanah-tanah Kerajaan/lapang perlu dibuat dengan cara teratur supaya tanah-tanah yang hanya sesuai dan permohonan yang layak sahaja dipertimbangkan.

Sehingga kini sebanyak 6 buah Kerajaan Negeri telah pun bersetuju dengan dasar ini dan sedang berusaha untuk memberi milik tanah-tanah untuk tujuan ini. Negeri-negeri tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Negeri Sembilan.  
 (ii) Pahang.  
 (iii) Kelantan.  
 (iv) Terengganu.  
 (v) Perak.  
 (vi) Johor.

Tidak ada banciaan khusus yang dijalankan untuk mengetahui bilangan penganggur yang berjaya ditempatkan di negeri-negeri ini.

#### **KWSP—PELABURAN DALAM SAHAM BUKAN AMANAH**

**51. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada

beliau memberi kelulusan kepada KWSP untuk melabur wangnya dalam saham-saham bukan amanah dalam tahun 1985, 1986 dan 1987 dan jika ya, menyenaraikan "saham-saham bukan amanah" ini secara berasingan bagi setiap tiga tahun berkenaan, dan amaun wang yang dilaburkan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dalam saham-saham bukan amanah yang dilakukan oleh KWSP dalam tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah sah di bawah seksyen 4 (2) (e) Akta KWSP 1951 dan telah mendapat kelulusan Menteri Kewangan.

Memandangkan senarai bilangan kaunter saham bukan amanah yang dilaburkan dalam tahun-tahun itu adalah panjang, adalah tidak wajar saya menyebutkannya satu persatu. Oleh itu saya bercadang menjawab secara umum sahaja.

Kedudukan pelaburan KWSP dalam saham-saham bukan amanah adalah seperti berikut:

<i>Tarikh</i>	<i>Bilangan Kaunter</i>	<i>Jumlah Pelaburan (\$)</i>
Pada 31-12-1985	21	45.09 juta
Pada 31-12-1986	23	70.24 juta
Pada 26-6-1987	20	88.68 juta

(Soalan No. 52. Sila lihat jawapan No. 25).

#### AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN

**53. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pendidikan menyatakan—

(a) apakah benar pihak Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Pelajaran Seksyen 21 (2) sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan

dalam akhbar "The Star" pada 1hb Jun. Jika benar apakah sebab-sebab yang terperinci yang menyebabkan pihak Kerajaan mengambil keputusan tersebut; dan

(b) apakah Menteri Pendidikan sedar bahawa pemansuhan Akta tersebut bertentangan dengan prinsip dan cita-cita nasional dalam usaha menegakkan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang menyeluruh mengenai Akta Pelajaran 1961 sedang dilaksanakan dan belum selesai lagi. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi saya hendak memberi ulasan tentang perkara yang timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### SOCSCO—KUTIPAN CARUMAN MAJIKAN/PEKERJA

**54. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Buruh menyatakan jumlah kutipan wang sumbangan pekerja dan majikan kepada SOCSCO (Pertubuhan Keselamatan Sosial) pada tahun 1985 dan 1986. Berapa peratuskah dari jumlah ini disalurkan kepada pembayaran pampasan bencana pekerja pada tahun 1985 dan 1986. Adakah langkah atau cadangan baru oleh SOCSCO untuk (a) meningkatkan kadar pembayaran pampasan bencana, (b) menubuhkan tabungan wang bermaksud pencegahan bencana dan kemalangan perindustrian; dan juga peningkatan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja, dan (c) pertubuhan sekim atau program latihan untuk melatihkan semula pekerja-pekerja terlibat dengan kecacatan anggota badan dalam kemalangan pekerjaan.

**Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):**

Jumlah kutipan caruman majikan dan pekerja bagi tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

1985—\$123,540,157

1986—\$138,644,264

Jumlah pembayaran faedah peratusnya bagi tahun-tahun yang sama adalah seperti berikut:

	<i>Pembayaran</i>	<i>Peratus atas caruman</i>
1985	\$23,597,885	19.1%
1986	\$29,588,778	21.3% (Angka belum diaudit)

- (a) Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperbaiki lagi skim PERKESO, sukacita dimaklumkan bahawa dalam persidangan Parlimen pada bulan Mac yang lalu, beberapa pindaan baru telah dibuat kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk meningkatkan lagi kadar-kadar faedah yang dibayar kepada pekerja-pekerja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pindaan-pindaan tersebut telah pun mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1987.
- (b) Kementerian Buruh tidak bercadang menubuhkan tabung wang khas bagi pencegahan bencana dan kemalangan kerana di bawah Seksyen 40 Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969, PERKESO dibenarkan menggunakan wang tabungnya untuk tujuan-tujuan yang tersebut.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, skim atau program untuk melatih semula pekerja-pekerja yang tercedera telah pun sedia ada.

**METER LETRIK**

**55. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di beberapa tempat, pembaca meter letrik dijalankan dua bulan sekali sahaja dan ini telah menimbulkan kesusahan kepada rakyat berpendapatan rendah yang menghadapi kesulitan untuk membayar bil yang tinggi itu, jika ya, sama ada beliau akan mengarah supaya sistem pembacaan meter sebulan sekali dikembalikan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut prosidur yang sedia ada, Lembaga Letrik Negara masih membuat bacaan meter dan seterusnya mengenakan bil bagi kegunaan letrik sebulan sekali. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang lengkap adanya tempat-tempat di mana pembacaan meter letrik dijalankan dua bulan sekali, Kementerian saya akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya.

**NEGARA ISLAM—PENGERTIAN**

**56. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan apakah negara kita sedang menuju ke arah menjadi negara Islam.

**Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Pengertian "negara Islam" itu sendiri adalah berbeza-beza antara seseorang individu dengan yang lain. Ada orang yang berpendapat bahawa Malaysia sekarang ini adalah sebuah negara Islam dan ada pula yang berpendapat sebaliknya. Walau apapun pendapat dan pandangan itu Kerajaan sebagai memikul amanah yang diberikan oleh rakyat akan membuat apa sahaja yang baik untuk rakyat dan negara mengikut lunas-lunas demokrasi.

## ASEAN—SIKAP ANTI SINGAPURA

**57. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah negara-negara ASEAN mempunyai sikap anti-Singapura hingga mendorong negara itu mendapat khidmat nasihat ketenteraan dari Israel;
- (b) sejauh manakah diplomat-diplomat Malaysia berusaha untuk memujuk Singapura supaya tidak mengadakan hubungan dengan Israel kerana ia boleh dianggap mengancam keselamatan Malaysia dan ASEAN keseluruhannya;
- (c) persetujuan Singapura untuk membenarkan kunjungan Ketua Entiti Israel dibuat dua tahun sebelum kunjungan itu dibuat. Adakah pihak Malaysia gagal mengesan maklumat itu; kiranya tidak, adakah langkah-langkah dibuat untuk membantah persetujuan itu; dan
- (d) apakah langkah yang diambil untuk memujuk Singapura supaya mengubah pendiriannya yang tidak disegani oleh seluruh umat Islam Asia Tenggara.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Adalah kurang wajar bagi saya menjawab soalan ini oleh kerana ianya menyentuh dasar luar negeri yang mana merupakan hal ehwal dalam negeri salah sebuah ahli pertubuhan ASEAN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ASEAN tidak pernah membincangkan isu-isu yang menyentuh dasar-dasar dan hal ehwal dalam negeri ahlinya. Kita hanya dapat berharap agar tiap-tiap negara ahli ASEAN atas dasar setiakawan akan memahami isu-isu yang sensitif kepada negara ahli yang lain dan dengan itu berusaha supaya

tidak akan mengambil tindakan-tindakan yang boleh menyinggong perasaan negara ahli-ahli yang lain.

## PROJEK HICOM

**58. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan segala projek yang telah dilancar oleh HICOM setakat ini dan jumlah perbelanjaan bagi setiap projek itu setakat ini; keuntungan yang diperolehi atau kerugian yang dialami dalam setiap projek itu; projek-projek yang telah dirancang tetapi belum lagi dilaksanakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):**

- (a) Sehingga 31 Mei, 1987, sebanyak 11 buah projek telah dilancarkan oleh HICOM seperti berikut:
  1. Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd.
  2. Perusahaan Otomobil Sdn Bhd.
  3. Perwaja Trengganu Sdn Bhd.
  4. HICOM Properties Sdn Bhd.
  5. Heavy Industries Valley Sdn Bhd.
  6. Taman Perusahaan Berat Sdn Bhd.
  7. Kedah Cement Sdn Bhd.
  8. HICOM-Honda Manufacturing (M) Sdn Bhd.
  9. HICOM-Yamaha Manufacturing (M) Sdn Bhd.
  10. HICOM-Suzuki Manufacturing (M) Sdn Bhd.
  11. Petro-pipe Industries Sdn Bhd.
- (b) Bagi semua projek-projek di atas jumlah pelaburan HICOM dalam bentuk ekuiti adalah sebanyak \$326,800,000.

- (c) HICOM seperti syarikat-syarikat lain telah pun mengemukakan laporan tahunannya kepada Pendaftar Syarikat. Oleh yang demikian Yang Berhormat bolehlah mendapatkan maklumat tersebut daripada pejabat Pendaftar Syarikat.
- (d) Projek-projek yang sedang dalam perancangan pihak HICOM pula adalah seperti berikut:
- (a) Loji Membuat Alat-alat Bawah Traktor;
- (b) Kilang Seksyen Keluli.

### PERUSAHAAN KOKO DI SABAH

**59. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa "Centralise Grading Scheme" yang diamalkan di Semenanjung tidak praktik untuk digunakan di Sabah disebabkan oleh kemudahan infrastruktur yang kurang. Memandangkan penjual-penjual di Sabah juga mengeksport koko yang mempunyai gred yang sama dengan SMC (Standard Malaysia Cocoa) dan telah menugaskan pegawai penilai persendirian untuk mengesahkan gred koko sebelum dieksport, adakah Kerajaan masih ingin menggunakan satu sistem gred nasional. Jika ada, kenapa dan bagaimana.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Kementerian memang sedar atas masalah yang sedang dihadapi oleh perusahaan koko di Negeri Sabah, seperti kekurangan kemudahan infrastruktur, hasil pengeluaran yang rendah dan kos pengeluaran yang tinggi. Untuk menjaga imej Malaysia sebagai sebuah negara yang mengeluarkan koko yang bermutu tinggi adalah penting bagi Malaysia memperkenalkan kokonya di bawah satu skim pengedaran iaitu mengikut ciri-ciri piawaian bagi biji-biji koko

Malaysia yang telah dikeluarkan oleh SIRIM, yang dikenali sebagai "Standard Malaysian Cocoa". Skim Pengedaran Koko ini telah pun dijalankan dengan jayanya oleh FAMA dan telah juga diperkenalkan di Sarawak sebagai langkah percubaan. Pengimport-pengimport koko di luar negeri seperti di Eropah Barat, Amerika Syarikat, Jepun dan Australia telah pun menyambut baik Skim Pengedaran Koko yang sedang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia ini.

Kementerian berpendapat bahawa koko dari Negeri Sabah juga perlu digred sebelum ia dieksport, memandangkan Sabah mengeluarkan lebih daripada 60% daripada jumlah pengeluaran negara. Sekiranya koko ini digred mengikut cara pengedaran yang berlainan, ini akan mengelirukan pasaran antarabangsa. Sekiranya terdapat pengeksport yang terus mengirim koko yang bermutu rendah ianya akan menjejaskan keseluruhan imej koko dari Malaysia, dan negara tidak dapat mengatasi masalah diskaun harga yang dikenakan atas koko Malaysia di pasaran dunia.

Kementerian Pertanian sedang berusaha agar Skim Pengedaran Koko dapat dijalankan di Negeri Sabah. Dalam usaha ini satu majlis dialog telah pun diadakan dengan pihak industri koko Negeri Sabah pada akhir bulan April untuk mendapat pandangan pihak industri tentang pelaksanaan Skim Menggred Koko di Sabah. Daripada dialog tersebut didapati bahawa pihak industri bersetuju dengan ciri-ciri piawaian biji-biji koko Malaysia dan juga skim penggredannya. Tetapi apa yang dipersoalkan ialah cara pelaksanaan. Oleh yang demikian Kementerian telah mencadangkan bahawa satu Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Skim Menggred Koko ditubuhkan.

**KAD PENGENALAN BAGI  
PENDATANG HARAM/  
PELARIAN**

**60. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada wujudnya Siri Nombor Kad Pengenalan yang berlainan yang digunakan untuk pendatang haram/pelarian di Sabah apabila mereka menjadi warganegara di sini, jika benar, apakah siri nombor ini; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan membatalkan kad-kad pengenalan biru yang dikeluarkan semenjak 1972 tanpa butir-butir lengkap dan dokumen-dokumen menyokong yang sempurna, jika tidak, mengapa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Undang-undang sekarang memperuntukan hanya warganegara Malaysia yang mencapai umur 12 tahun atau lebih boleh diberikan kad pengenalan biru. Mengikut amalan sekarang, warganegara Malaysia di Sabah yang mencapai umur 12 tahun atau lebih diberikan kad pengenalan biru yang mempunyai huruf awalan H sebelum kad pengenalan berkenaan. Pendatang haram atau pelarian di Sabah tidak berhak diberikan kad pengenalan biru.

Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang memiliki kad pengenalan itu diperolehi dengan cara yang tidak sah.

**KOPERASI PENGAMBIL  
DEPOSIT—BAYARAN  
PERKHIDMATAN**

**61. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyak kos yang ditanggung oleh tiap-tiap

Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) bagi membiayai perbelanjaan penerima-penerima yang telah dibekukan oleh Bank Negara setakat ini;

- (b) sama ada penerima-penerima tersebut ada membantah sebarang pengambilan-alih KPD oleh sebuah institusi kewangan yang dapat menjamin pembayaran balik 100% seperti yang didakwa terhadap penerima Koperasi Jasa Rakyat Bhd. (KOJASA) dan berikan sebab;
- (c) adakah penerima-penerima KPD mengambil tindakan undang-undang terhadap kes semua peminjam-peminjam besar KPD "lapuk" yang tidak mampu menjelaskan hutang mereka dan kalau tidak mengapa.

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- (a) Sehingga ini kos pembayaran perkhidmatan penerima-penerima ialah lebihkurang \$7 juta. Kos ini didahulukan terlebih dahulu oleh Bank Negara Malaysia.
- (b) Penerima-penerima tidak menolak rancangan penyelamat di mana institusi-institusi kewangan dikehendaki mengambil-alih tanggungan deposit Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) berasaskan nilai sandaran aset bersih sesuatu KPD.
- (c) Untuk mendapat balik pinjaman-pinjaman yang tertangguh, penerima-penerima telah diarahkan mengambil apa-apa langkah jua yang difikirkan perlu termasuk tindakan undang-undang, ke atas peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman mereka.

**DASAR PENDIDIKAN  
KEBANGSAAN—KAJIAN**

**62. Tuan Mohamed Sam bin Haji Saitan** minta Menteri Pendidikan menerangkan:

- (a) jumlah pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan Tingkatan Lima sejak tahun 1983 hingga tahun 1986. Daripada jumlah tersebut berapa ramai yang mendapat peluang melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat profesional dan Institusi Tinggi;
- (b) memandangkan jumlah yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi ini begitu ramai dan mereka pula tidak mempunyai sebarang kemahiran walaupun setengahnya telah mendapat didikan selama 11 tahun, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa ini merupakan satu daripada kelemahan yang utama bagi Dasar Pelajaran Kebangsaan itu sendiri;
- (c) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji kembali Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ada dan merangka satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru yang sesuai dengan kehendak permintaan Pasaran Tenaga Kerja semasa.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1983 hingga 1986 seramai 531 orang pelajar yang berkelulusan SPM berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat diploma di Politeknik dan 19,963 orang yang berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma dan Ijazah di universiti-universiti tempatan.

Pelajar-pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah di institusi pelajaran tinggi berpeluang mengikuti kursus-kursus dan latihan kemahiran di peringkat sijil di beberapa institusi dan pusat latihan di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran, MARA, Kementerian Buruh dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menambah bilangan institusi-institusi dan pusat latihan tersebut.

- (b) Memang benar bukan semua pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah dapat melanjutkan pelajaran mereka ke pusat-pusat Pengajian Tinggi. Ini bukanlah kerana kelemahan Dasar Pendidikan Kebangsaan tetapi kerana kemasukan ke pusat-pusat berkenaan adalah berdasarkan kecemerlangan prestasi pelajar-pelajar tersebut dan juga dengan mengambilkira di kalangan tenaga manusia yang diperlukan oleh negara. Pelajar-pelajar yang tidak terpilih memasuki ke pusat-pusat pengajian tinggi boleh disalurkan ke dalam pasaran kerja mengikut kebolehan masing-masing dan di mana sahaja peluang terbuka. Di samping itu beberapa agensi Kerajaan seperti MARA, Kementerian Buruh, Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada menyediakan latihan dalam berbagai bidang kemahiran untuk menampung pelajar yang berkenaan.
- (c) Akta Pelajaran 1961 sedang dikaji semula untuk disesuaikan dengan keperluan dan hasrat negara.

### KOPERASI DI BAWAH AGENSI KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH

**63. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menerangkan berapakah jumlah koperasi-koperasi yang berada di bawah naungan ataupun bimbingan Kementerian, berapakah jumlah harta koperasi-koperasi tersebut dan adakah terdapat koperasi-koperasi tersebut dan adakah terdapat koperasi-koperasi yang mengalami masalah. Kalau ada apakah langkah-langkah Kementerian untuk memperbaiki prestasi koperasi-koperasi yang bermasalah itu.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Sehingga akhir tahun 1985 jumlah koperasi-koperasi di bawah agensi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ialah 345, iaitu 212 di bawah FELDA, 59 di bawah FELCRA, 62 di bawah RISDA, 10 di bawah KESEDAR dan 2 di bawah PERDA. Daripada jumlah tersebut sebanyak 332 adalah koperasi peneroka manakala selebihnya merupakan koperasi gabungan. Jumlah saham yang terkumpul setakat tahun 1985 ialah sebanyak \$17.629 juta.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh koperasi-koperasi agensi di bawah Kementerian ini ialah pengangkutan buah kelapa sawit dan susu getah serta perniagaan runcit. Sehingga kini tiada masalah besar yang dihadapi oleh koperasi-koperasi agensi Kementerian ini.

### PELAJAR ISLAM DI AUSTRALIA—GANGGUAN PEGAWAI MSD

**64. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) adakah beliau sedar pegawai-pegawai MSD Australia

mengganggu kebebasan pelajar-pelajar Islam dari Malaysia untuk bergiat dalam dakwah hujung tahun 1985 dan awal tahun 1986;

- (b) sedarkah beliau bahawa antara gangguan dari pegawai MSD ialah minta pelajar wanita menanggalkan tudung kepala yang mengikut kehendak Islam dan minta pelajar menandatangani surat bahawa mereka tidak akan terlibat lagi dalam kegiatan dakwah;
- (c) adakah beliau tahu bahawa gangguan-gangguan itu diberhentikan kerana adanya amaran dari masyarakat Islam Australia yang hendak mengenakan tindakan undang-undang terhadap pegawai-pegawai MSD yang terlibat; dan
- (d) adakah Menteri berkenaan gembira dengan sikap pegawai itu dan apakah sikap Menteri sekarang atas perbuatan seperti itu.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan tidak menerima apa-apa aduan atau laporan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan. Oleh yang demikian, saya tidak ada apa-apa ulasan terhadap dakwaan tersebut.

### KAWASAN LATIHAN ASKAR/ LAPANG SASAR DI SABAH

**65. Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan sedar tentang penderitaan rakyat Malaysia yang tinggal di Kampong Bangkahak, Rosok, Botung, Kondis, Tambulion dan Kampong Tongkurus semuanya dalam daerah Kota Belud akibat tindakan Kerajaan untuk melibatkan kawasan-kawasan tanah perkampungan dan pertanian (perladangan) mereka dalam kawasan

latihan Askar/Lapang Sasar di Kem Paradas Kota Belud, Sabah. Jika sedar atau tidak sedar, adakah Kerajaan bersedia untuk membuat penelitian/kajian ke atas perkara tersebut dan jika didapati benar, bolehkah Kerajaan bertolak ansur untuk mengeluarkan kawasan-kawasan yang dimaksudkan demi untuk membolehkan rakyat berkenaan menjalankan kegiatan perusahaan pertanian di kawasan itu dalam usaha membolehkan mereka dan keluarga terus menikmati hidup seperti orang lain dengan bergantung kepada hasil pertanian yang diusahakan dari kawasan tersebut.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Pihak Tentera tidak pernah memberikan penderitaan kepada rakyat di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, juga pihak tentera tidak menceroboh kawasan-kawasan milik penduduk di situ. Perkara ini telah pun dibincangkan dengan Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian Pertahanan telah membayar wang pampasan kepada penduduk-penduduk di kampung yang terlibat, dalam kawasan yang diambilalih sebagai kawasan latihan tentera. Keluarga yang terlibat telah diberi kemudahan "resettlement" di tempat-tempat yang lain.

Perolehan tanah dan peng wartaan kawasan latihan di bawah "Military Monoeuvre Ordinance 1983" telah dibuat mengikut saluran tertentu yang juga melibatkan pihak yang berkuasa di negeri Sabah. Permohonan ini telah pun diluluskan dan seterusnya diwartakan.

Kawasan "Military Firing Ground" seluas 20,643 ekar adalah hakmilik tentera bertaraf Pajakan 99 tahun serta juga kawasan Kem seluas 37 ekar adalah hakmilik tentera manakala bagi kawasan "Military Monoeuvre" seluas 73,945 ekar yang diwartakan memberi hak untuk tentera menggunakannya. Jika terdapat sebarang kerosakan

maka pihak tentera akan membayar pampasan yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penduduk-penduduk yang terlibat telah pun mendapat manfaat ekoran pemindahan dari tempat-tempat asal mereka dan juga telah diberi pemulihan untuk penghidupan baru. Adalah ditegaskan bahawa tentera masih memerlukan kawasan latihan di Kota Belud bagi kegunaan tentera. Oleh yang demikian Kementerian Pertahanan tidak dapat menyerah balik kawasan pertanian dan perkampungan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana angkatan tentera masih memerlukan keseluruhan kawasan lapang sasar dan kawasan latihan yang telah diwartakan itu. Dari penjelasan saya ini soal tentera telah mengakibatkan penderitaan rakyat di sekitar kawasan Kota Belud tidak timbul sama sekali.

#### KEKURANGAN ALATGANTI TUDM

66. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar Tentera Udara DiRaja Malaysia menghadapi kekurangan alat-alatganti dan stok-stok seperti yang dinyatakan oleh Ketua Tentera Udara DiRaja Malaysia, Lt. Gen. (U) Datuk Seri Mohamad Ngah Said di Pengkalan TUDM Butterworth pada 7hb Jun, 1987 selepas melancarkan latihan JAGUH dan kenyataan beliau ini menjadikan TUDM tidak upaya menghadapi sebarang kecemasan dan jika ya, nyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya TUDM dapat mempertahankan kedaulatan dan kewibawaan negara.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Kenyataan itu dibuat adalah bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap kedudukan TUDM akibat kelembapan ekonomi negara sekarang. Namun demikian kenyataan

tersebut tidak bermakna TUDM khasnya dan seluruh Angkatan Tentera amnya tidak berupaya menghadapi sebarang kecemasan. Masalah TUDM sentiasa bersedia menghadapi ancaman musuh dengan menggunakan stok yang ada dalam pegangan.

Walau kita semua sedar bahawa pertahanan negara perlu ditingkatkan mengikut keadaan keselamatan semasa, tetapi dalam keadaan ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya. Angkatan Tentera kita terpaksa menggunakan apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuh-penuhnya bagi meningkatkan keberkesannya tanpa melibatkan pertambahan pembelian alat-alat pertahanan yang baru. Walau bagaimanapun saya yakin masalah ini akan dapat diatasi apabila keadaan ekonomi negara pulih sepenuhnya.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (*2hb Julai, 1987*)

4.08 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang pentingnya hutan bukan sahaja bagi ekonomi negara malah juga bagi kestabilan alam sekitar, pemeliharaan sumber-sumber air, tanah-tanah, kehidupan liar dan sumber-sumber benih bagi kejayaan rancangan-rancangan pembangunan pertanian

dan luar bandar serta memperbaiki kualiti kehidupan penduduk desa dan kota.

Saya bersetuju sepenuh-penuhnya dengan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut dan saya suka menjelaskan bahawa oleh kerana memandangkan pentingnya peranan hutan ini, Kerajaan telah merumuskan dasar-dasar dan program-program bagi menseimbangkan keperluan-keperluan pembangunan dan pemeliharaan supaya pada akhirnya negara memperolehi faedah-faedah ekonomi dari sumber-sumber hutan dan pemeliharaan kualiti kehidupan.

Pada masa ini Malaysia masih mempunyai hutan seluas 21.82 juta hektar iaitu kira-kira 62% daripada keluasan tanah negara. Kira-kira 3.4 juta hektar daripada kawasan ini telah pun rosak oleh pertanian pindah-randah. Selain dari itu kawasan hutan asli ini menjadi semakin berkurangan akibat pembukaan rancangan-rancangan tanah untuk pertanian dan penempatan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan melalui Majlis Perhutanan Negara telah pun membentuk Dasar-dasar Perhutanan Negara yang antaranya ialah menetapkan 12.8 juta hektar daripada kawasan hutan yang masih ada itu sebagai Hutan Simpan Kekal. Ini adalah merupakan 59% daripada kawasan hutan negara dan akan diurus atas asas pengeluaran berkekalan di mana kaedah-kaedah seperti catuan tebingan tahunan, penebangan memilih, rawatan silviculture, dengan izin, yang seimbang dengan penebangan dilaksanakan di Hutan Simpan Kekal.

Selain itu Kerajaan sebagai satu dasarnya juga bergiat melaksanakan Program Perladangan Hutan di mana projek ladang hutan compensatory seluas 188,000 hektar sedang dimajukan dengan giat di Semenanjung Malaysia bagi

menghadapi tempoh-tempoh tahun 1995 sehingga 2000 apabila pengeluaran dari hutan asli dijangka tidak cukup untuk keperluan dalam negeri.

Setakat ini seluas 9,000 hektar telah diusahakan. Di samping itu di Sabah telah tertubuh ladang hutan seluas lebih daripada 60,000 hektar dengan matlamat seluas 250,000 hektar. Ladang-ladang hutan yang diusahakan ini ditanami dengan pokok-pokok yang cepat membesar dan boleh menghasilkan balak dalam jangka waktu 15 tahun berbanding antara 30 hingga 35 tahun bagi pertumbuhan biasa kayu balak. Jenis yang ditanam ialah *Akasa Menjum*, *Malena* dan *Parasiantes*, dengan izin, sebab saya terpaksa menyebut nama-nama Latin oleh kerana tidak ada nama tempatan yang dijumpai untuk pokok-pokok ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga telah menubuhkan ladang-ladang pokok pine di beberapa buah negeri, juga ladang jati dilaksanakan di negeri Perlis akan diteruskan pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga menyedari peranan penyelidikan bagi menjimat penerokaan hutan yang seterusnya akan memberi sumbangan kepada pemeliharaan hazanah hutan. Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia ditubuhkan untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha penyelidikan hutan.

Penyelidikan ke atas kayu getah, batang kelapa sawit, kayu-kayu yang kurang terkenal dan bersaiz kecil yang dijalankan oleh FRIM akan mengurangkan keperluan membalak hutan asli secara besar-besaran disebabkan sumber-sumber ini akan boleh menjadi pengganti kepada kayu-kayu popular yang ditebang dari hutan. Semua usaha-usaha ini yang ditambah pula dengan dasar-dasar Kerajaan yang menggalakkan perkembangan

industri prosesan hiliran atau, dengan izin, down-stream. Saya percaya pembalakan hutan atau berkurangan tanpa menjejaskan kesejahteraan ekonomi negara bahkan mewujudkan hutan yang terpelihara sebagaimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang isu pembaziran kayu. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada Kerajaan hendak menambahkan species dengan mempunyai nama Latin yang begitu anih, tetapi species yang sedia ada itu tidak ditanam dengan lebih.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong berhasrat untuk mempelajari lebih lanjut tentang nama-nama kayu baik dari segi nama Latinnya atau nama tempatannya dan mengetahui juga lebih lanjut apa yang sedang dibuat oleh FRIM, saya jemput beliau ke Kepong iaitu tempat beliau sendiri. Di sana kami boleh jelaskan apa yang sedang dibuat untuk menambah pengetahuan Yang Berhormat dalam bidang perhutanan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak menjadi masalah kerana saya seringkali ada pergi ke situ. Tetapi nampaknya penyelidikan hasil penemuan penyelidikan itu dibuat tetapi kerana kezaman politik tidak ada, tidak dapat dilaksanakan. Adakah Yang Berhormat dapat menjaminkan bahawa segala penemuan dan hasil penyelidikan yang dibuat di Institut tersebut dapat dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dengan azam politik yang lebih sempurna.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan DAP kami di sebelah sini tidak ada kezaman politik bukan sahaja untuk memelihara kayu dan hutan tetapi kita tidak mempunyai kezaman politik dalam semua bidang. Itu adalah pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu sendiri. Saya suka menjemput beliau. . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya belum habis—duduklah. Peraturan (Standing Order) patut Yang Berhormat dari Kepong fahamlah, kerana Yang Berhormat sudah lama duduk dalam Dewan ini. Saya suka jemput Yang Berhormat melawat ke Kepong—ke pusat pengkajian kita di Kepong supaya dapat kita jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa kita bukan sahaja mempunyai kezaman politik untuk memelihara hutan kita tetapi apa yang kita buat telah dipraktikkan dan diuji secara saintifik dan sudah pun menemui kejayaan pada masa yang lepas.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Alias bin Ali:** Hendak lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti. Yang mana dahulu. Yang Berhormat dari Bandar Kuching dahulu.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan saya ini dianggap sebagai soalan yang adil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan soalan itu. Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Ya, saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa peladangan semula pokok-pokok adalah terhad kepada species yang memerlukan tempoh sebanyak 15 tahun sebelum

penebangan dapat dijalankan dan bukannya ini bermakna bahawa species pokok keras tropical seperti beliankah, braminkah ataupun merantikah akan dihapuskan dan tidak didapati lagi. Ini sahaja.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat dari Bandar Kuching tidak sabar menunggu apa yang saya cuba jelaskan yakni tanaman pokok-pokok yang cepat mengeluarkan hasil selama 15 tahun ini ialah pokok-pokok jenis yang kurang keras. Memang benar pokok jati, pokok cengal dan sebagainya akan mengambil masa 100 tahun untuk besar dan pokok-pokok ini akan terus dikekalkan. Tidaklah bermaksud bahawa apabila kita tanam pokok yang boleh ditebang dalam masa 15 tahun pokok-pokok jenis yang keras akan hapus. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, saya teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Kepong bangun pula.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebab Ahli Yang Berhormat tadi tidak jawab soalan saya. Saya bagi satu contoh. Dia kata Kerajaan ada melaksanakan dasar dan sebagainya tetapi saya bagi contoh di Endau/Rompin, entah berapa tahun tidak dapat diselesaikan, bahkan juga ada satu ketika pokok-pokok yang cantik itu ditebangkan di kawasan Endau/Rompin. Setakat ini adakah Kementerian beliau dapat mengambil tindakan untuk memastikan kawasan Endau/Rompin ini dijadikan satu kawasan National Park.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu cuba hendak berdebat pula. Beliau telah pun dapat peluang berdebat dalam Dewan ini dan tidak menimbulkan masalah itu. Kalau Yang Berhormat itu sabar menunggu hingga

saya selesai membuat kenyataan, Yang Berhormat itu akan berjumpa dengan bahagian-bahagian di mana saya akan menyentuh perkara-perkara yang berkait dengan conservation.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang isu pembaziran kayu yang masih tinggi baik di kawasan tebingan hutan mahupun di kilang memproses kayu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang. Bagi mengurangkan pembaziran ini FRIM telah pun mengadakan kilang bergerak untuk membolehkan kayu diproses di tempat penebangan dan juga mengenalpasti kegunaan-kegunaan bagi sisa-sisa kayu. Projek printis juga telah dijalankan untuk mengeluarkan tunggul-tunggul kayu dan dahan-dahan kayu dan memprosesnya. Di samping itu FRIM menyediakan khidmat teknik kepada kilang-kilang bagi meninggikan kecekapan kadar penggunaan kayu dan mengurangkan sisa-sisa kayu. Antara projek-projek yang sedang dijalankan bagi mengurangkan pembaziran kayu ialah bagi menghasilkan papan medium density fibre, dengan izin, dan menghasilkan gam. Penyelidikan teknik glue lamination, dengan izin, telah pun berjaya dilakukan. Tujuannya ialah menggunakan sisa-sisa kayu sebagai bahan struktur binaan.

Di antara cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah supaya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia mengutamakan penyelidikan bagi pemeliharaan, atau dengan izin, conservation. Sekarang Ahli Yang Berhormat dari Kepong boleh mendengar dengan teliti.

Cadangan juga telah dibuat untuk menyelidik masalah critical slope seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan juga bagaimana cara mengurangkan kesan-kesan negatif pembalakan ke atas kaum bumiputera

Sarawak yang tinggal di dalam hutan seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuching.

Di sini sukalah saya menyatakan bahawa semua program-program penyelidikan hutan oleh FRIM mempunyai matlamat akhirnya untuk pemeliharaan hutan. Masalah critical slope seperti yang dibangkitkan sebenarnya termasuk dalam bidang penyelidikan FRIM. Dalam hal ini kita sedang mencari cara-cara yang terbaik bagi pembalakan di hutan bukit yang mana merupakan kawasan utama pembalakan dewasa ini setelah hutan-hutan di kawasan rendah telah habis dibalak.

Khususnya, mengenai permintaan Yang Berhormat dari Kuching supaya FRIM mengkaji masalah kaum penghuni hutan di Sarawak akibat dari aktiviti pembalakan hutan, sukalah saya nyatakan kesediaan FRIM untuk melakukannya sekiranya diminta oleh Kerajaan Sarawak. Ini ialah disebabkan Akta Lembaga ini belum lagi diperluaskan pemakaiannya ke Sarawak pada masa ini atas kehendak Kerajaan Sarawak sendiri.

Mengenai cadangan supaya FRIM mengawasi aktiviti-aktiviti pembalakan dan mengawal pemberian kawasan-kawasan membalak demi memelihara hutan, sukalah saya menjelaskan bahawa mengikut Perlembagaan Persekutuan, pengawasan dan kawalan aktiviti-aktiviti pembalakan merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri. FRIM hanya boleh memberi nasihat berdasarkan penemuan-penemuan penyelidikannya untuk dilaksanakan oleh Jabatan-jabatan Hutan Negeri.

Berhubung dengan ini, saya suka menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya sebelum sesuatu kawasan dibuka untuk pembalakan pandangan FRIM diminta terlebih dahulu. Sekalipun cadangan ini baik, ianya sukar dilaksanakan kerana ia menjejaskan kuasa mutlak

Kerajaan Negeri dalam pengurusan hutan. Lagipun garis-garis panduan am bagi pembukaan sesuatu kawasan hutan untuk pembalakan yang disediakan oleh Jabatan Hutan Negeri hanya menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan di dalam Dewan ini petang semalam, soal pengeluaran balak adalah dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, perbincangan mengenainya haruslah mengambil kira peruntukan tersebut yang telah pun dipersetujui oleh semua pihak dan mestilah juga mengambil kira sensitivity, dengan izin, serta keperluan negeri-negeri yang berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuching dan Simunjan telah menyentuh panjang lebar mengenai masalah-masalah yang dihadapi di dalam pengurusan dan pengeluaran lesen membalak di Sarawak. Forum yang tepat untuk Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara-perkara tersebut ialah di Dewan Undangan Negeri Sarawak sendiri. Kementerian saya tidak mahu terlibat dengan isu-isu pengeluaran balak di Sarawak. Bagaimanapun, saya percaya rakyat Sarawak sendiri boleh menjadi hakim sama ada pengurusan pengeluaran hasil balak di Sarawak telah dilakukan dengan betul atau sebaliknya.

Seperti yang kita sedia maklum, pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak telah dijalankan pada 15hb April, 1986 yang lalu di mana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri mengakui bahawa isu balak merupakan satu daripada isu pilihanraya tersebut. Rakyat Sarawak telah memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Ketua

Menteri yang ada sekarang ini. Ini menunjukkan rakyat Sarawak menolak dakwaan-dakwaan yang menyatakan bahawa pengurusan dan pengeluaran balak di negeri tersebut telah tidak dijalankan secara betul.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah sedar bahawa balak adalah satu daripada punca hasil Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam hal Kerajaan Negeri Sarawak, balak merupakan punca hasil yang utama daripada hasil keseluruhan negeri tersebut. Berdasarkan angka-angka yang ada pada saya, hasilnya berjumlah \$392.9 juta iaitu 42.2% bagi tahun 1983, \$340.9 juta iaitu 37.6% dalam tahun 1984 dan \$336.1 juta iaitu 33.9% dalam tahun 1985. Kerajaan Negeri Sarawak sendirilah yang tahu berapa banyak balak patut dikeluarkan oleh kerana merekalah yang lebih arif mengenai keperluan rakyat negeri Sarawak.

Seperti lain-lain negeri juga, negeri tersebut tidak terlepas daripada tekanan-tekanan rakyat untuk membangunkan negeri tersebut. Dengan saiznya sebesar Semenanjung Malaysia, usaha-usaha membangunkan negeri Sarawak tentulah memakan belanja yang sangat besar. Tanpa hasil balak, pembangunan tidak dapat dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh rakyat. Ini sudah tentu akan menimbulkan masalah lain pula.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam Dewan yang mulia ini Ahli Yang Berhormat dari Baram iaitu dia pun seorang Timbalan Menteri—ada memberitahu kepada kita konsesion-konsesion hutan sebanyak 3 juta hektar dalam kawasannya diberi kepada seorang ahli politik. Macam itu, dalam ucapannya tadi Yang Berhormat baru

memberitahu kepada kita bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mementingkan rakyat, tetapi sejak dahulu sampai hari ini tidaklah ada satu tabung amanah yang akan bertanggungjawab mengusahakan semua hutan-hutan ini dan memulangkan faedah usaha ini kepada orang rakyat. Hakikatnya kepunyaan consession ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat membuat ucapan.

**Dr Eng Seng Chai:** Bukan, bukan. Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta penjelasan sahaja.

**Dr Eng Seng Chai:** Hakikatnya kepunyaan 3 juta hektar hutan ini yang akan diusahakan oleh seorang ahli politik. Inilah kepentingan dipulangkan kepada satu orang—bukan semua rakyat di negeri Sarawak. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat, adakah cadangan supaya ditarik balik kepunyaan 3 juta hektar ini di kawasan Baram seperti Yang Berhormat dari Baram ada sebut. Adakah?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada ahli dari Petaling Jaya itu tak faham ucapan saya atau beliau tertidur sewaktu saya berucap. Saya telah jelaskan bahawa kuasa mengeluarkan lesen balak adalah kuasa Kerajaan Negeri dan Kementerian saya tidak ada kena-mengena dengan soal pengeluaran atau penarikan balik lesen balak yang telah diberi.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan. Tetapi sebagai seorang Timbalan Menteri di Kerajaan Pusat memang ada kena-mengena dengan Kerajaan Negeri Barisan Nasional di Sarawak dan jika semua dari Barisan Nasional tidak kena-mengena, apakah satu Kerajaan Pusat Barisan Nasional dan

satu Kerajaan di peringkat Negeri, memang adalah perhubungan dan bolehlah beri cadangan. Memang Perdana Menteri dan Menteri-menteri Pusat ada hak memberi cadangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Adakah cadangan kepada peringkat Kerajaan Negeri?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu bukanlah untuk saya menjawabnya. Kami....

**Dr Eng Seng Chai:** Tanya Perdana Menterikah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tak bolehlah cakap macam itu. Minta jalan dahulu, baru boleh dapat penjelasan. Ya, sila teruskan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai suatu cadangan untuk dikemukakan kepada Kerajaan Sarawak, silalah menulis terus kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Saya telah jelaskan beberapa kali bahawa Perlembagaan Negara menentukan bahawa soal pengeluaran lesen balak adalah hak mutlak Kerajaan Negeri. Tentulah pihak Kerajaan Pusat boleh memberi pandangan dalam hal tersebut tetapi kuasa akhirnya adalah terletak di tangan Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan sebentar tadi iaitu tanpa hasil balak, pembangunan tidak dapat dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh rakyat dan ini sudah tentu akan menimbulkan masalah lain pula dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuching dan Simunjan adalah nanti di antara orang-orang yang akan membuat desakan supaya pembangunan negeri terus dipertingkatkan. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa khazanah hutan

kita perlulah dijaga seperti menatang minyak yang penuh, kalau saya boleh pinjam pepatah yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan semalam. Walau bagaimanapun, minyak yang penuh bagaimana sekalipun cermatnya kita menatangnya akan tumpah juga ke lantai dan kalau kita tidak mahu minyak itu tumpah, kita terpaksa memasukkannya ke dalam botol yang ditutup selamalamanya. Apakah ini yang dikehendaki dan apakah ini yang patut dilakukan? Minyak yang tidak digunakan untuk memasak makanan tidak juga akan memberi apa-apa faedah kepada isi rumah yang berkenaan selain daripada hanya boleh melihat minyak itu berada di dalam botol.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlunya penyelidikan FRIM meliputi penghasilan-penghasilan bahan-bahan ubat, minyak, gam dan sebagainya dari tumbuh-tumbuhan hutan, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Lembah Pantai, saya suka menjelaskan bahawa perkara-perkara ini memang ada di dalam perhatian dan tindakan FRIM. Walau pun tidak dapat kita jalankan ini dengan penuh tumpuan oleh kerana kekurangan kakitangan yang dihadapi oleh pihak FRIM dan juga kekurangan kewangan, namun begitu FRIM telah berjaya menemukan cara penghasilan tannin, iaitu sejenis pekat gam untuk kegunaan industri papan lapis dan chip board yang kini sedang dimajukan untuk pengeluaran secara komersial.

Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa FRIM sekarang ini mempunyai 90 orang pegawai penyelidik, iaitu pegawai-pegawai Kumpulan A dan 9 orang pakar-pakar asing berkhidmat dengannya di bawah beberapa program bantuan teknik Kerajaan asing kepada FRIM. Jumlah ini tentulah tidak mencukupi untuk menjalankan semua penyelidikan-penyelidikan perhutanan seperti yang disyorkan, lebih-lebih lagi liputan

perhutanan adalah bermula dari persisiran pantai, iaitu hutan paya laut sehingga ke hutan bukit dan dari desa hingga ke kota, iaitu perhutanan bagi mengindahkan bandar. Jenis-jenis pokok sahaja ada lebih 2,000 pokok, ini tak termasuk tumbuh-tumbuhan yang kita panggil tumbuhan renek dan menjalar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga menimbulkan soal pemulihan hutan yang sekarang hanya dilakukan di kawasan hutan simpan kekal. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa hutan simpan kekal adalah dimaksudkan untuk penghasilan berterusan. Oleh itu, sewajarnya ia diberi keutamaan untuk pemulihan. Hutan-hutan tanah Kerajaan pula apabila dibalak kebanyakannya ialah untuk dimajukan, sama ada untuk projek-projek pembangunan tanah atau projek-projek lain. Oleh itu, tidaklah berapa perlu ia dipulihkan, sebaliknya pembangunan tanah dengan menanam pokok-pokok getah dan kelapa sawit akan jadi sumber kayu di masa hadapan.

Saya ingin menjelaskan bahawa hutan simpan kekal bukanlah bererti satu kawasan hutan yang disimpan sahaja untuk tidak diusik sama sekali, sebaliknya ia merupakan satu kawasan hutan yang diuruskan untuk tujuan penghasilan berkekalan, perlindungan kekal dan juga rekreasi masyarakat. Oleh itu, soal hutan simpan kekal dibuka untuk pembalakan tidaklah seharusnya menjadi masalah, asalkan pembalakan itu mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan, seperti daripada jenis dan saiz pokok yang ditebang serta diadakan rawatan selepas pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, perlunya penyelidikan dijalankan bagi menjamin bekalan rotan pada masa ini dan akan datang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari

Padang Terap, Pasir Mas dan Lembah Pantai. Saya suka menjelaskan bahawa FRIM memberi keutamaan di dalam penyelidikan rotan ini oleh kerana kegunaannya sebagai bahan perabot semakin meningkat pada masa ini. Bantuan khidmat seorang pakar daripada Kanada telah pun diperolehi untuk tujuan ini. Hasil dari kajian-kajian yang dibuat ialah mencipta benih rotan secara "tisu didih" atau dengan izin, "tissue culture". Walau bagaimanapun, teknik ini masih perlu menjalani ujian-ujian lanjut sebelum benih ini dapat dikeluarkan secara komersial. Selain dari itu, ujian-ujian menanam rotan di dalam kebun-kebun getah juga dijalankan. Sekiranya tanaman rotan boleh digalakkan di kebun-kebun getah, ini akan menjadi satu punca pendapatan baru bagi pekebun-pekebun getah. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk mendapat maklumat lanjut mengenai hal ini, saya jemput melawat FRIM di Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Marang supaya eksport balak dikurangkan, saya suka menjelaskan bahawa tindakan mengenainya telah pun diambil sepanjang yang mengenai Semenanjung Malaysia. Eksport 27 jenis balak tidak kira saiz telah pun diharamkan sejak tahun 1983. Di samping itu, mulai tahun 1985 semua jenis balak yang ukuran perampangnya 41 cm ke atas juga diharamkan dieksport. Balak-balak yang kecil perampangnya selain daripada 27 jenis yang dieksport tadi cuma boleh dieksport kalau terbukti tiada pembeli daripada dalam negeri yang mahu atau sanggup menawarkan harga yang sama dengan pembeli daripada luar negeri, itupun hanya terhad kepada pemegang-pemegang permit pembalakan yang boleh mengeksport dan balak itu mestilah dari kawasan hutan untuk dimajukan.

Kerajaan Sabah pula telah memutuskan untuk mengurangkan

kuota eksport balaknya daripada 8 juta meter padu kepada 6 juta meter padu setahun. Saya percaya jika Kerajaan Sabah dan Sarawak mengamalkan sistem catuan tebangan hutan tahunan seperti di Semenanjung Malaysia, eksport balak akan berkurangan. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi perkembangan industri-industri kayu hiliran, iaitu "downstream", dengan izin, seperti meliberalkan syarat-syarat ekuiti asing dan membaiki insentif-insentif pelaburan. Ini akan memastikan eksport balak semakin berkurangan di masa akan datang. Tujuan kita ialah untuk menggalakkan pengeksporan kayu yang sudah diproses bagi menghasilkan nilai tambahan atau "value added", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa FRIM ada menjalankan penyelidikan-penyelidikan "agro forestry" yang meliputi penanaman pokok buah-buahan di bawah pokok-pokok ladang hutan sejak 2 tahun yang lepas. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai tidaklah perlu risau takut-takut petai, jering, enau, kerdas, kundang dan sebagainya akan pupus kerana di masa akan datang kita akan mempunyai 188,000 hektar ladang hutan yang mengandungi juga pokok-pokok buah-buahan hutan ini sekiranya penyelidikan FRIM yang sedang berjalan sekarang ini berjaya.

Berhubung dengan syarat-syarat pinjaman perumahan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Larut, Marang dan Betong, saya tidak dapat menjawabnya oleh kerana ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidaklah perlu khuatir oleh kerana kakitangan Kerajaan yang mengambil pinjaman perumahan Kerajaan akan dapat membayar balik, mereka tidak

akan lari daripada membayar balik pinjaman mereka oleh kerana selain daripada diwajibkan potongan gaji dan pencen untuk bayar balik wang pinjaman perumahan mereka, pinjaman-pinjaman itu juga diinsurankan.

Akhir sekali, saya ingin menjelaskan kemusykilan Ahli Yang Berhormat.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil dengan berkesan bagi ahli-ahli yang tinggalkan perkhidmatan awam ini. Saya ingat tiap-tiap tahun pun ada banyak juga yang tinggalkan perkhidmatan yang tidak dapat bayar balik.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai peraturan-peraturan yang tertentu untuk mengatasi perkara ini dan kalau Yang Berhormat dari Kepong itu ingin penjelasan mengenai perkara ini, silalah berhubung dengan Kementerian Kewangan atau pihak Perbendaharaan. Saya bukanlah "authority", dengan izin, yang tepat untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan akhirnya satu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai adanya pokok-pokok jati yang ditanam di bawah talian-talian elektrik di Perlis. Memang benar pokok jati akan tumbuh tinggi dan membahayakan apabila tersentuh talian elektrik. Masalah ini memang kita telah sedari sejak awal lagi dan kita akan atasi dengan cara mencantas pokok-pokok itu supaya jangan naik, dia akan jadi rendang. Pokok-pokok

itu berguna untuk pengeluaran biji benih jati yang sukar didapati daripada dalam negeri kerana jati cuma boleh hidup di Perlis. Benih daripada Burma telah cuba ditanam tetapi benih itu lebih banyak yang mati daripada yang hidup. Jadi pokok jati di bawah talian elektrik itu tidak semestinya ditebang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan (Pindaan) 1987 dan mana-mana perkara yang tidak saya sentuh di dalam penjelasan saya ini telah pun saya catatkan untuk diambil tindakan susulan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1986 dan 1987)**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

4.44 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$55,940,100 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 seperti yang ditunjukkan di dalam jadual pertama dan jadual kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1986 adalah berjumlah \$4,708,000, tetapi sebanyak \$2 juta sahaja diminta diluluskan di bawah fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$2,708,000 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Tambahan peruntukan sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Luar Negeri untuk menampung perbelanjaan penyelenggaraan serta pembaikan bangunan, sewaan tempat kediaman, kenaikan pemberian atau sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan menampung susutan nilai ringgit berbanding dengan pertukaran matawang asing yang berturut-turut sepanjang tahun 1986.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1986 ini boleh didapati dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17/1987 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A/1987.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1987 berjumlah \$54,020,100, dari jumlah tersebut sebanyak \$53,940,100 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini kerana bakinya sebanyak \$80,000 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Tambahan peruntukan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki oleh Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur kemudahan awam dan sosial serta keagamaan;
- (2) Sebanyak \$3.9 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bagi membiayai program baru iaitu Kawal Selia Telekom berikutan dengan penswastan Jabatan Telekom mulai 1hb Januari, 1987;

Butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1987 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18/1987 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A/1987.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula

cadangan bagi Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 dan Tambahan Pertama 1987. Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 adalah berjumlah \$2,200,000. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,700,000 adalah perbelanjaan cara langsung dan sebanyak \$500,000 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan peruntukan tersebut adalah dikehendaki bagi membiayai rancangan-rancangan utama mengikut Kementerian atau Jabatan seperti berikut:

- (i) sebanyak \$1.7 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Pertahanan untuk menampung tanggungan-tanggungan di bawah kontrak dari tahun 1985 yang dibawa ke tahun 1986 disebabkan oleh kelewatan jadual pembinaan projek dan penyerahan peralatan dan pelaksanaan beberapa projek baru diluluskan sepanjang tahun 1986. Tetapi peruntukan tidak disediakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1986, khususnya projek perumahan anggota-anggota Tentera;
- (ii) sebanyak \$500,000 adalah dikehendaki oleh Jabatan Penerbangan Awam sebagai pinjaman untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan bagi Kajian Pelan Induk Ruang Udara Angkasa.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1987

dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19A Tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 yang dicadangkan berjumlah \$204,692,290 dan dari jumlah ini sebanyak \$114,994,300 adalah perbelanjaan secara langsung dan sebanyak \$89,697,990 adalah perbelanjaan pinjaman. Tambahan-tambahan besar yang dikehendaki adalah seperti berikut:

- (i) sebanyak \$92 juta adalah dikehendaki oleh Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai pembelian "Rights Issue" saham Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) yang bernilai \$1.00 tiap-tiap satu saham sebagai ekuiti;
- (ii) sebanyak \$80.2 juta adalah dikehendaki oleh Perbendaharaan sebagai pinjaman kepada Perbadanan Tenaga Sabah iaitu "Sabah Energy Corporation" bagi menampung keperluan kewangan Perbadanan ini untuk membiayai projek "Sabah Gas Utilisation".
- (iii) sebanyak \$16.5 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Kerjaraya iaitu sebanyak \$10 juta untuk membiayai kerja-kerja mengubahsuai Bangunan Parlimen dan pembelian alat-alat kelengkapan dan sebanyak \$6.5 juta sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk menyiapkan peringkat akhir Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Dewan Undangan Negeri.

Yang lain-lain adalah merupakan tambahan kecil bagi membiayai

berbagai projek dan rancangan ini di bawah Kementerian atau Jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1987 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20A Tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 dan Tambahan Pertama 1987 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 3) 1986

### DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 1) 1987

4.56 ptg.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Peraturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$206,892,290

diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan;

- (1) bagi tahun kewangan 1986 untuk menampung sejumlah \$2,200,000 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1987 untuk menampung sejumlah \$204,692,290 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi

perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Keduanya masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

4.56 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, apabila prestasi Kerajaan dalam mesyuarat Parlimen ini dikaji seseorang tidak boleh disalahkan sekiranya ia memikir bahawa Dewan yang mulia ini dipanggil bermesyuarat semata-mata untuk membolehkan Kerajaan meminta dan mendapat kelulusan bagi perbelanjaan Anggaran Mengurus dan Pembangunan Tambahan untuk tahun 1986 dan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, ketika negara mengalami krisis ekonomi dan kewangan yang teruk dan berpanjangan, Kerajaan terpaksa memikul beban yang lebih berat untuk meyakinkan Parlimen dan rakyat bahawa ia tidak dapat mengelak daripada meminta kelulusan bagi perbelanjaan tambahan yang ditanggungkan baik pun untuk maksud mengurus atau pembangunan. Di samping itu, Kerajaan juga mempunyai beban yang lebih berat untuk meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Perbendaharaan Negara tidak akan menanggung beban yang lebih, akibat perbelanjaan tambahan ini kerana penjimatan yang sama amaunnya dengan Perbelanjaan Tambahan ini akan dilakukan di lain-lain Kementerian, perkhidmatan-perkhidmatan atau dalam perbelanjaan-perbelanjaan yang diluluskan dalam Belanjawan atau Budget yang asal.

Ini adalah perlu kerana sungguhpun Kerajaan melaung-laungkan yang ia adalah sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, pembaziran, ketidakcekapan dan penyalahgunaan wang masih berleluasa di perkhidmatan awam, ketidakcekapan adalah satu kemewahan mahal yang Malaysia tidak mampu mempunyai ketika negara mengalami krisis ekonomi dan kewangan dan ketidakcekapan ini ditonjol dan diperlihatkan di Parlimen sendiri di mana kita mempunyai Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen yang jelas tidak menguasai portfolio dan tanggungjawab mereka.

Kita telah menyaksikan pada awal minggu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli dari Tanjong Malim yang telah menunjukkan kejahilan dan ketidakcekapannya apabila ia menjawab pertanyaan mengenai penyelamatan Sabah Bank oleh Bank Negara. Dan Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga telah menunjukkan kejahilan dan ketidakcekapan yang sama apabila ia menjawab pertanyaan mengenai pelaburan asing.

Bagaimana kita boleh mengharapkan 750,000 kakitangan Kerajaan menunjukkan kecekapan yang lebih sekiranya Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen menunjukkan ketidakcekapan mereka tanpa sebarang rasa malu atau kesal di Parlimen atau apakah ini merupakan, dengan izin, Kepimpinan Melalui Teladan in action yang tadi dalam masa Soal Jawab mengenai kecekapan kakitangan dan disiplin kakitangan Kerajaan di mana saya ada sebut bahawa lima orang anggota Kabinet sahaja dalam Parlimen ini sungguhpun ada 24 orang anggota, tidak sampai 20% dan sekarang ada

sahaja. (*Tepuk*) Mana kecekapan, mana Kepimpinan Melalui Teladan? Yang Berhormat Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri kata ini oleh kerana Menteri ada priority. Priority apa? Apa yang lebih mustahak daripada urusan dalam Parlimen. Dewan yang tertinggi sekali? Seorang yang kata ada priority yang lebih mustahak, beliau tidak layak dalam Dewan yang mulia ini. Resign, saya kata kepada dia. Oleh kerana dia tidak faham fungsi peranan Parlimen dan sudah menghinakan darjat dan kedudukan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama Parlimen menyaksikan Kabinet baru.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Ya Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh ya!

**Tuan Hashim bin Safin:** Pohon penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh istilah kecekapan telah digunakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Apakah semestinya kecekapan itu kesemua Menteri-menteri mesti berada di dalam Dewan ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan mesti semua berada di sini tetapi kita oleh kerana ada bayar elaun Menteri-menteri sekurang-kurangnya majoriti ada dalam Dewan ini. Kalau bukan dalam Dewan ini pergi mana? Di mana kita lihat Yang Berhormat Menteri Kewangan, di mana kita lihat Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kenapa ada soalan, dia tidak boleh jawab? Mahu seorang Timbalan Menteri yang tidak pandai, tidak layak dan tidak tahu jawab.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, lagi mahu. Boleh.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah wakil-wakil DAP pernah menjadi Menteri dan tidak tahu tugas Menteri di mana Menteri ada pegawai-pegawai dan Setiausaha Politik dan pegawai-pegawai mengambil tahu sedangkan Menteri ini juga menjalankan tugas bukan kaki bangkang, melulu macam DAP, tahukah itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tahu dan sebab itu masa Parlimen ada disesuaikan dalam tahun 60an Parlimen bersidang pagi petang. Oleh kerana mahu membenarkan Menteri-menteri menjalankan urusan mereka, baru bersidang petang tetapi supaya mereka boleh datang ke sini oleh kerana Dewan yang mulia ini yang tertinggi, yang mereka accountable dan tidak ada sebab musabab di mana mereka boleh kecuali atau absent daripada sini tanpa sebab yang baik. (*Tepuk*) Bukan oleh kerana mahu pergi kempen UMNO, Team A, Team B. Mungkin Yang Berhormat Team C. Mahu kempen mahu pergi perkara yang bukan mustahak. Kalau ada perkara mustahak datang sini dan meminta cuti kenapa dan Menteri-menteri tidak datang ke sini menunjukkan mereka bukan sahaja cuai tetapi tidak hormat kepada Dewan tetapi apa yang malangnya ada Yang Berhormat semacam yang bercakap tadi tidak tahu bahawa tindakan semacam ini menunjukkan tidak hormat kepada Dewan yang mulia ini, mereka sudah tidak "nam", dengan izin, "nam".

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Team B pun mahu cakap, boleh. Dahulu duduk di sini, sekarang pergi sana, mungkin Team C, Pasukan C, C atau B.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sila Yang Berhormat, ada apa?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang sebagai orang yang berpengalaman duduk dalam Dewan ini, saya rasa kelak cara bercakap ini, tolong malulah kepada budak-budak. Kalau saudara Yang Berhormat Ketua Pembangkang menganggap Dewan ini Dewan yang mulia, saya percaya Menteri-menteri yang tidak hadir, mereka tahu tugas mereka. Tetapi saya rasa patut juga kadang-kadang tidak hadir sebab dengar ucapan Pembangkang ini memang mencarut dan menjemukan dan memang merosakkan Dewan yang mulia ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Ahli-ahli Pembangkang:** Boo!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Apa boo!

**Tuan Lau Dak Kee:** Percakapan-percakapan yang begitu menunjukkan ia. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk! Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri-menteri bukan tidak mahu dengar ucapan-ucapan parti Pembangkang. Oleh kerana kita ada peranan, kita bersuara di sini bagi pihak sejuta orang pengundi-pengundi, bukan suara seorang. Sejuta orang rakyat. Tetapi Team B mewakili siapa? Team B sahaja pun jatuh!

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti saya habis dahulu dan Menteri-menteri tentulah jemu dengan ucapan orang-orang yang nampaknya pada depan sokong Kerajaan tetapi lawan sebab itu jawatan Pengerusi FIMA pun digugurkan, MAJUIKAN pun digugurkan. Itu tidak mustahak. Tidak boleh ingat. Baru sendiri dia ingat. Mustahak pun digugurkan. Sebab itu dia sekarang mahu tunjuk taat setia mahu masuk Team A lagi. Tidak payahlah. Tidak payah. Mahu masuk Team A lagi tidak payah. Ini perkara UMNO saya tidak mahu masuk campur. Saya mahu teruskan.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat teruskan ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya teruskan, Oh ya!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penakut dan pengecut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia mahu masuk Team D nanti. "Donkey".

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Pengecut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, inilah kali yang pertama Parlimen menyaksikan Kabinet baru beraksi setelah rombakan semula diadakan selepas pertandingan antara Pasukan A dan Pasukan B dalam UMNO pada bulan April yang lalu. Dan kita dapat gambaran bahawa prestasi, taraf dan komitmen Kabinet baru telah menurun di Parlimen.

Saya berharap gambaran ini boleh dibuktikan salah dan saya cabar Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen membuktikan bahawa mutu, taraf atau prestasi mereka tidak menurun.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan dan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan merupakan strategi tahunan Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan di Malaysia. Tetapi apakah gunanya sekiranya Kerajaan hanya ingin untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada Parlimen tanpa memberi perhatian yang sama atau lebih terhadap pengwujudan syarat-syarat atau keadaan untuk menggalak dan mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan di negara kita. Krisis keyakinan yang melanda pucuk pimpinan Kerajaan dan negara semenjak tiga tahun yang lalu masih berterusan.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pemilihannya sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Penedaran Haram Dadah yang ditaja oleh Bangsa-bangsa Bersatu di Vienna baru-baru ini. Ini adalah satu penghormatan besar kepada Malaysia juga akan tetapi sekiranya sesiapa menganggap bahawa penghormatan ini telah menyelesaikan krisis keyakinan di negara, ia adalah salah sama sekali.

Dalam mesyuarat-mesyuarat Parlimen yang lalu, Ahli-ahli Parlimen UMNO telah mencabar ahli-ahli DAP apabila kita bercakap tentang krisis keyakinan.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Hashim bin Safin:** Boleh?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diiktiraf oleh lebih kurang 138 negara-negara di dunia, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan pihak mana yang masih belum yakin kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, berapa golongan yang belum yakin? Sila sebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita ucap tahniah.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tinggal DAPlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** DAP berani ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana dipilih sebagai Pengerusi Conference Dadah. Tetapi ini tidak bererti bahawa masalah dalam negara sudah selesai. Dalam UMNO, Yang Amat Berhormat baru menang dengan 43 undi (*Tepuk*) satu humiliation, satu penghinaan yang besar. Itu tidak boleh disembunyikan dengan kedudukan sebagai Pengerusi Conference Antarabangsa. Itulah benar, itulah hakikat yang tidak boleh lari daripadanya.

Saya ada kata, bahawa dalam mesyuarat lalu, kita ada dituduh bahawa perkataan "krisis keyakinan" adalah rekaan kita semata-mata. Saya tidak duga bahawa saya akan dicabar dengan seriusnya kali ini, kerana

thema mengenai krisis keyakinan dipinjam bulat-bulat untuk dijadikan tema kempen Kumpulan B dalam pemilihan Presiden dan Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO yang diadakan pada April lalu. Pinjam pun tidak capak "terima kasih", dengan izin, "imitation is the best form of flattery".

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia ada bangun, boleh beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** "Team C" atau "Team B" sekarang, capak!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** "A, B, C, Z" apa pun, apa peduli?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mesti terus terang. Kalau berani, capak bagi pihak Team B, boleh. Team A, B, C itu campur aduk.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Macam kartun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa, campur aduk, Ahli Parlimen rojak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Beri jalan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu tidak apa, capak bagi pihak Team B bolehlah bila-bila.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Team B. Apa ini, tidak ada pendirian, tidak ada prinsip, tidak. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Pengecut!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Pengecut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pengecut, lari sana, duduk belakang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Pengecut!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payahlah, masuk Team A.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Pengecut, coward, you pengecut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu budak-budak sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, ikan sudah habislah. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang berat bahu pemilihan UMNO dan khasnya kejayaan yang amat memalukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden UMNO dengan 43 undi sahaja tidak akan menunjukkan keadaan yang lebih sihat untuk pertumbuhan dan pembangunan kerana Pasukan A dalam UMNO akan menumpukan masa yang lebih dalam masa tiga tahun yang akan datang ini untuk membuktikan bahawa mereka adalah pemimpin-pemimpin UMNO yang lebih baik berbanding dengan Pasukan B dalam persediaan untuk menghadapi Perhimpunan Agung UMNO dan pertandingan pemilihan UMNO yang akan datang pada tahun 1990 daripada menjadi pemimpin-pemimpin bagi seluruh rakyat

Malaysia dan negara. Inilah sebabnya mengapa beberapa peristiwa yang berlaku selepas Perhimpunan Agung UMNO telah menjadikan, dengan izin, counter productive kepada usaha-usaha belanjawan untuk menggalakkan pertumbuhan. . . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti—nanti.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya cakap dulu, nanti saya beri masa—sabar. Itu perkataan Menteri-menteri selalu kata, "sabar". Duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri, Yang Berhormat. Duduk dulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu bahawa kita sangat ambil perhatian yang berat mengenai apa yang berlaku pada hari ini oleh kerana counter productive kepada usaha-usaha budget dan perbelanjaan tambahan untuk mengadakan pertumbuhan ekonomi atau untuk mengatasi krisis kepercayaan seperti ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menyeru mengadakan ratio 50:50 selepas 1990 dan untuk menyambungkan Dasar Ekonomi Baru.

Kata-kata mengenai ratio 50:50 ini patutlah dikutuk oleh kerana kalau perkataan-perkataan semacam ini oleh pemimpin-pemimpin yang tinggi yang

tidak bertanggungjawab dibenar diteruskan tentulah Malaysia tidak akan berjaya mewujudkan syarat-syarat politik, ekonomi dan sosial untuk membolehkan pertumbuhan pemulihan ekonomi dan pembangunan dan semua usaha-usaha budget dan usaha-usaha supplementary estimates akan gagal dalam objektif mereka sebagai alat pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional sudah menjadikan tahun 1990 satu tahun "national phobia", dengan izin, oleh kerana selepas 20 tahun rakyat Malaysia sangat bimbang dan takut mengenai kedatangan tahun 1990.

Dalam tahun 1970 apabila Kerajaan mengumumkan Dasar Ekonomi Baru dengan dasar-dasar peratusan dan kuota-kuota, rakyat diberitahu bahawa ini ialah untuk 20 tahun sahaja untuk tujuan matlamat perpaduan nasional dan rakyat adalah diberitahu bahawa mereka patutlah menerima ketidakadilan, ketidaksaksamaan baru ini supaya ketidakadilan dan ketidaksaksamaan lama boleh dibetulkan dan dibasmikan. Tetapi untuk 20 tahun sahaja dan apabila datang tahun 1990 satu order baru Malaysia akan didapati di mana ada keadilan, kesaksamaan, keharmonian, kebebasan dan demokrasi untuk semua rakyat jelata. Sebab itulah kenapa ucapan-ucapan mengenai menyambung Dasar Ekonomi Baru, ucapan-ucapan mengenai mahu ratio 50:50 adalah dianggap sebagai satu pepecahan amanah, satu "great breach of faith" oleh rakyat Malaysia. Dan tentulah akan memberi kesan yang buruk kepada usaha-usaha pembinaan negara dan sebab itu saya pun menyeru khasnya pemimpin-pemimpin UMNO lebih berwaspada, lebih bertanggungjawab, lebih restraint, dengan izin, dan memberi keutamaan kepada kepentingan

negara daripada kepentingan peribadi ataupun kepentingan individu dalam perkara NEP dan selepas tahun 1990. Saya harap bahawa Kerajaan boleh menerima nasihat bekas Perdana Menteri supaya mengeluarkan Kertas Putih mengenai NEP yang boleh menjadi satu alasan, satu basis untuk perbincangan negara mengenai Malaysia dalam tahun 1990 dan abad 21.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu masuk dengan mendalam mengadakan satu perbahasan dasar di sini tetapi untuk mengambil perhatian sahaja bahawa hubungan yang tidak boleh dipisahkan antara objektif-objektif budget untuk pertumbuhan pembangunan ekonomi dengan fungsi-fungsi, dasar-dasar dan dengan keputusan-keputusan Kerajaan di bidang-bidang yang lain, tidak boleh dipisahkan.

Sebagai contoh, apa gunanya membelanjakan berjuta-juta ringgit jadi tuan rumah PATA, mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan apabila tiap-tiap hari dalam TV Eropah, Amerika ada letupan-letupan bom-bom, arson, seperti apa yang berlaku di Sabah mengingati bahawa Malaysia suatu tempat yang tidak patut datang untuk pelancongan. Apa guna? Counter productive. Sebab itu adalah hubungan yang tidak boleh dipisahkan. Dan saya berharap perkara-perkara yang berlaku selepas pilihanraya besar pun banyak perkara yang tidak patut berlaku boleh dielakkan supaya kita boleh dengan satu tenaga, satu usaha, boleh menyatukan rakyat jelata dengan tujuan pembangunan negara.

Satu perkara apa yang kita baca dalam suratkhbar, Senate Universiti Malaya mengharamkan matapelajaran bukan dalam Bahasa Malaysia sebagai optional subject kepada mahasiswa-mahasiswi, kenapa tidak hirau, sensitiviti-sensitiviti semua bilang

kaum, semacam apa yang berlaku di Melaka mengenai doa atau bacaan ikrar dengan yang mengeneipkan sensitiviti-sensitiviti ibubapa-ibubapa dan agama-agama yang lain. Semuanya ada kesan yang tidak baik untuk tujuan membangunkan negara, bagi mengatasi kemiskinan.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad:**  
(Bangun).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad:**  
Point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.  
Right.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad:**  
36 (1).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sudah kata, kita tidak boleh pisahkan. Tidak boleh pisah masalah, tujuan Budget daripada bidang-bidang lain. Satu pun tidak pergi masuk dalam. . . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad:**  
Saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata, saya pergi tidak dalam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa yang dia kata? (Ketawa)—  
(Disampuk).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sebut contoh-contoh sahaja, saya tidak masuk dalam.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad:**  
Sebab telah keluar daripada tajuk yang sebenarnya memperkatakan tentang Universiti Malaya, tidak masuk di dalam perkara yang dibincangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh saya teruskan?

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad:** Tetapi tidak menyentuh tentang peruntukan yang kita bincangkan sekarang ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebagai satu contoh—sebagai contoh. Dan kita tidak boleh pisah daripada matlamat, tujuan membangunkan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat duduk sekejap. Saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada masalah-masalah am mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi saya beri contoh. Saya berkata saya tidak mahu masuk dalam dasar ini—dasar 3 hari pun tidak cukup untuk berbahaskan dasar-dasar yang lain. Sebagai contoh—saya menyeru Senate Universiti Malaya untuk menarik balik pengharaman itu dan tarik balik semua bacaan doa dan perkara, tarik balik arahan itu dan kita semua ingatlah apa yang diingatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dalam ucapannya baru-baru ini, dengan izin, “bahawa pendapat orang ramai mustahak, kalau diketepikan lama-kelamaan boleh menyebabkan penderitaan, boleh menyebabkan krisis, boleh menjatuhkan pemerintah, boleh menjatuhkan Kerajaan dan boleh menjatuhkan negara pun”.

Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita ada 4 set Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang berjumlah \$262 juta untuk meminta diluluskan. Mahu belanja tambahan lagi tetapi Kerajaan atau Perbendaharaan pun sebenarnya tidak menjimatkan wang untuk menjaga kepentingan kewangan negara oleh kerana membenarkan kerugian yang besar yang dialami oleh Kerajaan. Saya memberi satu contoh, dalam bulan Mac, 1987 Yang Berhormat Menteri Kewangan ada

memberi satu kelulusan kepada satu syarikat, Syarikat Roda Ashita Sdn Bhd beralamat—8 Jalan SS25/22, Petaling Jaya, pengecualian daripada duti cukai import supaya boleh mengimport 500 metrik tan limau daripada Port Klang dengan syarat bahawa import dibuat secara bulk-bin/kontena, dengan izin, loose form, tetapi mahu di pack di tempatan sebelum dipasarkan. Syarat-syarat ini tidak diikuti dan Syarikat Roda Ashita Sdn Bhd sudah mengimport 500 metrik tan oranges (limau) dalam 28 kontena dalam bulan Mei dan akibatnya negara kita mengalami kerugian duti yang kita patut boleh kutip lebih daripada \$300,000. Di sini kita mahu lebih banyak wang, tetapi di sana kerugian lebih \$300 juta ringgit.

Ada kesan yang tidak baik kepada penanam-penanam buah-buahan tempatan dan saya dapati bahawa sekarang syarikat ini meminta lagi kelulusan yang kedua untuk mengimport tanpa cukai 5,000 metrik tan—sekarang 10 kali ganda, dan kalau dibenarkan Perbendaharaan akan rugi lebih daripada \$3 juta. Apa alasannya datang ke sini untuk minta wang tetapi di sana rugi dan membenarkan kerugian berlaku. Saya harap bahawa satu siasatan yang terbuka boleh diadakan mengapa kelulusan diberi dan saya difahamkan bahawa syarikat ini adalah bersangkut-paut, ada hubungan dengan seorang pemimpin MCA yang tertinggi dan sama ada perkara semacam ini demi kepentingan negara. (*Tepuk*)—satu siasatan yang terbuka perlu diadakan sama ada salahguna kuasa, sama ada penggunaan perhubungan politik untuk kepentingan sendiri tanpa menghiraukan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak berjaya untuk meyakinkan Parlimen dan rakyat bahawa beliau sangat serius dalam cadangan Budgetnya. Dalam

Budget tahun lalu beliau ada membuat satu cadangan untuk menghapuskan skim pencen untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan yang kurang daripada 10 tahun dalam perkhidmatan mereka. Tetapi oleh kerana pemilihan dalam UMNO 2 hari sebelum itu Kabinet buat satu keputusan tarik balik keputusan itu dan benarkan. Tetapi apa sebab? Adakah oleh kerana merit CUEPACS baik, merit CUEPACS betul atau oleh kerana mahu dapat undi dalam UMNO sahaja.

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat. Ya! ada apa?

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta jalan.

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, baik.

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Ada dua perkara yang perlu penjelasan daripada Ketua Pembangkang. Pertama, cakap Ketua Pembangkang sudah kelam-kabut sekejap \$300 ribu, sekejap \$300 juta, satu. Yang kedua, tadi Yang Berhormat ada menyatakan supaya kita mendengar public opinion, dengan izin, kemudian bila timbul isu Budget sudah contradictory ucapannya. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak contradictory. Beliau contradictory sendiri sahaja. Saya kata import 5,000 metrik tan, negara rugi lebih daripada \$300 ribu, sekarang permohonan yang kedua untuk mengimport 5,000 metrik tan negara akan kerugian lebih

daripada \$3 juta. Mana silap? (*Tepuk*)

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Bukannya saya tidur, sebenarnya Ketua Pembangkang yang tidur, tidak faham cakap saya. Saya kata. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rasa tidak bererti ini, boleh saya teruskan? Saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh beri?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya terus, tidak boleh bagi jalan. Tidak faham dan tidak mahu faham. Tidak boleh.

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Penjelasan di atas saranan saya yang. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payahlah, nanti boleh ucapah. . . .

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Sekejap \$300 juta, sekejap \$300,000. Sahih. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sudah kata. . . .

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Itu pun sudah kelam kabut. Yang kedua bersabit dengan Budget. Kalau tidak faham saya hendak repeat sekali lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan tidak faham, saya belum habis cakap.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada yang bangun pula. Ya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti saya habis ini dulu. Queue up first. Nanti, sabar, sabar. Saya habiskan ini

dahulu. Sabar, sabar. Saya belum habiskan penjelasan yang pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Okay Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang mahu penjelasan yang kedua. Nanti, queue up.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, nanti, belum lagi.

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Penjelasan. Tidak faham saya boleh ulang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat. Bagi dia menjelaskan apa Yang Berhormat kata tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang kedua, yang sudah saya terangkan mengenai angka \$300 ribu dan \$3 juta. Saya rasa sangat jelas. Kalau tidak boleh faham, balik sekolah belajar arithmetic lagi. *(Tepuk)*

**Tuan Nasruddin Haji Alang Saidin:** Saya belum lagi jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang kedua mengenai Budget. Apa ada conflict. Mana ada conflict. Saya sudah kata mengenai pencen. Apabila seorang Menteri datang dengan Budget, dengan cadangan tentulah satu cadangan yang serius. Ada kajian yang dibuat oleh beberapa jawatankuasa-jawatankuasa yang tertinggi baharulah bawa cadangan mahu hapuskan pencen, abolished pencen kepada Dewan yang mulia ini. Dan apabila CUEPACS tentang, tentulah CUEPACS ada sebab-sebab yang baik, tetapi kenapa dua hari sebelum election UMNO baharulah Kabinet bermesyuarat untuk buat keputusan tarik balik pencen. Ini tentulah bukan oleh kerana Kabinet menerima merit, hujjah-hujjah CUEPACS tetapi takut

kalah. Team "A" takut kalah. Sebab itu tukar. *(Tepuk)*

Kalau Kabinet benar-benar menerima merit hujjah-hujjah CUEPACS itu lain hal, tetapi dalam perkara ini bukan CUEPACS tetapi, dengan izin, Tengku Razaleigh, Musa Hitam, itulah sebab, bukan CUEPACS. *(Tepuk)*

Point saya ialah bukan tarik balik tidak patut atau tidak bijak tetapi cara keputusan dibuat dalam Parlimen. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis perkara ini.

**Tuan Hashim bin Safin:** Kalau hendak habis, sampai bila hendak habis itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang mustahak ialah cara satu keputusan Budget yang dibuat, cara dikemukakan, cara ditarik balik, bukan main-main oleh kerana ditekan oleh Team "B"—gugur, tetapi apabila. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** *(Bangun)*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat hendak penjasankah?

**Tuan Hashim bin Safin:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, saya mahu habiskan tajuk ini dahulu.

**Tuan Hashim bin Safin:** Balik ke rumah sahajalah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya hendak habiskan tajuk ini oleh kerana dia mahu kacau sahaja! *(Ketawa)*

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang** Itulah point saya. Saya habiskan tajuk pencen ini, selepas itu saya akan beri priority kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas tajuk pencen, dan itulah yang mustahak. Apabila Yang Berhormat Menteri . . . . .

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti dia habiskan dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan datang ke Dewan dengan cadangan kalau mahu tarik balik dengan alasan yang baik, bukan oleh kerana election. Mungkin kalau tidak ditarik balik, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun gugurlah, 43 undi pun tidak dapat, Team "A" semua habis. Sekarang sini pergi ke sana dan sana datang di sini (*Tepuk*). Mungkin itulah mustahak, tukar itu bench, tetapi itu bukan cara untuk memerintah satu Kerajaan yang bertanggungjawab (*Tepuk*). Dan sekurang-kurangnya kita mahu ingat keputusan untuk abolish pencen dibuat oleh siapa? Ianya dibuat oleh Parlimen, Dewan yang mulia ini, dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan dibuat oleh Dewan yang mulia ini dan sekurang-kurangnya untuk memberi penghormatan kepada Dewan apabila Dewan bersidang, datang ke Dewan memberi satu kenyataan kepada Dewan kenapa sudah bercanggah dengan keputusan Dewan yang mulia ini (*Tepuk*). Itu cara yang patut dijalankan, cara yang patut diikuti tetapi Team "A", "B", "C" tidak mahu tahun, mahu tunjuk mereka taat setia kepada Team "A" sekarang sahaja. Saya habis tajuk pencen, beri jalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Ketua Pembangkang berkenaan dengan tajuk limau. Tadi Ketua Pembangkang mengatakan, bahawa beliau tidak setuju dengan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan membatalkan import duti ke atas limau-limau yang diimport dari luar negeri. Adakah ini benar?

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk satu syarikat, bukan untuk semua. Kalau untuk semua, saya setuju (*Tepuk*). Sekarang untuk satu syarikat ini bererti memberi lesen kepada satu syarikat untuk buat wang, money-making licence sahaja! Kenapa?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Sedikit sahaja penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Ketua Pembangkang mengatakan bahawa beliau tidak setuju yang Kerajaan di sini kita hendak potong pendapatan dan di sini kita hendak potong perbelanjaan, mengatakan bahawa beliau tidak setuju yang Kerajaan memotong cukai \$300,000 ataupun kalau digandakan 10 kali ganda cukai sebanyak \$3 juta, bermakna beliau tidak setuju bahawa Kerajaan memotong cukai import ke atas limau sebanyak \$300,000 ataupun \$3 juta. Jadi yang mana ini? Pengimport itu yang tidak disetujui ataupun penurunan cukai import ke atas limau yang tidak disetujui?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rasa sangat malang Yang Berhormat Timbalan Menteri setelah sudah pun jadi Timbalan Menteri tidak boleh nampak masalah yang pokok (*Tepuk*). Masalah yang pokok ialah bagaimana boleh memberikan pengecualian import duti kepada sebuah syarikat sahaja dan syarat-syarat untuk packing dalam tempat pun tidak diikuti. Adakah ini menunjukkan ada nepotisme, ada salahguna kuasa, ada

korupsi, ada rasuah? Kita mahu siasat, ada rela siasat? Kalau ada satu pengecualian import duty untuk limau seluruh kita sokong, tetapi sekarang untuk satu syarikat mungkin ada bersangkutan-paut dengan UMNO, dengan MCA, kenapa? Itu patut Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau ada idealisme, ada prinsip—sokong, tetapi sekarang dia sudah pecah tembelang. (*Tepuk*). Mahu lagi? (*Ketawa*) Saya boleh beri jalan lagi!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, ada lagi.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma tanya tadi beliau mengatakan bahawa Kerajaan cuba menjimatkan perbelanjaan dan menambahkan pendapatan tetapi mengurangkan pendapatan berkenaan dengan \$300,000; itu yang saya bangkitkan. Saya tidak sentuh berkenaan dengan soal seorang yang mengimport ataupun ramai yang mengimport tetapi Ketua Pembangkang tadi menyelar Menteri Kewangan kerana menurunkan ataupun membatalkan import duti ke atas limau. Saya ingat itu tadi, tetapi sekarang perkara yang telah saya bangkitkan ini telah diputarbelitkan oleh Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Setelah saya menjelaskan, sekarang ada setujukah, ada berani berdiri kata, setuju dengan apa saya katakan dan akan bawa kepada Kabinet, ada beranikah? Tidak berani! Saya teruskan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia bangun lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu bawa ke Kabinet, ke Kerajaan supaya siasat syarikat ini.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita beri kepada satu pengimport ataupun 2 pengimport, saya tidak sedar tetapi ini juga tidak bermakna bahawa ada penyelewengan kalau hanya diberikan kepada seorang pengimport. Ini terpulang kepada Ketua Pembangkang sebagai Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu ada OSA supaya saya tidak boleh siasat, tidak boleh dapat bukti. Itulah "trap" kita sudah tahu!

Tuan Yang di-Pertua, dengan serius tentang Budget Tambahan, dalam tahun lalu ada satu cadangan lagi untuk hapuskan pencen yang kedua, ketiga dan multiple pension tetapi oleh kerana ada tentangan dalam UMNO dan lain-lain tempat, nampaknya Kerajaan tidak begitu confident dan hesitant mengenai keputusan ini tetapi kalau saya tidak silap mesyuarat Kabinet pada hari Rabu, dua hari dahulu, ada membuat satu keputusan yang mutlak ialah untuk hapuskan pencen yang kedua. Kenapa sekarang baru buat satu keputusan yang final? Adakah oleh kerana pemimpin-pemimpin Team "B" dalam UMNO, banyak orang ada pencen kedua, pencen ketiga dan mahu mereka tidak begitu senang. (*Tepuk*) Apa cara Kerajaan dengan sukarela sahaja mahu menganiayai sepuak sahaja.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada Menteri di sana dan buat keterangan atau penjelasan adakah benar bahawa dalam mesyuarat hari Rabu Kabinet buat keputusan yang final, "all right, finish off second pension, impose 100% tax." Adakah benar?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan beri jalan kepada Yang Berhormat Menteri. Itu perkara Kabinet, dia tidak tahu, mana dia tahu! Kalau Menteri, boleh; bukan Menteri saya tidak beri jalan.

**Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Bolehkah dia jumpa saya sekejap lagi. *(Ketawa)*

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh. Okay, saya akan teruskan.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** *(Bangun)*

**Tuan Hashim bin Safin:** *(Bangun)*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan teruskan, dia boleh capak nanti.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Sedikit sahaja penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi arithmetic pun salah, tidak payahlah! *(Ketawa)*

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Sedikit sahaja. Kalau gentleman . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** 500 metrik tan; 5,000 metrik tan pun tidak boleh beza.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Sedikit sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payahlah. Nantilah, saya akan teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jangan ganggu, ya!

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Saya bukan mengganggu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak payahlah. Masuk ke Team "B"—pergi ke Team "B", beri penjelasan. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Saya mahu jawab . . . . *(Disampuk)*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada lihat bahawa ada satu kecenderungan, satu tendency di mana sikap Kerajaan tidak . . . *(diganggu)* . . . Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat kecenderungan Kerajaan yang kian bertambah ini untuk melayan Parlimen dengan penuh hina, untuk menganggap Parlimen sebagai satu "irritating formality" tanpa mempunyai peranan sebenarnya sendiri. Umpamanya saya ada soalkan mengapakah Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak menerangkan kepada Parlimen keputusan Kerajaan untuk menggugurkan keputusan Belanjawan untuk memansuhkan skim pencen bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun?

Ini ialah satu keputusan yang dibuat oleh Parlimen selepas perbahasan Belanjawan selama 2 bulan dan Parlimen sekurang-kurangnya mengharapkan bahawa ia dimaklumkan mengenai sebab-sebab mengapa keputusannya digugurkan. Apakah faktor-faktor kosnya dari segi jangka pendek, sederhana dan panjang dalam menggugurkan keputusan Belanjawan untuk memansuhkan skim pencen. Malah, Parlimen sebenarnya harus menggunakan haknya untuk mengawal pihak Eksekutif dan

menafikan mana-mana permintaan untuk mendapat kelulusan bagi perbelanjaan-perbelanjaan tambahan sehingga Menteri-menteri datang ke Dewan ini dan menerangkan mengapa Kerajaan telah menarik balik keputusan-keputusan Belanjawan yang diambil oleh Parlimen. Menteri-menteri dalam Dewan ini bukannya tuan, accountable kepada Parlimen. Di sini back-benches menganggap Menteri-menteri sebagai tuan, their masters. Bukan, mereka bertanggungjawab kepada kita dalam Dewan yang mulia ini. *(Tepuk)*

Malah, saya ingin mencadangkan dengan lanjut bahawa pada masa-masa akan datang ini Dewan yang mulia ini hendaklah menolak mana-mana Rang Undang-undang Kewangan baru, sekiranya Kerajaan gagal secara dahsyat menunaikan tanggungjawab kepada rakyat atau gagal memberi kepada Parlimen satu pengakaunan yang penuh dan memuaskan ke atas berbagai-bagai dasar-dasar, langkah-langkah dan tindakan-tindakan. Dewan Rakyat yang mulia ini hendaklah serta-merta menggunakan semula kuasa-kuasa dan memberi makna kepada prinsip kawalan Parlimen ke atas Eksekutif dan permulaan tersebut hendaklah bermula dengan keempat-empat set Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini untuk mana Kerajaan telah meminta Parlimen meluluskannya. Atas sebab-sebab inilah saya menggesa Parlimen, saya menggesa Ahli-ahli Parlimen Team "A", Team "B", Team "C", MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain menolak keempat-empat set Perbelanjaan Tambahan ini yang diminta oleh Kerajaan untuk diluluskan sehingga Kerajaan mengeluarkan satu formula yang memuaskan untuk mengkotakan janji yang dibuatnya dalam Pilihanraya Gopeng mengenai pemulangan penuh secara tunai berasaskan seringgit untuk seringgit kepada 588,000 para pendeposit-pendeposit koperatif

*(Tepuk)* selewat-lewatnya pada bulan Mac 1989.

Apabila saya menanyakan Yang Berhormat Menteri dalam hal yang pertama mengenai isu koperatif hanya apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan Senator Farid ialah para pendeposit supaya bersabar. Presiden MCA, Menteri-menteri MCA dan lain-lain pemimpin-pemimpin Barisan juga telah memberitahu para pendeposit supaya bersabar. Mereka telah pun bersabar setahun ini. Saya mahu berkata di sini bahawa had kesabaran mereka adalah berbatasan. There is a limit to their patience, dengan izin, dan kesabaran mereka dekat breaking point. Saya tidak menyalahkan para pendeposit kerana mereka telah menjadi mangsa skandal kewangan koperatif sebanyak \$1.5 billion. Yang merupakan pakatan tidak suci atau, dengan izin, the unholy trinity yang menyebabkan skandal koperatif ialah Kerajaan Barisan Nasional. Itu yang pertama. Yang kedua, pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan dan ketiga ular koperatif. *(Tepuk)*

Menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan itu, kali pertama Jemaah Menteri bermesyuarat mengenai isu koperatif ialah pada 9hb April 1986. Mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk melindungi pendeposit-pendeposit tersebut untuk selama 4 bulan. Adalah jelas bahawa Jemaah Menteri, Kementerian Kewangan, Bank Negara lalai dengan tidak mengambil tindakan yang terlebih dahulu untuk melindungi kepentingan para pendeposit koperatif kerana takut tindakan sedemikian akan menjejaskan peluang MCA dan Gerakan dalam pilihanraya umum. Kepentingan 588,000 dan para pendeposit telah dikorbankan oleh Kerajaan kepada kepentingan politik MCA dan Gerakan dan atas sebab ini sahaja Kerajaan tidak boleh lari

daripada tanggungjawab untuk memastikan bahawa para pendeposit tidak akan mengalami kerugian sesen pun akibat skandal tersebut.

Baru-baru ini MCA telah berjanji bahawa rancangan Kerajaan untuk menyelamatkan para pendeposit akan diumumkan sebelum 28hb Jun tetapi ini juga telah terbukti sebagai satu lagi janji kosong. Hari ini kita dengar bahawa Bank Negara pada pukul 4.00 petang akan mengeluarkan satu kenyataan yang mengandungi formula menyelamatkan para pendeposit-pendeposit tetapi sampai sekarang belum dikeluarkan, kenapa begitu lewat. Kenapa tidak dikeluarkan satu formula? Di sini saya mahu bagi pihak DAP kata bahawa formula ini mesti mengkotakan janji Barisan Nasional, janji MCA. Janji Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kecil Gopeng ialah satu ringgit untuk satu ringgit, 100% tunai (*Tepuk*) dan bukan 50%-50%. Formula 25%-25% pada tahun lalu telah ditukar ke 50:50 sebab ia ditolak oleh pendeposit-pendeposit. Mesti 100% cash return, dollar-for-dollar, bukan 50% cash dan 50% kertas dengan interest yang berpatutan dalam masa di mana mereka tidak boleh dapat balik kewangan mereka. Kalau tidak, DAP akan tentang dan tidak boleh terima formula ini. (*Tepuk*) Kalau tidak ada satu formula yang baik, kita tolak Money Bill, empat-empat ini dan lain-lain oleh kerana ini lebih mustahak..

Kerajaan meminta \$263 juta dalam empat set Anggaran ini. Ini boleh tunggu bukannya mustahak, bukan segera. Apa yang segera, apa yang tidak boleh tunggu ialah tuntutan 588,000 pendeposit-pendeposit untuk keadilan, (*Tepuk*) wang seringgit untuk seringgit itu tidak boleh tunggu lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyatakan bahawa \$263 juta ini tidak penting, tetapi yang penting kononnya ialah 500,000 pendeposit-pendeposit. Tetapi sebenarnya yang mengalami masalah ialah lebih kurang 200,000 orang tetapi yang terlibat dalam deposit itu ialah kesalahan dan kesilapan sendiri. Jadi, DAP tidak perlu cuba hendak menanggung di air yang keruh, cuba hendak jadi juara sebab tindak-tanduk Yang Berhormat Ketua Pembangkang akan menghampakan KPD ini yang cuba hendak diselesaikan oleh Kerajaan. Ini yang sepatutnya Yang Berhormat Ketua Pembangkang harus bertanggungjawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Hal ini tidak boleh membantu dia masuk team "A" daripada team "B". (*Ketawa*) Ini bukan kesalahan pendeposit-pendeposit. Apakah salah mereka? Mereka mengikuti cara yang sah. Koperatif ini dibuka oleh siapa—Menteri-menteri dan Timbalan Menteri. Mereka percaya kepada MCA dan Gerakan dan mereka percaya tentulah apabila Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri membuka cawangan kewangan koperatif, apa yang mereka cakap untuk menggalakkan orang ramai menaruh deposit dalam cawangan-cawangan, inilah bagi pihak Kerajaan. Mana prinsip collective responsibility? sekarang mahu lari, tidak boleh. Ini semua dilakukan bagi pihak Kerajaan dan kalau ada orang yang salah, ianya bukan pendeposit-pendeposit yang menjadi mangsa.

Kalau ada orang yang salah, mereka ialah pemimpin-pemimpin MCA, pemimpin-pemimpin Gerakan termasuk pemimpin-pemimpin UMNO yang cuai membenarkan perkara ini diteruskan tanpa kawalan. Ada "ular" koperatif dalam Barisan Nasional, banyak ular, mahu tangkap mereka dahulu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Apa yang dimaksudkan "Ular" itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ular koperatif ialah mereka yang menggunakan kedudukan mereka dalam Kerajaan, dalam Barisan Nasional untuk menipu rakyat, taruh wang mereka dalam koperatif dan sekarang mereka menjadi mangsanya. Itu ular. Inilah ular koperatif yang boleh besar . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau itu definasi . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, seorang, seorang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Biadab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ketua Pembangkang lebih daripada biadap—kurang ajar. . . . (*Disampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu Team A pun tak ada, Team B pun habis.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Apa A.B; A.B. Kita ada prinsip.

**Tuan Lim Kit Siang:** Zlah. Z, Z, Z (*Disampuk*) Sudah diZ.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** You gossip!

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya teruskan. Saya tak mahu membuang masa kepada dia (*Disampuk*). Team A pun tak mahu buang masa, Team B pun tak mahu buang masa. Saya pun tak mahu buang masa.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan Kerajaan untuk mendapat \$263 juta bagi perbelanjaan tambahan bagi tahun 1986 dan 1987 boleh tunggu, tetapi tuntutan para pendeposit 580,000 orang koperatif untuk mendapat keadilan "fair play" dan pemulangan penuh secara tunai tidak boleh dilewat-lewatkan lagi kecuali Kerajaan mengeluarkan satu rancangan untuk menyelesaikan isu koperatif ini yang juga akan mengkotakan janji yang diberikan oleh MCA dalam pilihanraya kecil Gopeng bahawa pemulangan tunai 100% berasaskan \$1 untuk \$1 termasuk faedah yang munasabah akan diberi, maka DAP menyeru semua Ahli Parlimen jangan meluluskan semua Rang Undang-undang Kewangan atau Money Bills dan lain-lain permintaan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kejujuran, kewibawaan dan keikhlasan hendaklah ditegaskan dalam Kerajaan, kalau tidak negara akan mengalami kerugian, begitu banyak wang menerusi rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah. Inilah sebabnya mengapa pada hari semalam saya telah membantah pemberian cuti secara otomatis . . . .

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, Yang Berhormat. Ini yang di depan. Penjelasan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Ya, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh bagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang menyebut tentang perlunya keikhlasan. Saya bertanya di sini, alangkah lebih wajar, munasabah, bahkan adil kalau sekiranya masalah koperasi ini ditanggung bersama, bukan sahaja oleh Kerajaan ataupun pengurusan, bahkan mereka yang menyimpan deposit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lebih adil, lebih betul bahawa penderitaan atau masalah koperatif ditanggung oleh mereka yang bertanggungjawab.

Tadi saya kata mereka yang bertanggungjawab ialah trinity—"trinity of evils". Satu, Kerajaan oleh kerana melalaikan. Lima tahun KPD tahu ada masalah, polis tahu ada masalah, Kementerian Kewangan tahu ada masalah, tidak ambil, tidak campur tangan, itu tak boleh lari daripada tanggungjawab.

Kedua, pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan yang pergi ke seluruh negara menggalakkan orang taruh deposit wang dalam sana tanpa kawalan, dan ketiga, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai koperatif yang salahguna dan memecah amanah seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri—sekarang di mahkamah, MCA Youth, dahulu Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Kee Yong Wee dan semuanya sekarang di mahkamah. Semua mahu tanggung dan boleh satu

undang-undang, kita akan sokong bahawa beku asset mereka, confiscate asset mereka, boleh membantu Kerajaan bayarkan balik pendeposit-pendeposit. Adakah Yang Berhormat akan kemukakan Rang Undang-undang seperti ini, confiscate harta benda semua orang seperti ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, inilah tadi saya kata betapa mustahaknya ada kejujuran, kewibawaan dan keikhlasan dalam Kerajaan. Inilah sebabnya mengapa pada hari semalam saya telah membantah pemberian cuti secara otomatis kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli dari Lipis yang menghadapi tuduhan pecah amanah berkait dengan jenayah-jenayah koperasi yang berlaku dalam KOMUDA. Ini akan memburukkan lagi imej Parlimen.

Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada dalam negeri dan ada ambil bahagian dalam pilihanraya Kecil Gopeng. Kenapa beliau harus mengambil cuti semata-mata kerana ia menghadapi tuduhan pecah amanah secara jenayah. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian daripada Melaka, Naib Presiden MCA juga mahu ikut contoh dan memohon untuk mengambil cuti daripada Parlimen untuk membolehkannya membantu dalam membela Syarikat Mak, Kok & Din terhadap saman oleh Ka Wah Bank oleh kerana masa itu beliau seorang partner. Adakah beliau perlu meminta cuti. Saya rasa perkara itu mustahak, prestasi dan komitmen. Kalau kita mahu sebenarnya patutlah Yang Berhormat Timbalan Menteri resign, bukan minta cuti (*Tepuk*). Semua ini adalah relevant dan kecuali jawapan yang memuaskan diberi. Parlimen tidak harus meluluskan permintaan Kerajaan bagi apa-apa Rang Undang-undang Kewangan. Sebab itu tanpa satu formula yang kita boleh menerima, tanpa satu

penjelasan yang kita boleh menerima, kita akan menolak: dalam sejarah Malaysia menolak empat set Supplementary Estimates di sini dan orang yang berperinsip dalam Team A, Team B, MCA, Gerakan kita seru ikut, kalau tak mahu ikut, tak ada prinsip, tak mengapa pun. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.56 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun bagi membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan 1987. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan sehubungan dengan itu ingin mengambil kesempatan untuk memberi beberapa pandangan.

Pertama, Rang Undang-undang ini telah memohon supaya sejumlah wang bagi tujuan Maksud B.27—Kementerian Luar Negeri sebanyak \$2 juta dan juga bagi Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri sebanyak \$50 juta dan B.51 bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebanyak \$3,940,100.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin memusatkan pandangan saya iaitu mengenai dengan peranan ICU iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri merupakan satu Jabatan yang terpenting dalam mengendalikan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara, lebih-lebih lagi dalam usaha Kerajaan kita bagi membasmi kemiskinan dan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi rakyat di negara kita ini.

Sepanjang pengalaman yang telah kita sama lalui, walaupun berbagai usaha telah dijalankan di mana peranan ICU ini sebagai salah satu agensi pengawasan dan pelaksanaan kepada projek-projek pembangunan, kita dapati sudah sampai masanya peranan ICU ini dikaji semula dari segi kekesan dan efisiensinya terhadap peranan yang dipertanggungjawabkan.

Saya menyebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ingin mencadangkan supaya ICU ini juga disatukan di bawah satu bumbung bersama Unit Perancang Ekonomi, supaya perancangan dan pelaksanaan itu dapat diselaraskan supaya ianya tidak timbul masalah-masalah di mana kita lihat pernah berlaku selama ini.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kadang-kadang apa yang dirancangan oleh Unit Perancang Ekonomi atau pelaksanaan oleh ICU, tetapi ada ketika-ketiknya projek yang sudah sepatutnya akan dijalankan terpaksa ditangguhkan. Di sinilah wujudnya perbezaan di mana di peringkat ICU sendiri kadang-kadang melaksanakan sesuatu program, rancangan ataupun pelaksanaan projek tidak mempunyai dari segi pilihan alternatifnya.

Sebagai contoh, bagi sesuatu projek itu hendak dijalankan ianya tidak ada pilihan kedua dan pilihan ketiga. Maka sebab itulah ada waktunya apabila pilihan pertama gagal, maka terus tidak ada pilihan lagi. Sebagai contoh Skim Khidmat Siswazah bagi menampung keperluan siswazah-siswazah yang menganggur. Begitu juga pengalaman yang kita lihat satu ketika dahulu di mana ICU bercadang untuk melaksanakan projek di bawah program AIS di mana kita dapati projek-projek ketenteraan yang dicadangkan dijalankan secara turnkey, seperti Gong Kedak di

Kelantan, kem-kem tentera terpaksa dibatalkan konon atas alasan masalah kemelesetan ekonomi. Tetapi mahu tidak mahu kita harus terima hakikat bahawa ianya ada kena-mengena dan kait-mengait di antara pelaksanaan projek di bawah ICU dan juga penyelarasan perancangan ekonomi di bawah Unit Perancang Ekonomi itu sendiri.

Maka sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kedudukan Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Penyelarasan Pelaksanaan disatukan dan ianya diberi kuasa yang lebih luas bagi mengawal agensi-agensi di bawah Kementerian-kementerian lain, sebab kita dapati kita mempunyai banyak agensi-agensi, lebih daripada mencukupi kalau kita lihat dari segi jumlah agensi-agensi yang ada di Kementerian-kementerian. Sebut apa sahaja agensi, semuanya ada di bawah tiap-tiap Kementerian, bukan sahaja peringkat 2, 3, 4 agensi, malah berbelas-belas agensi yang bertanggungjawab secara langsung untuk pembangunan negara, tetapi masalah penyelarasan di kalangan agensi-agensi ini bukan satu perkara baru yang dibangkitkan. Saya menyemak *Hansard* daripada Parlimen ataupun Dewan yang mulia ini di sidang-sidang yang lalu, masalah-masalah penyelarasan ini sering diungkit, sering diutarakan dan sering disarankan supaya penyelarasan di kalangan agensi-agensi ini dapat disempurnakan supaya ianya dapat berjalan dengan lebih lancar dan kekesan untuk membangunkan pembangunan rakyat, khususnya di luar bandar. Tetapi oleh kerana mungkin dari segi kedudukan agensi-agensi itu sendiri, dari segi peraturan-peraturannya, ianya timbul masalah dari segi pengawasan oleh Unit Perancang Ekonomi sendiri. Maka sebab itulah saya menggesa supaya pihak Kerajaan menimbang supaya kedudukan agensi-agensi dan peranan

ICU dan EPU ini dikaji kembali supaya ianya lebih berkesan.

Selain daripada itu ialah peranan ICU dari segi pengawasan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada pihak Kerajaan, dalam kita ghairah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru siapakah sebenarnya mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini? Kita mempunyai unit-unit penyertaan bumiputera di bawah Kementerian-kementerian tertentu, di bawah Jabatan-jabatan tertentu, tetapi soalnya agensi manakah yang benar-benar bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kerana tanpa pengawasan yang tegas. Jika didapati ada di tempat-tempat tertentu dalam waktu kita melaksanakan program ataupun projek, ianya bukan sahaja bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru tetapi agensi manakah yang bertanggungjawab bagi menentukan sebelum perkara itu terlanjur, maka ianya diambil tindakan supaya ianya selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hakikat inilah yang saya kira penting perlu diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan kerana tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mungkin tidak mempunyai masa yang banyak lagi. Dalam pada itu, banyak pihak terutamanya oleh pihak-pihak Pembangkang sudah mula menimbulkan kecurigaan apabila Kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin Kerajaan mula bercakap, sama ada Dasar Ekonomi Baru ini perlu disambung supaya ianya bukan soal tahun yang kita pentingkan, tetapi ialah penyusunan semula masyarakat, iaitu matlamat dalam Dasar Ekonomi Baru itu harus diutamakan, malah ada cadangan supaya Dasar Ekonomi Baru itu dinaikkan ke taraf 50-50 dan ada pihak yang tidak bersetuju, lebih-lebih lagi daripada pihak

Pembangkok. Pihak mereka ini tidak sedar bahawa Kerajaan yang dipilih hari ini adalah Kerajaan yang mendapat mandat daripada rakyat. Kemenangan di Gopeng, kemenangan di Bukit Tuku sekali lagi membuktikan bahawa . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Apa Yang Berhormat, penjelasan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta jalan, boleh beri?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Pasir Mas ini sengaja hendak meluahkan perasaan sahaja dengan perkataan-perkataan yang bukan-bukan. Adakah dia sedar bahawa walaupun kemenangan Barisan Nasional dilaung-laungkan, hanya mendapat 55% undi sahaja, ada bakinya 45% itu daripada Pembangkang. Jadi itulah satu hakikat yang dia tidak mengambil kira.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Kepong sedar demokrasi ini tidak kira 55 atau 45, asalkan satu undikah siapa yang menang, dialah yang berjaya. Ini kalau tak faham, balik belajar; kalau tak erti, masuk sekolah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia beri jalan lagi, sungguh baik. Sebab itulah kita menghadapi soalan Team A dan Team B sekarang ini. Jadi siapa yang menyertai Team B sekarang jatuh semua di dalam Kabinet dan sebagainya, di situ satu pun tak nampak langsung. Itulah yang dia mahu.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Memang hidup DAP ini cuba hendak mencari isu-isu ataupun perkara-perkara yang

remeh-temeh, tetapi DAP tidak tahu keistimewaan UMNO, DAP tidak tahu keistimewaan bangsa Melayu berpolitik, jauh bezanya dengan perangai orang-orang DAP. Sebab itu saya mencadangkan, menyarankan kepada pihak DAP, ahli-ahli DAP supaya belajar daripada UMNO, belajar daripada pemimpin-pemimpin UMNO orang-orang Melayu. Sebab itu kita tahu di mana langit dijunjung, di situ bumi dipijak. Kalau tak setuju, boleh tinggal, bukan Dewan yang mulia ini sahaja, negeri ini pun boleh tinggal, macam mana?

**Dr Eng Seng Chai:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Saya hendak minta dia ajar saya menyertai Team B dan dapat kalah dilucutkan jadi Pengerusi LKIM jugakah, begitu? Saya hendak belajar sama dia. Jika itu cara-cara Team A, B, UMNO, ingat pihak Pembangkang lebih baik jangan belajar daripada UMNO.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Bagi kita dalam UMNO, jawatan, pangkat tidak penting. Memang dalam kita berpolitik, dalam politik UMNO bagi DAP, A, B, dan sebagainya membawa dalam Dewan yang mulia ini dan cuba hendak dieksploitasikan. Tetapi cuba lihat mana ada masalah yang dibangkitkan oleh DAP ini? Jadi pihak DAP cuba hendak membangkitkan isu ini sebagai satu modal untuk hendak mempengaruhi bukan sahaja dalam Dewan yang mulia ini, tetapi hendak dijadikan isu. Saya nasihatkan ianya tidak memberi kesan apa-apa selain daripada membuang masa pihak DAP sendiri. Okay, apa hendak?

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Okay.

**Dr Eng Seng Chai:** Yang Berhormat kata tidak ada masalah, tetapi selepas pengundian 24hb April, kita nampak hari ini ada pertukaran banyak kerusi dalam Dewan yang mulia ini dan ada

yang dahulu duduk depan sini sudah hilang hari ini dan dahulu Yang Berhormat dari Pasir Mas duduk sana, tetapi sekarang Yang Berhormat dari Pasir Mas duduk sini. Inilah masalah-masalah UMNO. Jika dia tak faham, saya ingat ini dia mementingkan dia sendiri, dia cuba-cuba hari ini hendak masuk Team A, Tetapi cuba lagilah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan pihak DAP, ini bezanya orang UMNO, jawatan dia pun bergilir-gilir, tahu tak? (*Tepuk*), bukan macam DAP. Kalau Ketua Pembangkang seumur hidup dia hendak pegang (*Tepuk*). Bertanding pilihanraya pun lari ke hulu, ke hilir, takut kalah (*Ketawa*). Pusaka beri kepada anak. Malu, cermin mukalah (*Ketawa*). Apa lagi hendak? (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia “bengkeng” benar (*Ketawa*). Dengan kebengkengan ini memang dia itu tidak siuman lagilah. Adakah dia tahu banyak di dalam Barisan Nasional, termasuk pemimpin MCA itu . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat nanti, apa ini?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** “Bengkeng” atau “bengkeng”? Tak faham “bengkeng” apa dia?

**Dr Tan Seng Giaw:** Bengkeng!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Apa dia itu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Daripada Kelantan “bengkeng” dia tahulah, dia berasal daripada Pasir Mas itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kami hendak faham semua percakapan ini, bukan dia bercakap bahasa Kelantan sahaja. Apa dia “bengkeng”? (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dari Arau itu dapat pergi ke negeri Kelantan untuk mempelajari bahasa yang betul.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir semua Ahli Yang Berhormat di sini hendak faham apa yang dicakapkan. Kalau tidak faham bagaimana? Saya harap Yang Berhormat tolong terjemahkan apa dia “bengkeng”.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jelaskan bagi pihak Yang Berhormat dari Kepong mengenai perkataan “bengkeng” ini. Boleh atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Hendak jawab atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** “Bengkeng” ini maknanya bahasa “tokpek” Kelantan tahu tak, sebab Yang Berhormat Kepong ini tokpek Kelantan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dia ini tidak siuman lagilah menggunakan perkataan yang bukan-bukan sengaja hendak menaikkan perasaan perkauman sahaja. Baiklah dia balik ke Kota Bharu atau Pasir Mas.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (4), dia menggunakan perkataan “tidak siuman” itu, saya rasa bahasa biadap. 36 (4)—Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli bagi menggunakan bahasa biadap. “Tidak siuman” itu maknanya gila. Saya rasa dia gila, bukan Ahli dari Pasir Mas.

**Dr Eng Seng Chai:** Gila itu tidak . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** “Tidak siuman” itu gila. Maknanya, saya rasa dia yang gila, bukan Ahli dari Pasir Mas yang gila.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
. . . . . ataupun dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan "tidak siuman".

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, dia lebih dahsyat lagi, "gila" dia kata.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan "tidak siuman".

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya kata ini untuk Ahli dari Pasir Mas sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia minta perkataan "tidak siuman" tidak digunakan dalam Dewan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tetapi dalam senarai yang saya baca itu "tidak siuman" tidak masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya minta Yang Berhormat tarik perkataan "tidak siuman".

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tukar kepada "kurang siuman", itu bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Fahaman saya, perkataan "tidak siuman" ini "gila". Mengatakan orang itu gila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi itu perasaan dan persepsi seseorang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan "tidak siuman".

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tarik balik dan tukar kepada "kurang siuman"lah. Tetapi tadi ada disebutkan "gila" tetapi tidak tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti Yang Berhormat, duduk sekejap. Tadi saya dengar ada Yang Berhormat mengatakan beberapa kali perkataan "tidak siuman". Jadi perkataan "tidak siuman" itu diminta tarik balik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada dalam senarai yang . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Anggapan saya, perkataan "tidak siuman" tidak perlu digunakan dalam Dewan ini untuk menghalakan kepada seseorang ahli dalam Dewan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau "kurang siuman" boleh guna?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak boleh. Perkataan "siuman" tidak boleh digunakan. "Kurang siuman", "tidak siuman" memberi pengertian dia itu gila. Jadi minta tarik balik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya tarik balik, tetapi perkataan "gila" itu hendaklah ditarik balik juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti, itu belum lagi, duduk. Itu habis satu perkara.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya tidak timbul apa-apa masalah. Kalau dia kata saya tidak siuman tetapi akal saya sihat. Bagi dia yang tidak siuman, otak dia tidak sihat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya minta perkataan "tidak siuman" itu jangan disebut-sebut lagi. Buat perkataan lain pula.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbincangan bagi Rang Undang-undang ini. Saya menyebutkan tadi bahawasanya kemenangan bagi kawasan Gopeng dan Bukit Tuku sekali lagi telah membuktikan bahawa rakyat yakin kepada Barisan Nasional walaupun pihak Pembangkang telah berulang kali membangkitkan perkara-perkara ataupun isu yang kononnya Kerajaan Barisan Nasional menghadapi krisis keyakinan dan ianya lebih rasa memalukan lagi kerana isu yang begini mudah dipergunakan untuk memecah-belahkan kononnya dalam UMNO ini wujudnya Team A dan Team B.

Tuan Yang di-Pertua, soal dalam pemilihan UMNO yang telah selesai adalah satu perkara yang biasa yang berlangsung dalam sesuatu parti yang besar lebih-lebih lagi parti yang matang seperti UMNO. Oleh itu, kalaulah pihak DAP cuba hendak membesar-besarkan perkara ini, bawa ke Dewan yang mulia ini untuk menimbulkan perasaan syak wasangka akhirnya bagi tujuan memecah-belahkan di kalangan penyokong-penyokong parti pemerintah, ianya amat meleset sekali. Saya menyebutkan awal tadi pihak DAP boleh belajar, boleh mencari pengalaman dan mengikut contoh dan teladan pengalaman yang ada di kalangan pemimpin-pemimpin Melayu yang memimpin negara ini sejak merdeka dan hasil dari pimpinan itu telah dinikmati oleh seluruh rakyat di negara ini termasuk pihak DAP sendiri. Maka sebab itulah pihak Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam perbincangannya awal tadi bukan memusatkan sangat soal perbincangan kepada Akta ini tetapi sedaya upaya mencari jalan untuk memecah-belahkan, menimbulkan syak wasangka bagi tujuan-tujuan kepentingan politik. Manakala kalau dia lihat sendiri dalam parti UMNO, perkara-perkara soal proses pemilihan

dalam parti adalah perkara biasa dan sekarang ini seluruh ahli-ahli UMNO lebih-lebih lagi ahli-ahli Dewan Rakyat memberi kepercayaan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, selesainya masalah ini, saya hanya ingin memberi pandangan bersabit dengan isu KPD. Mengikut pandangan saya sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat yang juga mewakili rakyat yang dipilih oleh rakyat, isu KPD ini dibangkit saban hari, sepanjang masa dan cuba dibawa pula dalam Dewan yang mulia ini dan sebentar tadi di awal persidangan Dewan Rakyat ini, saya dapati ada sekumpulan pihak kononnya mewakili KPD membahagi-bahagikan risalah di luar Dewan yang mulia yang mungkin diatur oleh pihak DAP yang sudah pasti dirancang oleh pihak DAP untuk menjadi juara kepada isu KPD ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai waktunya kita membetulkan satu persepsi kepada seluruh rakyat negara ini tentang isu KPD ini sebenarnya, kerana ianya telah diselewengkan begitu jauh oleh pemimpin-pemimpin DAP. Penekanan dan isu yang dibawa seolah-olah memang Kerajaan begitu obligasi sekali, Kerajaan kononnya tidak ada pilihan selain daripada memenuhi tuntutan, dengan izin, "dollar-to-dollar" sebagaimana cadangan yang dibuat oleh DAP. Persepsi yang betul harus kita buat kepada seluruh rakyat bahawa isu KPD ini sememangnya pada prinsipnya bukanlah tanggungjawab secara langsung bagi Kerajaan menyelesaikan "dollar-to-dollar".

Saya juga sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat menentang keras di atas cadangan "dollar-to-dollar" yang dibawa oleh pihak DAP. Sebab saya menyebut demikian, kita lihat koperasi yang timbul masalah daripada 23 ialah 11 buah. 11 buah

koperasi ini yang mewakili lebih kurang 200,000 lebih orang dan kalau hendak diselesaikan kononnya memerlukan \$1.4 billion hanya menyelesaikan bagi tujuan 200,000 pendeposit. Tetapi pihak Pembangkang sedar atau tidak ada lagi ratusan ribu rakyat yang di luar bandar, di bandar, petani, nelayan, buruh, yang tidak bekerja, penganggur yang memerlukan pembelaan lebih daripada pendeposit-pendeposit ini. Ini bererti Kerajaan tidak bersimpati. Tanggungjawab Kerajaan dari segi KDP ini ialah mendakwa mereka yang bersalah dan dakwaan ini telah pun dibuat. Tetapi kalau hendak dikira tanggungjawab Kerajaan bukan sahaja mendakwa mereka yang bersalah, tetapi juga menyelesaikan dari segi pendeposit-pendeposit. Saya kira itu satu perkara yang tidak adil.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta penjelasan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mengatakan bahawa beliau menentang penyelesaian masalah DTC dengan dollar for dollar itu, saya ingin mendapat penjelasan darinya sama ada pandangannya mewakili dirinya sendiri sahaja ataupun pihak Kerajaan ataupun pihak Barisan Nasional ataupun UMNO? Ini satu jawapan tetap harus didapati. Terima kasih.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Pandangan saya adalah sebagai Ahli Dewan Rakyat yang dipilih bagi mewakili kawasan Pasir Mas. (*Tepuk*) Kita lihat sekarang ini, apabila Kerajaan memberi perhatian yang begitu serius, Kabinet membincangkan masalah KPD ini adalah berkali-kali. Mesyuarat demi mesyuarat, kenyataan demi

kenyataan. Sudah cukup membuktikan betapa Kerajaan begitu sekali mengambil berat terhadap isu KPD ini. Tetapi yang saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, dan saya hendak menasihatkan kepada pendeposit-pendeposit yang seramai 500,000 ini jangan terperangkap dengan strategi dan dakyah yang dibuat oleh DAP sekarang. Sebab jika mereka terperangkap dengan dakyah dan strategi yang dirancangkan oleh DAP sekarang, bukan sahaja mereka akan kehilangan penyelesaian untuk mereka mendapat balik wang simpanan dalam KPD, malah ianya juga akan membantut segala rancangan dan usaha yang dibuat oleh Kerajaan. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, pihak DAP tidak perlulah . . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Biar saya habis dahulu, sekejap lagi bolehlah, okay? Sebab, Tuan Yang di-Pertua, bagi DAP kita suka menasihatkan tidaklah perlu meninggikan suara, tidaklah perlu menghentakkan meja, tidak perlulah memanggil hujan di langit turun ke bumi—kalau faham bahasa Melayu. Sebab dalam Barisan Nasional sendiri memang soal untuk menyelesaikan KPD ini disuarakan dengan begitu lantang. Tidak payah DAP hendak jadi champion hendak tekankan Kerajaan, kononnya nanti kalau selesai, oh! inilah DAP. Kerana DAPlah, itu sahaja modalnya, malu—tidak perlu. Beri kesempatan, cukup dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin usaha yang dibuat sekarang ialah untuk kepentingan pihak pendeposit. Kita tahu pendeposit diniyai. Kita bersimpati. Simpati kita bukanlah setakat had bersimpati semata-mata. Memang kita sama turut mendesak supaya masalah pendeposit-pendeposit KPD ini dibela, diberi

penyelesaian kerana ini soal hak mereka, keadilan mereka. Tetapi kalau hendak menggunakan isu KPD ini untuk menghentam Kerajaan secara tidak langsung menghentam pemimpin Melayu, saya sekali lagi tidak akan membenarkan perkara ini berlaku, lebih-lebih lagi kalau usaha ini dibuat oleh pihak DAP, sebab kita juga mempunyai maruah. Sebab apa yang kita nampak sekarang ini cara DAP membawa isu ini ialah cuba hendak mencemuh kepimpinan Melayu. Kalau kita lihat dalam konteks isu KPD ini, Tuan Yang di-Pertua, cara yang dibawa oleh DAP sekarang ini sudah mula seolah-olah ianya merupakan satu isu perkauman.

DAP membandingkan kononnya kalau Bank Bumiputra menghadapi masalah, Kerajaan membantu, sebab Bank Bumiputra itu adalah kepunyaan bumiputera. Kalau Bank Rakyat ada masalah, Kerajaan membantu kerana Bank Rakyat itu bumiputera punya. Tetapi sedar atau tidak walaupun Bank Bumiputra itu sebagai satu institusi untuk menolong bumiputera, tetapi Kerajaan dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang yang meminjam dengan Bank Bumiputera, yang meminjam dengan Bank Rakyat, yang meminjam dari bermacam-macam institusi, yang menghadapi masalah ekonomi, diambil tindakan mahkamah, diambil tindakan bankrap, rumah digadai, orang-orang Melayu tidak bising pun dalam soal-soal seperti ini. Tidakkah pihak DAP sedar betapa sabar, betapa patience, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pengorbanan yang telah dibuat selama ini dan sekarang ini DAP cuba mengungkitkan isu KPD ini dan ianya seolah-olah hendak menjadi satu isu perkauman di mana kononnya orang-orang Melayu tidak hendak memberi perhatian kepada kaum masyarakat Cina.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Nanti, tidak habis lagi. Sekejap lagi, no problem, okay?

**Dr Eng Seng Chai:** Tetapi ini berkenaan dengan apa . . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Sekejap lagi saya berilah, duduk dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, 11 Koperasi menghadapi masalah ini. Saya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang geram juga. Saya ingin menganjurkan kepada Kerajaan, kalau susah sangat, kalau sudah Kerajaan beri betis hendak paha, itu pun tidak cukup, tidak sabar lagi hendak tunggu lagi penyelesaian, saya rasa, salah satu penyelesaian paling baik ialah bagi Kerajaan menimbang kembali 11 Koperasi yang dahulu hendak diwind-up, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dibubarkan, saya rasa serahkan balik, hidupkan semula. Biar Koperasi ini berjalan balik, biarlah masalah koperasi ini dengan pendeposit-pendeposit. Kalau itu menjadi pilihan dan tekanan dari pihak-pihak yang tertentu. Sebab saya kira, Tuan Yang di-Pertua, masalah isu KPD ini kalau kita tidak beri persepsi yang betul, isu ini cara dilaporkan dalam akhbar, risalah-risalah yang diedarkan, ianya boleh menimbulkan masalah perkauman di negara ini. Dan saya juga menggesa dan merayu kepada pihak DAP supaya kalau kita bermain dengan api, biarlah mempunyai hadnya yang tertentu.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Okaylah.

**Dr Eng Seng Chai:** Terima kasih Yang Berhormat. Masa pun sudah sampai 6.30 petang, saya minta penjelasan. Tadi saya ingat Yang Berhormat putar-belitkan isu ini. Bukan DAP yang bermain-main isu ini

sebagai isu perkauman. Sebenarnya, Barisan Nasional sendiri. Jika Kerajaan boleh menyelamatkan Bank Bumiputra, BMF, Bank UAB, Sabah Bank Berhad, Perwira Habib Bank, Bank Rakyat mengapa Kerajaan tidak boleh salurkan, keluarkan sedikit wang menyelamatkan kepentingan 588,000 orang pendeposit. Berbeza dengan contoh Sabah Bank Berhad, di mana kita diberitahu beratus-ratus juta dirugikan, diselewengkan oleh siapa? Segelintir kecil beberapa orang ahli politik yang kuat dalam Sabah. Mengapa Kerajaan Barisan Nasional ada satu sikap pilih kasih? Mengapa Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan yang parti UMNO menjadi satu anggota anak tirikan kepentingan banyak rakyat. Ini bukan isu perkauman. Itu isu lebih banyak orang, lebih daripada segelintir pengarah atau ahli politik sahaja.

Tadi katanya kita gunakan ini atas satu isu perkauman. Macam itu bolehkah kita salahkan MCA. Saya kesal mereka duduk diam-diam sahaja. Mereka yang menyokong rancangan pulangkan \$1.00 untuk \$1.00. Mereka duduk sahaja, you bangkang mereka duduk sahaja diam-diam. Inilah MCA, Menteri-menteri mereka. Mereka pun sokong juga. Bukankah yang cadangan awak sebagai ahli UMNO, sebagai ahli Barisan Nasional bercanggah dengan dia? Apakah MCA buat?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat dari Pasir Mas boleh sambung pada hari Isnin, 6hb Julai.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak sempat jawab!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jawab hari Isnin. Sila Yang Berhormat kemukakan usul.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### PENYALAHGUNAAN KUASA DISIPLIN OLEH GURU

6.30 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, adalah perlu salahguna kuasa disiplin guru-guru di negara kita patut dikawal. Pada 11hb Jun tahun ini seorang guru telah dituduh di mahkamah Majistret Kelang di atas tuduhan meramas buah zakar seorang muridnya.

Di Bidong tahun lepas satu aduan Polis telah dikemukakan oleh Beberapa orang murid Sekolah Menengah Bidong terhadap seorang guru yang sentiasa cuba mencabul kehormatan dan memukul mereka. Saya telah menulis kepada Kementerian Pelajaran supaya tindakan yang sewajarnya diambil. Saya difahamkan bahawa guru tersebut hanya ditukar ke sebuah sekolah lain.

Saya berpendapat bahawa tindakan disiplin patut diambil terhadap guru tersebut. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan mengkaji perkara ini

dan memberitahu saya keadaan yang sebenarnya dengan secepat mungkin.

Pendidikan adalah suatu bidang yang mulia Tuan Speaker, tetapi dukacita beberapa dengan izin, blacksheep, telah memberi bidang tersebut suatu nama buruk. Pada tahun-tahun 50an dan 60an kelakuan buruk di kalangan guru adalah tidak biasa. Tetapi hari ini terdapat terlalu banyak kes-kes salahguna kuasa disiplin di kalangan guru-guru.

Saya bersetuju bahawa guru-guru harus diberi kuasa untuk mendisiplin khasya bila murid-murid hari ini adalah tidak bersopan dan tidak berdisiplin. Baru-baru ini seorang murid telah menampar gurunya di tempat awam. Guru tersebut membuat suatu report police. Tidak termasuk akal pada masa saya sedang bersekolah untuk menampar atau bagaimanapun melawan arahan seorang guru boleh terjadi. Hukuman corporal, dengan izin, jika terpaksa dijalankan haruslah sebagai pilihan yang terakhir.

Saya ingin tahu kuasa-kuasa guru untuk menggunakan hukuman corporal. Guru-guru mesti diberitahu dengan lebih lanjut kuasa-kuasa mereka untuk menggunakan hukuman corporal dan had-hadnya. Para guru sendiri mesti didisiplin sebelum disiplin di kalangan murid-murid sekolah boleh dijalankan. Tidak boleh dinafikan bahawa ramai murid-murid yang menggunakan dan menghisap najis dadah, juga tidak boleh dinafikan bahawa ada guru-guru dalam negara ini yang menggunakan dan menghisap dadah.

Guru-guru Besar harus mengawal guru-guru mereka jika seorang guru memerlukan rawatan jiwa dengan izin, psychiatric treatment dan mesti dihantar ke hospital untuk rawatan itu, dan jika tidak ini mungkin jadi suatu sumber bahaya dan ancaman kepada murid-muridnya. Kementerian harus

mengawal ketat dan berhati-hati supaya memastikan disiplin terhadap para guru-guru adalah diperhatikan guru-guru dituduh di mahkamah di atas tuduhan memukul murid-murid mereka. Kejadian tersebut adalah buruk untuk semua orang. Ia memberi negara kita suatu nama buruk.

Tuan Speaker, memukul murid-murid adalah satu perbuatan yang tidak patut oleh guru-guru. Pada hari Selasa seorang guru lelaki di Sekolah Kebangsaan Banggol Cica, Pasir Mas Kelantan telah terlampau kelakuannya dan menyepak seorang guru perempuan, Puan Sri Banun Abdul Hamid umur 26 tahun. Tuan Speaker, apa yang terjadi dalam perkara itu ada dalam Berita Harian bertarikh 1 Julai tahun ini.

Tuan Speaker, saya berpendapat yang guru lelaki tersebut sepatutnya dikenakan tindakan disiplin dengan segera. Puan Sri Banun patut membuat satu laporan Polis dan Peguam Negara patut memberi perhatian kepada dan menyiasat kes ini sendiri. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah membesar-besarkan di Dewan yang mulia ini perkara yang tidak sepatutnya dibesar-besarkan. Perbuatan penyalahgunaan kuasa-kuasa. . . .

**Tuan R. Karpal Singh: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia minta jalan.

**Tuan Woon See Chin:** Saya tidak memberi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Duduk Yang Berhormat, dia tidak beri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau tidak mahu beri jalan, jangan buat tuduhan atas sesuatu Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, duduklah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya beri amaran, lain kali jangan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, perbuatan penyalahgunaan kuasa-kuasa disiplin dilakukan oleh segelintir guru-guru sahaja. Jumlah guru kita yang ada pada hari ini bukan dalam lingkungan ratusan tetapi beribu-ribu ramainya. Ini Yang Berhormat dari Jelutong sentiasa sedar. Seperti dijelaskan di Dewan yang mulia ini pada 30hb Jun, 1987 dahulu sepanjang tempoh tahun 1982 sehingga tahun 1986 didapati hanya seramai 27 orang guru sahaja telah didakwa melakukan tindakan yang luar biasa ke atas murid-murid.

Pada tahun 1986 terdapat 4 sahaja kes seperti ini. Oleh itu adalah jelas bahawa perbuatan tersebut adalah terlalu kecil bilangannya dan tindakan tidaklah patut dibimbangkan. Kita juga harus bersikap realistik dalam perkara ini. Blacksheep, dengan izin, yang terdapat dalam masa dua profesion di mana jua pun ini Yang Berhormat dari Jelutong sentiasa sedar juga.

Profesion perguruan dianggotai oleh begitu ramai ahli dan wujudnya sekali sekala segelintir guru yang melampaui batas, peraturan tidak seharusnya memeranjatkan sesiapa. Lebih-lebih lagi ia tidak seharusnya digunakan sebagai bahan untuk mencemaskan ibu bapa atau orang ramai tentang apa yang berlaku di sekolah-sekolah kita. Perbuatan Yang Berhormat ini seolah-olah menidakkan wujudnya beribu-ribu orang guru di sekolah kita yang

tidak dapat diragui sama sekali dedikasi dan professionalism mereka.

**Tuan R. Karpal Singh:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat.

**Tuan Woon See Chin:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bagus, terima kasih. Tuan Speaker, saya tidak ada buat tuduhan atas semua guru-guru dalam negara ini. Guru-guru yang boleh dikatakan black sheep juga, saya ada beri contoh dua, tiga contoh juga, bukan tuduhan atau tohmahan-tohmahan atas semua guru-guru dalam negara ini. Saya tahu ada banyak guru-guru yang baik, berkelakuan baik, itu boleh diterima. Saya mahu beri penjelasan itu. Bukan atas semua guru-guru dalam negara ini tidak berapa banyak black sheep, dalam MCA ada banyak black sheeps seperti Yang Berhormat di sana. (*Ketawa*)

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sebab Yang Berhormat dari Jelutong sudah memberi keadilan kepada ramai guru yang berada di negara kita ini. Dan Yang Berhormat itu pun adalah seorang yang tidak bersopan bagus di dalam Dewan ini juga. Dengan mengatakan bahawa kita tidak sepatutnya menimbulkan kebimbangan atas perkara ini, tidak pula saya bermaksud bahawa Kementerian Pendidikan tidak mengambil berat tentang perkara tersebut.

Sebaliknya Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada soal-soal yang berkaitan dengan disiplin sekolah termasuk disiplin guru-guru. Langkah-langkah untuk mempertingkatkan disiplin di kalangan murid-murid dan guru-guru sedang dilaksanakan dan dikaji dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan untuk mengawal disiplin guru memang telah diadakan. Peraturan ini ialah Perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib) dan peraturan tersebut telah ditetapkan prosedur untuk menjalankan tindakan tatatertib kepada mereka yang melakukan perbuatan tidak berdisiplin.

Dengan adanya peraturan ini maka guru-guru dilarang bertindak sesuka hati dalam menjalankan tugas mereka tanpa mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Guru-guru yang menyalahgunakan kuasa mereka boleh diambil tindakan tatatertib kerana melanggar peraturan-peraturan seperti berikut:

- (1) Peraturan 4 (2) (d) Perintah Am Bab D 1980 iaitu: "Berkelakuan dengan sedemikian cara hingga menjatuhkan reputasi perkhidmatan awam atau menghilangkan kepercayaan terhadap perkhidmatan awamnya;"
- (2) Peraturan 4 (2) (g) iaitu: "tidak bertanggungjawab;". Untuk memastikan supaya guru-guru mematuhi peraturan berhubung dengan menghukum murid-murid, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (i) mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar Sekolah—sekolah masing-masing membuat penyediaan dan perbincangan terutamanya dengan guru-guru berkenaan mengenai semua peraturan dan panduan yang diberikan untuk difahami dan dapat diikuti sebaik-baiknya;

- (ii) mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri, mengambil tindakan kepada guru-guru yang berkenaan bila hasil siasatan yang dijalankan menunjukkan guru-guru itu bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, setiap Pengetua atau Guru Besar dan guru sentiasa diingatkan supaya mereka tidak bertindak sesuka hati di dalam menjalankan tugas mengawal disiplin murid-murid. Sekiranya hukuman perlu dikenakan ke atas seseorang murid yang didapati melanggar disiplin sekolah maka tindakan yang dijalankan hendaklah mengikut garis panduan hukuman seperti yang telah ditetapkan di bawah Ordinan Pelajaran 1961, Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959.

Seterusnya, setiap Pengetua atau Guru Besar juga telah diarah membuat penyeliaan ke atas guru-guru sewaktu mengajar di mana di antara lain persetujuan untuk mengelakkan perlakuan kejadian guru-guru melakukan tindakan hukuman yang keterlaluan ke atas murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu guru-guru pelatih yang sedang mengikuti kursus juga didedahkan kepada peraturan yang berkaitan dengan had kuasa disiplin guru terhadap murid-murid. Apabila guru-guru pelatih itu bertugas kelak maka mereka telah sedia mempunyai pengetahuan berhubung dengan had kuasa disiplin yang boleh mereka jalankan ke atas murid-murid.

Perlu ditegaskan bahawa Kementerian Pendidikan tidak akan membiarkan segelintir guru menyalahgunakan kuasa disiplin mereka ke atas murid-murid sekiranya ada Guru Besar atau guru yang didapati menyalahgunakan kuasa-kuasa disiplin mereka ke atas murid-murid. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Dia berucap lebih daripada masa yang dihadkan kepada dia. Dia tidak ada privilege yang lebih. Masa sudah sampai, duduk. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat panjang lagikah. Saya beri satu ayat sahaja lagi. *(Ketawa)*

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa apa yang sudah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu adalah sudah membesar-besarkan isu ini dan patut tidak perlulah disuarakan di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

#### AKTA PENYEWAAN BAGI PENYEWA RUMAH

6.35 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, selama tahun-tahun kebelakangan ini banyak pertikaian di antara penyewa-penyewa dan tuan tanah yang dibawa ke mahkamah-mahkamah kita yang mana keputusan-keputusan penting telah dibuat dan meninggalkan implikasi sosial yang meluas untuk beratus ribu penyewa tanah pertanian, rumah, rumah-tumah kedai dan lain-lain bangunan.

Keputusan Mahkamah Agung baru-baru ini mengenai kes Tien Teik Estate di Pulau Pinang tidak sahaja memberi kesan atau melibatkan penduduk Tien Teik Estate tetapi juga penyewa-penyewa tanah pertanian, rumah dan bangunan yang lain di seluruh negara. Mahkamah Agung memutuskan dalam kes Tien Teik Estate bahawa tuan tanah dan pemaju tidak perlu pergi ke mahkamah terlebih dahulu sebelum mengusir penyewa-penyewa. Mereka boleh memilih sama ada

meminta kebenaran mahkamah atau mengusir penyewa-penyewa secara sendiri.

Undang-undang yang ada di negara kita masa kini yang menyentuh pertikaian antara penyewa dan tuan tanah, memberi lebih banyak kuasa kepada tuan tanah dan memberi perlindungan yang kecil kepada penyewa-penyewa.

Undang-undang berkaitan dengan hak tuan tanah dan penyewa mempunyai implikasi yang serius kepada sebahagian besar penduduk di negara Malaysia.

Pada masa ini terdapat lebih kurang satu juta pekebun kecil dan tanggungan mereka yang menjadi penyewa penuh atau penyewa sebahagian di Malaysia. Terdapat juga beratus-ratus ribu petani, pekebun kecil yang menyewa tanah bagi menanam sayur-sayuran, buah-buahan, tembakau, kelapa sawit, kelapa dan menternak binatang-binatang. Di samping penyewa-penyewa tanah pertanian, terdapat juga 5 juta penduduk yang menjadi penyewa rumah kerana mereka tidak mampu memiliki rumah sendiri. Terdapat juga beribu-ribu peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga yang menyewa rumah kedai. Sekiranya berlaku pengusiran oleh tuan tanah, penyewa-penyewa ini berada di pihak yang kurang bernasib baik dan sering menjadi mangsa kepada tuan tanah yang mengakibatkan kehilangan mata pencarian untuk mereka.

Memandangkan masalah-masalah di atas, kami suka mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah menyemak semula undang-undang yang ada berkaitan dengan penyewa dan tuan tanah. Akibat ketiadaan undang-undang yang jelas yang melindungi hak-hak para penyewa Kerajaan hendaklah memperkenalkan satu undang-undang yang baru dan

komprehensif di Perlimen dalam bentuk Akta Penyewaan yang mana hak penyewa-penyewa akan diambil kira dan diperindungi.

Cadangan Akta itu hendaklah meliputi pelbagai peruntukan termasuk:

- (1) menjamin kedudukan penyewa mengikut jenis penyewaannya seperti penyewaan rumah, bangunan perniagaan dan perdagangan serta tanah pertanian;
- (2) merangka kriteria yang jelas bagi menentukan sewa untuk rumah-rumah, bangunan dan tanah;
- (3) merangka prosedur yang jelas serta syarat-syarat bagi penamatan sebarang penyewaan dan cara-cara bagi rayuan oleh penyewa sekiranya pada pandangannya penyewaan itu tidak ditamatkan dengan sah;
- (4) mengadakan satu peruntukan yang jelas yang menghalang tuan tanah daripada mengusir seorang penyewa secara paksa tanpa mendapatkan perintah mahkamah sekiranya berlaku pertikaian yang serius di antara kedua pihak dan penyewa enggan keluar dengan sukarela; dan
- (5) membentuk satu badan pengadilan ataupun tenancy tribunal, dengan izin, bagi mengendalikan kes-kes pertikaian antara tuan tanah dan penyewa. Badan seumpama ini seharusnya diketahui oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang dikehendaki menjunjung prinsip keadilan dan kesaksamaan sosial.

Sehingga satu Akta baru dikuatkuasakan, Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah menghalang tuan-tuan tanah dari

menggunakan paksaan untuk mengusir para penyewa oleh mereka.

Ini kerana undang-undang yang ada sekarang membenarkan tuan-tuan tanah mengusir penyewa dengan tidak menggunakan kekerasan daripada benar-benar diperlukan dan adalah sukar dalam amalan yang sebenar untuk menentukan apakah yang dikatakan benar-benar diperlukan dan apakah yang dikatakan tidak. Sekian.

*6.51 ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Hussein bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ucapan kawan saya Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Sukacita dimaklumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa ini belum ada cadangan untuk memperkenalkan Akta baru sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesuatu Akta baru diwujudkan semua aspek dari segi keperluan dan implikasi undang-undang serta dasar negara perlu diambil kira secara mendalam dan terperinci. Untuk mewujudkan satu Akta Penyewaan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, implikasinya bukan sahaja akan melibatkan penyewa-penyewa rumah malahan juga tuan-tuan punya bangunan dan industri perumahan. Pada keseluruhannya adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk memastikan bahawa langkah yang teliti diambil sebelum cadangan untuk sesuatu Akta seumpama ini dilaksanakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya

kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 6hb Julai, 1987.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.*